

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KEDUA	AHAD, 30 JUN 2019	BIL. 5 TAHUN 14
-------------------	--------------------------	------------------------

HADIR

YB Speaker,
Tuan Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**
Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi
Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan
dan Koperasi**
Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar**
YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar**
Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur
Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub
(Simpang Jeram)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil
(Rengit)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah. (Bacaan selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya sempurna sudah Majlis Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Khamis, 27 Jun 2019.

Dengan ini, Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Dewan yang mulai ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan Selamat kepada Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-35 pada 30 Jun 2019.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor (DMIJ) yang membawa gelaran Dato' pada 22 April 2019.

Saya juga mengambil kesempatan di sini dalam tempoh masa bulan Syawal ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 21 hingga 24 Tahun 2019.

Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2019	- Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 2019.
Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2019	- Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2019.
Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2019	- Laporan Tahunan Johor Corporation bagi Tahun 2018.
Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2019	- Resolusi Untuk Menubuhkan Akaun Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 dan 26 Tahun 2019.

Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Labis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2019.

Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2019 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Mahkota, jemput.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Adakah terdapat perancangan untuk menukar status Hakmilik Tanah Sementara kepada Hakmilik Kekal di kawasan penempatan milik bumiputera untuk meningkatkan nilai hartanah dan meningkatkan penggunaannya?

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput..

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah polisi Kerajaan Johor dalam pemberimilikan tanah kerajaan kepada rakyat dan adakah pemberimilikan sementara tanah kerajaan yang diusahakan akan dibenarkan pemberimilikan kekal?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan YB Mahkota dan seterusnya soalan YB Tangkak secara bersekali mengenai status pendaftaran hakmilik muktamad dan juga usaha Kerajaan Negeri mengurniakan hakmilik kekal ke atas pemilikan tanah sementara.

Peruntukan Seksyen 189 Kanun Tanah Negara menyatakan mana-mana tanah yang dipegang di bawah hakmilik sementara yang telah diukur dengan sempurna, selaras dengan peruntukan Seksyen 396 KTN hakmilik muktamad bolehlah dikeluarkan sebagai sambungan kepada hakmilik sementara.

Secara prosedurnya, Pentadbiran Tanah Johor melaksanakan penukaran hakmilik sementara kepada hakmilik muktamad sejurus menerima pelan akui dalam bentuk Borang B1 Jadual Ke-14 KTN daripada Pengarah Ukur Negeri, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di mana hakmilik muktamad akan didaftarkan menggantikan hakmilik sementara dan hakmilik sementara tersebut tidak lagi berkuat kuasa.

Seterusnya saya ingin menjelaskan bahawa pada dasarnya pemberimilikan ke atas sesuatu tanah Kerajaan hendaklah tidak melebihi dari tempoh 99 tahun sebagaimana peruntukan Seksyen 76(a) Kanun Tanah Negara 1965. Secara perundangannya, pemberimilikan sesuatu tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi memohon pemberimilikan secara pegangan kekal adalah sepertimana Seksyen 76(aa)(iii) boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri apabila Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati akan wujudnya keadaan-keadaan khas.

Majlis Tanah Negara Ke-64 telah menetapkan beberapa amalan sebagai dasar pemberimilikan tanah secara selama-lamanya dalam keadaan-keadaan khas menurut Seksyen 76(aa) KTN. Ianya diterjemahkan dengan jelas untuk dijadikan rujukan Pihak Berkuasa Negeri melalui pekeliling KPTG bilangan (1)2011 (Kaedah Pelaksanaan Dasar Pemberian Tempoh Pegangan Baru Tidak Melebihi 99 Tahun Bagi Tanah-Tanah Milik Berstatus Pajak Negeri dan Pajak Mukim) iaitu antara lain ia menetapkan bahawa:

1. Pemberimilikan tanah Kerajaan untuk tempoh pegangan selama-lamanya boleh dipertimbangkan bagi tanah-tanah Kerajaan bersifat tanah saku yang dipohon yang kemudiannya akan dicantumkan dengan tanah-tanah bersebelahan yang berpegangan selama-lamanya dan dipunyai oleh tuan tanah yang sama.
2. Pemberimilikan dalam bentuk kekal juga ianya untuk tanah-tanah yang asalnya adalah pegangan kekal tetapi kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan dan diberi milik semula kepada tuan punya tanah melalui proses Serah Balik Kurnia Semula (SBKS). Perkara ini merujuk kepada pemberimilikan tanah Kerajaan untuk tempoh pegangan selama-lamanya melalui peruntukan-peruntukan khas di bawah Bahagian 12 Kanun Tanah Negara 1965, serah balik dan beri milik semula atau bagi Negeri Johor melalui proses SBKS Seksyen 197 dibaca bersama Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.
3. Pemberimilikan dalam kes-kes di mana Kerajaan mengambil tanah yang berstatus kekal melalui Akta Pengambilan Balik Tanah (PBT) 1960 tetapi harga tanah itu tidak dikehendaki oleh Kerajaan dan hendaklah diberi milik semula kepada tuan tanah asal, adalah difikirkan adil jika tanah itu diberi milik untuk selama-lamanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat di Negeri Johor, manifesto Pakatan Harapan semasa Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu antara lain memberi komitmen untuk memberikan status tanah pajakan 99 tahun untuk Kampung Melayu, kampung tradisi, kampung tersusun dan kampung baharu.

Suka untuk saya nyatakan dari sudut nilai hartanah, tempoh pajakan 99 tahun ini bolehlah dikatakan dengan izin, "*as good as freehold*". Tambahan pula Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 telah menambah peruntukan Seksyen 90(a) yang membolehkan tuan tanah memohon sambungan tempoh pajakan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh pajakan untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pada masa ini, selaras juga dengan ketetapan di bawah Peraturan Tanah Johor 1966 Pindaan Tahun 2004, Kerajaan Negeri semasa mempertimbangkan permohonan-permohonan pemberimilikan tanah akan menawarkan kepada pemohon yang berjaya tempoh pajakan 99 tahun bagi tanah pertanian dan memberi pilihan atau opsyen bagi tanah rumah kediaman.

Seseorang yang dikurniakan tanah untuk tapak rumah kediaman diberi pilihan untuk memilih tempoh pegangan selama 60 tahun atau 99 tahun dan premium dikenakan berdasarkan tempoh yang dipilih. Ini menunjukkan Kerajaan memberi peluang kepada individu memiliki tanah berpegangan 60 tahun atau 99 tahun berdasarkan kemampuan masing-masing. Oleh itu, pemimpin masyarakat hendaklah menggalakkan individu yang berjaya dikurniakan tanah membayar premium tanah dalam tempoh yang ditetapkan kerana bayaran yang dikenakan adalah sangat rendah daripada nilai pasaran tanah. Sekian.

YB Speaker : Yang Berhormat Mahkota.

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) : Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah tanah rizab Melayu pada tahun 2017, 2018 dan 2019? Adakah pertambahan jumlah rizab Melayu sejak Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan negeri?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker... Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor amat komited di dalam soal memelihara kepentingan Bumiputera, walaupun kini pentadbiran negeri adalah di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan Negeri terus berusaha untuk memastikan tanah rizab Melayu terpelihara kerana perkara ini amat penting dalam menjaga hak orang Melayu. Sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam bidang tanah, hartanah dan perumahan. Dalam rekod yang ada pada saya ini, sehingga April 2019, pertambahan jumlah keluasan tanah rizab Melayu sejak Pakatan Harapan menerajui kepimpinan Johor adalah sebanyak 230.24 hektar. Ini menjadikan luas jumlah keseluruhan keluasan tanah rizab Melayu adalah 557,518 hektar berbanding 557,287 hektar pada Disember 2018. Daerah Kulai merupakan daerah yang mencatatkan peningkatan keluasan tanah rizab Melayu tertinggi iaitu 75.64 hektar diikuti Kota Tinggi 49.35 hektar dan Pengerang 34.54 hektar. Walaupun Negeri Johor merupakan pilihan pelabur dalam dan luar negara ke negeri ini, tetapi Kerajaan Negeri sedar akan kepentingan untuk memelihara dan memastikan rizab Melayu ini terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Sekian.

YB Speaker : Ya, Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Pertamanya, saya ingin ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana dalam tempoh pentadbiran Negeri Johor pada tahun pertama yang lalu telah membenarkan apa tu melonggarkan bagi mereka terutama pemegang geran tanah di Negeri Johor supaya dapat memperbaharui tempoh pada bila-bila masa dan mengikut syaratnya iaitu setelah mereka atau apabila pemegang tanah ingin melanjutkan tempoh, pekeliling KPTG (1) pada 2011 diguna pakai iaitu menentukan premium yang dikenakan mengikut pekeliling tersebut bagi kediaman, kategori kediaman iaitu 15% harga pasaran bagi mereka yang ingin melanjutkan sehingga 60 tahun, 30% harga pasaran bagi mereka yang ingin melanjutkan kepada 99 tahun, tetapi adakah, soalan saya adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula terutama kepada pemegang tanah kediaman supaya mereka dapat melanjutkan tempoh pegangan tanah tersebut dengan kadar ataupun premium yang lebih rendah? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat. Minta Mahkota *off*. Ok.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Kerajaan negeri sentiasa maklum terhadap jumlah yang dikenakan dan insya-Allah kerajaan negeri akan sentiasa memantau jumlah cukai yang dikenakan dan jika ada perubahan kerajaan negeri akan membuat satu kajian untuk mengadakan satu perubahan sama ada perubahan itu, cukai itu perlu dinaikkan atau diturunkan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Jemput Yang Berhormat Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Apakah langkah-langkah terkini yang dilakukan bagi memastikan kadar ponteng kelas dan sekolah semakin berkurangan di negeri Johor?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO. Pekan Nanas minta *off*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada YB Tuan Speaker. Saya menjawab soalan daripada Machap. Apakah langkah-langkah terkini yang dilakukan bagi memastikan kadar ponteng kelas dan sekolah semakin berkurangan di negeri Johor. Terutama sekali kepada Yang Berhormat Speaker dan juga Machap, kita sedia maklum bahawa ada faktor-faktor berlakunya ponteng. Kalau kita dapat mengetahui faktor-faktor ponteng, insya-Allah bagi pihak sekolah dan juga jabatan pendidikan akan menguruskan membantu. Antara perkara penting untuk kita maklum berlaku ponteng disebabkan ada beberapa perkara antaranya persekitaran *e-group* di kalangan pelajar-pelajar yang terlibat yang mana *group* dia kadang-kadang bukan seorang dua tetapi lebih daripada tiga ataupun empat orang.

Yang kedua, mungkin kerana kerja sambilan pada sebelah malam menyebabkan dia mengantuk pagi bangun lambat jadi dia tidak boleh pergi sekolah. Yang ketiga ada juga kaitan masalah rumah tangga, ibu bapa yang ada bermasalah menyebabkan anak-anak tidak dapat dikawal ia menyebabkan anak-anak ini pun terbiar, tak datang ke sekolah. Yang keempat, mungkin ada masalah kerja rumah tak siap, takut nak datang sekolah, jadi faktor-faktor ini juga menyebabkan pelajar-pelajar ponteng.

Jadi, berdasarkan kepada empat faktor yang telah saya nyatakan, Alhamdulillah, di peringkat Kementerian juga di peringkat sekolah itu sendiri ataupun Jabatan Pendidikan telah memainkan peranan antara yang pertama sekali mengadakan sesi kaunseling, bimbingan dan kaunseling yang melibatkan guru-guru bimbingan kaunseling di mana murid-murid yang bermasalah ini dipanggil dan direkodkan, dimasukkan dalam data e-rekod kaunseling sekolah-sekolah negeri Johor. Di mana kalau kita lihat jumlah ponteng seluruh negeri Johor sebanyak kalau bilangan kita nampak banyak iaitu 3,992 kes banyak tapi kalau dijumlahkan, dibandingkan dengan keseluruhan pelajar daripada darjah satu sampai tingkatan enam atas ia sebenarnya bilangan yang agak peratus kecil. Di mana kalau kita lihat di sini bahawa kes ponteng yang dapat diselesaikan daripada jumlah 3,992 kes, iaitu kita sudah dapat selesai 298. Alhamdulillah, di mana perubahan tingkah laku pelajar-pelajar yang ponteng ini dapat dikawal dan perubahan ini memberikan keyakinan kepada kita bahawa apabila kita dapat mengetahui sebab-sebab dan masalah pelajar, insya-Allah, kegiatan ponteng yang berlaku ini dapat dibanteras ataupun dikawal ataupun dipertingkatkan kebanyakannya.

Perkara yang kedua, jabatan juga berdasarkan kepada pelaksanaan pelancaran Program Ziarah Cakna di peringkat kebangsaan negeri dan juga peringkat daerah-daerah dan sekolah-sekolah. Alhamdulillah, dalam Program Ziarah Cakna ini juga ia merupakan lawatan guru ke rumah murid bertemu dengan ibu bapa penjaga berbincang bertukar-tukar fikiran mengatasi masalah ponteng dan ini salah satu daripada perkara yang lebih terkehadapan untuk menghadapi ponteng, anak-anak ponteng ini. Dan, di sinilah kejayaan dapat kita laksanakan walaupun mungkin mengambil masa kepada guru nak pergi ke rumah mereka nak jumpa dan sebagainya, kadang-kadang faktor-faktor PNP yang ketat menyebabkan program ini walaupun baik mungkin kena ambil masa jugalah untuk selesai. Jadi terima kasih.

YB Speaker : Sebelum saya bagi Machap, suka mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah Peraturan 26(5) sewaktu soalan tambahan itu tidak boleh sekali-kali menerbitkan perkara, bahan yang tidak termasuk dalam soalan asal. Maknanya sebarang soalan tambahan itu mesti berkait dengan soalan yang asal itu bukannya soalan yang baharu. Silakan Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang menjawab soalan telah saya bangkitkan. Berkaitan dengan punca kes ponteng kelas juga ponteng sekolah sebagaimana telah dijelaskan oleh YB EXCO tadi, terdapat juga dalam kalangan pelajar yang ponteng sekolah terutamanya ada kaitan dengan masalah kemiskinan keluarga, kadangkala ibu bapa yang tidak mampu untuk memberikan perbelanjaan harian kepada anak-anak dan juga kadangkala tidak mampu untuk memberikan tambang bas atau kenderaan kepada anak-anak. Jadi apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri Johor dalam membantu perkara ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Terima kasih pada Machap atas soalan tambahan. Berkaitan dengan keluarga miskin menjadikan faktor kepada masalah ponteng. Sebenarnya, dari segi kedudukan keluarga miskin ataupun yang bermasalah ini, ia pertama sekali kalau kita lihat ada Persatuan PIBG, Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan juga yang terbaru kita sedia maklum ada Kumpulan Sokongan Ibu Bapa dan ada lagi satu kumpulan yang dipanggil Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti. Jadi ini semua kumpulan-kumpulan yang diwujudkan di sekolah untuk membantu, pertama sekali pentadbiran secara tidak langsung, khususnya tentang masalah disiplin pelajar dan juga bantuan-bantuan yang berkaitan dengan pembangunan serba sedikit. Jadi, dalam hal ini, sebenarnya kalau kita lihat ada beberapa sekolah yang terlihat ke hadapan dalam membantu pelajar-pelajar miskin yang masalah ponteng iaitu sepertimana yang kita sedia maklum ada sebahagian daripada persatuan ataupun bilik guru sendiri mengemukakan ataupun membuat sumbangan pungutan bulanan untuk memastikan murid-murid ini dapat bantuan persekolahan. Ini pengalaman beberapa sekolah yang telah melaksanakan program ini dan Alhamdulillah, ia berjaya. Di kalangan daripada soalan yang dikemukakan, apakah cadangan ataupun pandangan kerajaan negeri Johor? Insya-Allah kita ambil maklum dan kita akan uruskan program-program seumpama ini dengan bantuan kepada PIBG yang telah dirancang. Kita akan memberikan sumbangan daripada kerajaan negeri kepada PIBG untuk memerhatikan kumpulan pelajar sasaran khusus kepada pelajar ponteng di kalangan keluarga miskin yang disebabkan kemiskinan maka kita akan membantu. Itu antara cadangan dan perancangan akan kita laksanakan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Bukit Pasir silakan.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker,

YB Speaker : Bukit Pasir dulu.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Soalan tambahankan?

YB Speaker : Ya, Bukit Pasir dulu.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB Speaker, soalan tambahan daripada DUN Bukit Pasir. Bagaimanakah tindakan atau menggalakkan kerana terdapat juga bilangan pelajar yang tidak bersekolah anak yang di luar nikah. Di kawasan DUN Bukit Pasir terdapat anak yang di luar nikah yang tidak ada dokumen pengenalan dan terbiar. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk anak ini daripada terbiar daripada persekolahan. Soalan daripada Bukit Pasir.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi : Boleh tak jawab, sebab soalan tu bukan soalan ponteng. Soalan tu berkaitan dengan anak luar nikah yang tiada identiti. Tetapi untuk makluman pada semualah untuk Dewan. Bukit Pasir mempersoalkan tentang tak bersekolah disebabkan tidak ada dokumen kepada anak-

anak tadi. Jadi dalam hal ini sebenarnya di peringkat kementerian dan juga di peringkat jabatan memang ada pengurusan yang penting pengesahan di mana dia dilahirkan dan juga hospital dan sebagainya sekurang-kurangnya dia ada maklumat ibu ataupun ayah, salah satu. Dari situ boleh dapatkan identiti pelajar tadi ataupun anak-anak ini. Identiti itu memberikan peluang kepada mereka untuk bersekolah. Yang penting tahu di mana dia lahir, siapa mak dia, sebab kalau dia terus tidak ada dokumen yang berkenaan memang sukarlah. Maknanya ia bukan warganegara. Ini yang berlaku di sebahagian dari Sabah dan Sarawak, tapi mungkin di Johor ini tidak ramai yang isu ini. Sebab mungkin ia anak pendatang ataupun orang yang memang tiada identiti. Jadi, apa-apa pun dia akan kena rujuk kepada Pejabat Pendaftaran di mana dia dilahirkan, bagaimana pengurusan selepas daripada itu. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Pulau Sebatang jemput.

YB Tuan Muhammad Taquiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapakah jumlah RMBJ yang telah ditawarkan kepada awam selepas PRU14 dan berapakah RMBJ dijangka akan siap sebelum 2023 setakat kelulusan yang diberikan sehingga hari ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 5.

Berapakah jumlah permohonan rumah kos rendah dan Rumah Mampu Biaya di negeri Johor serta jumlah Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Biaya yang dirancang dan dapat dibina di negeri Johor?

YB Speaker : Yang Berhormat Layang-Layang, jemput.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 6.

Apakah status pembinaan 100,000 unit rumah mampu milik melalui Projek Perumahan Rakyat (RMMJ) bagi negeri Johor dan DUN Layang-Layang?

YB Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 7.

Sila nyatakan berapakah jumlah Rumah Mampu Biaya yang telah siap sepenuhnya di seluruh negeri Johor dan berapakah yang telah diserahkan kunci kepada pemohon?

YB Speaker : So, ada satu, dua, tiga, empat soalan. YB EXCO perlu jawab. Silakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dan lain-lain YB Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan A162, A165, A50 dan A92 secara bersekali. Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan negeri sentiasa membuat pemantauan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor melalui Jawatankuasa *Task force* Perumahan Negeri Johor. Menurut laporan *task force* Perumahan jumlah Rumah Mampu Biaya Johor atau ringkasnya RMBJ yang telah siap dibina sepenuhnya iaitu 100% kerja pembinaan telah siap sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak

2,035 unit. Jumlah ini melibatkan 17 taman atau kawasan perumahan. Sebanyak 1,632 unit telah dikeluarkan Sijil Layak Membeli Rumah atau ringkasnya SLMR. Daripada jumlah tersebut yang dikeluarkan, 659 unit telah berjaya mendapat pinjaman perumahan dan kunci rumah telah diserahkan kepada pembeli.

Antara faktor kenapa tidak ke semua 2,032 unit rumah siap dibina tidak ditawarkan SLMR adalah terdapat 4 taman perumahan yang belum mendaftarkan Rumah Mampu Biaya mereka dengan SUKJ Bahagian Perumahan. Satu taman dalam proses mendaftarkan dengan SUKJ Perumahan dan juga Rumah Mampu Biaya yang kurang mendapat sambutan khususnya salah satu daripada jenis Rumah Mampu Biaya Johor Jenis C, iaitu rumah bandar atau dengan izin Yang Berhormat Speaker, *Town House*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bermula pada 1 Ogos 2018, kerajaan telah memutuskan satu kaedah baru dalam menguruskan agihan perumahan secara lebih telus, dimana kaedah agihan ini dibuat secara undian terbuka dengan izin, *open balloting*. Sistem undian terbuka ini dijalankan dengan membuat satu undian kepada seorang yang berjaya bagi satu lot dan kemudian akan diberikan Sijil Layak Memiliki Rumah. Di masa yang sama, 3 lagi undian untuk senarai menunggu dengan izin *waiting list*, jika sekiranya individu yang mendapat SLMR yang pertama tadi gagal mendapatkan pinjaman perumahan dalam masa 2 bulan yang ditetapkan dari tarikh SLMR dikeluarkan. Kaedah ini, kaedah melakukan undian untuk 3 senarai menunggu, *waiting list* akan dapat mengurangkan ruang budi bicara yang akhirnya terdedah kepada elemen yang tidak sihat seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Semenjak 1 Ogos 2018 sehingga Mei 2019 iaitu dalam tempoh 10 bulan sebanyak 18 taman perumahan yang melibatkan sebanyak 3,599 unit Rumah Mampu Biaya Johor telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Johor untuk ditawarkan kepada awam. Dari 18 projek tersebut, 5 projek telah dijalankan majlis undian terbuka, manakala baki 13 projek lagi masih dalam proses iklan di dalam website *e-rumah* Johor dan juga di media arus perdana bagi hebahan kepada orang awam serta dalam peringkat menunggu giliran bagi proses undian terbuka dijalankan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, melalui perangkaan dalam Jawatankuasa *Task Force* Perumahan Negeri Johor, terdapat sebanyak 21,374 unit Rumah Mampu Biaya Johor yang dijangka disiapkan menjelang 2023, seperti yang dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Harapan. Status 21,374 unit Rumah Mampu Biaya ini adalah di pelbagai peringkat kelulusan seperti Kelulusan Merancang ringkasnya KM atau Pindaan Kelulusan Merancang di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, Kelulusan Serah Balik Kurnia Semula di peringkat PTG atau Jawatankuasa Hasil Bumi dan juga di peringkat permohonan lesen pengiklanan dan lesen pemaju perumahan dengan izin *APDL* daripada Jabatan Perumahan Negara dengan kata lain sejumlah 21,374 unit Rumah Mampu Biaya Johor ini belum berdaftar dengan SUKJ Perumahan untuk ditawarkan bagi tujuan jualan kepada awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara kesimpulannya selepas PRU ke-14 iaitu bermula dari Jun 2018 sehingga Mei 2019, dengan mengambil kira hanya 50% dari perangkaan Rumah Mampu Biaya Johor siap dibina sepanjang tahun 2018, kerana pilihan raya diadakan pada bulan Mei, kita ambil perangkaan 50% termasuk 3,599 unit Rumah Mampu Biaya yang telah ditawarkan kepada awam semenjak 1 Ogos sehingga Mei yang lepas dan 21,374 unit lagi Rumah Mampu Biaya dijangka siap menjelang 2023, yang berada yang saya sebutkan tadi di pelbagai peringkat kelulusan jumlah keseluruhan yang telah siap ditawar dan dijangka siap 2023 adalah 25,000 unit. Berdasarkan kepada perangkaan ini, insya-Allah usaha kita untuk mencapai sasaran pembinaan 100,000 unit Rumah Mampu Biaya menjelang 2023, adalah berada di landasan yang betul dan insya-Allah tidak mustahil untuk dicapai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, merujuk kepada sistem perumahan Johor jumlah permohonan bagi Rumah Mampu Biaya Johor sehingga ke hari ini adalah berjumlah 42,981 permohonan. Pecahan permohonan mengikut daerah adalah seperti berikut : Johor Bahru,

29,883 permohonan; Kulai 2,415 permohonan; Pontian, 618 permohonan; Kluang, 1,906; Batu Pahat 3,143 permohonan; Muar, 1,885 permohonan; Tangkak, 908 permohonan; Segamat, 975 permohonan; Mersing, 255 permohonan; dan terakhir daerah Kota Tinggi permohonan adalah sebanyak 993.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu bagi menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat ADUN Layang-Layang berkenaan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor di DUN Layang-Layang, berikut adalah senarai pembangunan yang melibatkan pembangunan komponen Rumah Mampu Biaya Johor yang terdapat di DUN Layang-Layang. Yang pertama, pemaju KEJORA, bilangan jumlah Rumah Mampu Biaya adalah 47, Pemaju Dyna Tenaga, 87 unit, yang ketiga, SKF Properties, 28 unit, yang keempat, Pemaju VC Link Sdn Bhd, 9 unit dan yang kelima, Ringland Development Sdn Bhd 17 unit, menjadikan jumlah keseluruhan adalah 1,888. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Pulau Sebatang.

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Terima kasih Tuan Speaker, dalam jawapan sebentar tadi oleh Yang Berhormat ada mengatakan angka sebanyak 21,374 unit Rumah Mampu Biaya Johor yang dijangka siap menjelang 2023, soalan saya di sini apakah langkah telah, yang telah diambil dan akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan jumlah sebanyak 21,374 ini benar-benar akan dibina dan disiapkan oleh pihak pemaju? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada YB Pulau Sebatang. Angka 21,374 unit Rumah Mampu Biaya yang saya sebut dan jawapan sebentar tadi adalah merupakan bilangan Rumah Mampu Biaya yang dijangka siap pembinaan menjelang 2023, yang berada di pelbagai peringkat kelulusan.

Sebelum ini mengikut Laporan *Task Force* Perumahan Negeri Johor, terdapat 115,461 unit Rumah Mampu Biaya Johor yang sepatutnya dibina oleh pihak pemaju perumahan tetapi tidak dibina sehingga sekarang. Di antara sebabnya adalah pelbagai, di antaranya adalah di atas kelemahan, beberapa kelemahan yang terdapat di dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor (DPRJ) yang telah dilaksanakan semenjak 2012 bagi kawasan dalam Iskandar Puteri dan 2014 di kawasan di luar Iskandar Puteri. Itu sebabnya mulai daripada September 2018 sehinggalah April 2019, Bahagian Perumahan kita telah mengadakan satu *Task Force* dengan beberapa siri Bengkel yang melibatkan pelbagai agensi termasuk agensi kerajaan, pemain-pemain di dalam industri termasuk REHDA dan pemaju perumahan termasuk juga badan-badan profesional Perancang Bandar, Arkitek, *Royal Institute of Surveyor Malaysia* dan sebagainya, bagi kita melihat dan mengkaji semula Dasar Perumahan Rumah Mampu Biaya Johor, supaya ianya dapat diperkasakan dan dapat memastikan bahawa perancangan dan juga cadangan pembangunan yang dikemukakan kepada pihak pemaju perumahan dapat dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang.

Oleh itu, bermula daripada 1 April 2019, Dasar Perumahan baru telah pun dikuatkuasakan. Di antara penambahbaikan dalam dasar yang baru ini yang berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Pulau Sebatang ialah yang pertama, apa yang kita buat adalah kita mengadakan kawalan dilakukan seawal permohonan KM di PBT, di mana proses pembangunan selain daripada Rumah Mampu Biaya Johor perlu dilakukan serentak setara dengan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor. Dengan kata lain, pembangunan selain daripada Rumah Mampu Biaya Johor dan juga pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor hendaklah dilakukan serentak dengan izin, *concurrently* dan juga dengan nisbah yang setara dengan izin, *proportionately* secara berfasa dengan kata lain setiap fasa pembangunan mestilah mempunyai komponen Rumah Mampu Biaya Johor dan tidak akan berlaku lagi pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor oleh pemaju di peringkat fasa yang terakhir.

Yang kedua, semasa permohonan KM di PBT tiada kelulusan akan diberikan jika pihak pemaju permohonan gagal memenuhi syarat penyediaan komponen minimum Rumah Mampu Biaya Johor iaitu 40% daripada keseluruhan unit yang dibina bagi keluasan pembangunan yang melebihi daripada 5 ekar kecuali atas faktor semula jadi ataupun tanah tersebut terlibat dengan Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.

Yang ketiga, bagi pembangunan yang melibatkan pindaan ke atas Kebenaran Merancang di peringkat PBT, kerajaan negeri telah pun mengambil tindakan iaitu menaikkan caj penggantian daripada RM40,000.00 seunit bagi setiap unit Rumah Mampu Biaya yang tidak dibina kepada RM40,000.00 bagi pembayaran sekali gus ataupun dengan izin *lump sum* atau RM60,000.00 seunit bagi bayaran ansuran 4 kali selama tempoh 2 tahun.

Yang keempat, syarat nyata tanah pada dokumen hak milik komponen Rumah Mampu Biaya Johor akan dinyatakan bahawa pihak berkuasa negeri melalui Seksyen 122 Kanun Tanah Negara menetapkan tempoh 2 tahun daripada tarikh mendaftar hak milik bangunan tersebut hendaklah siap dibina. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju yang gagal menyediakan Rumah Mampu Milik, adakah mereka akan dikenakan hukuman denda dan berapa anggaran hukuman denda yang telah dipungut oleh kerajaan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Speaker dan terima kasih kepada YB Pekan Nanas. Untuk perhatian Dewan yang mulia, sebagaimana yang telah saya sebut tadi bahawa jika sekiranya pihak pemaju perumahan gagal menyediakan bilangan Rumah Mampu Biaya sebagaimana yang telah ditetapkan di peringkat KM ataupun di peringkat SBKS, di peringkat PTG ataupun Hasil Bumi, maka yang pertama, yang saya sebutkan tadi, mereka tertakluk kepada caj penggantian RM40,000.00 bagi bayaran secara *lump sum* ataupun RM60,000.00 seunit bagi bayaran secara ansuran sebanyak 4 kali dalam tempoh 2 tahun.

Yang kedua, kita juga memberikan kelonggaran kepada pihak pemaju untuk sekiranya tapak pembangunan itu mempunyai satu imej yang utama, maka kita benarkan mereka mengemukakan tapak yang lain untuk pemajuan Rumah Mampu Biaya Johor tetapi dengan syarat-syarat yang ketat iaitu di antaranya terletak dalam kawasan PBT yang sama dan juga termasuk dikenakan denda sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Penawar, jemput Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan PH setelah memerintah selama 416 hari, belum serah lagi sebuah rumah, yang dah siap khususnya di kawasan Penawar. Saya juga ingin tahu adakah sasaran pembinaan Rumah Mampu Biaya ini berjaya dijual kepada segenap lapisan masyarakat memandangkan sekarang rakyat hanya mampu tengok sahaja. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Speaker dan juga terima kasih kepada YB Penawar di atas soalan yang dikemukakan. Saya merasa soalan ini adalah merujuk kepada satu taman perumahan

KEJORA di Desaru iaitu Taman Impian eh, Impian tak silap saya, yang melibatkan pembangunan yang telah siap di bawah KEJORA dan sebenarnya pembangunan ini telah pun kita luluskan di peringkat Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia dan kita telah luluskan untuk ditawarkan kepada awam tetapi ada sedikit teknikal iaitu pihak pemaju iaitu KEJORA telah mendapat sejumlah pinjaman tak silap saya, Yang Berhormat Speaker, hampir RM200 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pinjaman ini diberikan dengan syarat pembangunan tersebut sebahagiannya diperuntukkan untuk kakitangan KEJORA, sedangkan merujuk kepada Dasar Perumahan Mampu Milik kita, kita telah menghapuskan kuota bukan sahaja Kuota Menegak Kerajaan, yang pengagihan Rumah Mampu Biaya melalui Parti-Parti Komponen Barisan Nasional tetapi juga kuota untuk pemaju perumahan, tinggal lagi perkara ini di dalam peringkat perbincangan, bahkan baru-baru ini telah ada perbincangan supaya pihak KEJORA mendapatkan kenyataan secara bertulis daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bahawa syarat pinjaman RM200 juta itu diberikan dengan syarat sebahagian besar daripada unit-unit yang dibina dikhususkan kepada kakitangan KEJORA dan insya-Allah kalau ini diperolehi kita akan membawa kertas khas ke peringkat MMK untuk keputusan seterusnya. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Yang Berhormat Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 8.

Kewangan Kerajaan Negeri Johor amat bergantung kepada hasil cukai tanah dan hasil cukai bumi. Justeru, apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha memperluas jenis hasil supaya dapat memperkukuhkan kewangan Negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO, jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada YB Skudai mengenai usaha kerajaan negeri dalam memperluas jenis hasil bagi memperkukuhkan kewangan negeri Johor memandangkan perkara ini amat penting dalam memastikan kelancaran urusan pembangunan serta pentadbiran Negeri Johor. Suka untuk saya nyatakan di sini bahawa prestasi kewangan kerajaan negeri Johor berada pada kedudukan yang sangat baik. Berdasarkan Laporan Kewangan Negeri Johor berakhir 31 Disember 2018, yang sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara, anggaran jumlah Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM154 bilion manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM1.53 bilion. Ini menunjukkan lebih surplus berjumlah RM5.26 juta. Manakala jumlah simpanan rizab Kerajaan Johor adalah berjumlah RM2.46 bilion.

Pentadbiran Negeri Johor di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan sentiasa komited serta mencari idea-idea baru untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Johor.

Kestabilan fiskal juga signifikan dan perlu menjadi matlamat utama. Antara usaha baru Kerajaan ke arah meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Johor adalah melalui:

1. Semakan kadar cukai tanah
2. Semakan kadar lesen hiburan
3. Penilaian semula pegangan bercukai Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berhormat Speaker, kali terakhir pindaan cukai tanah Johor diadakan adalah pada tahun 2004. Setelah 15 tahun berlalu, Kerajaan Negeri berpendapat ia perlu diperhalusi serta ditambah baik bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan awam yang terbaik untuk rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri kini berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan pelaksanaan semakan semula kadar cukai tanah sebagaimana terkandung di dalam Seksyen 101 Kanun Tanah Negara. Semakan semula dan pindaan cukai tanah ini bertujuan bagi merangsang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Johor di samping boleh meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Johor. Dan pastinya, peningkatan hasil tanah yang akan dijana melalui semakan semula cukai tanah ini akan dapat dimanfaatkan melalui pertambahan program dan projek ke arah kesejahteraan rakyat. Apa yang pasti, Kerajaan Negeri akan memastikan semakan semula dan pindaan cukai tanah ini tidak akan membebankan rakyat khususnya bagi golongan B40.

Pentadbiran Tanah Johor juga dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia sedang merangka pelaksanaan kajian khusus bagi Pelan Strategi Pentadbiran Tanah ke arah memaksimumkan pendapatan yang lebih mampan atau dengan izin "*sustainable income*". Kerajaan Negeri akan mendasari isu dan cabaran dari aspek pemerkasaan undang-undang, penambahbaikan prosedur dan teknikal, penjana hasil baru (bukan cukai) dan pembangunan modal insan. Usaha ini bukan sahaja diyakini akan dapat menambah terimaan hasil negeri, bahkan merupakan satu strategi jangka sederhana dan panjang bagi mentransformasi Pentadbiran Tanah Johor.

Bagi pelaksanaan Pindaan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998, kerajaan negeri di peringkat akhir proses semakan semula terhadap cadangan kadar baru bayaran lesen hiburan. Selain itu, kerajaan negeri juga turut mengambil inisiatif ke arah memperkasa kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sungguhpun hasil Pihak Berkuasa Tempatan tidak dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri, usaha ini dilihat dapat membantu meningkatkan hasil PBT sekali gus mengurangkan kebergantungan PBT terhadap geran keseimbangan daripada Kerajaan Negeri.

Bagi tahun 2019, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM13.7 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan geran keseimbangan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri juga merancang melaksanakan penilaian semula pegangan bercukai Pihak Berkuasa Tempatan.

Selaras dengan kehendak Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan Johor telah mengguna pakai senarai nilai dan kadar cukai sedia ada selama 5 tahun dan adalah wajar untuk melaksanakan penilaian semula. Selain kehendak Akta, keperluan nilai semula adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut:

1. PBT yang terlibat dengan persempadanan semula kawasan mengguna pakai 2 atau 3 kadar cukai dan perlu diselaraskan bagi mengelakkan kekeliruan pembayar cukai.
2. Mengelakkan perbezaan kenaikan nilai dan jumlah cukai harta yang ketara sekiranya tidak melaksanakan penilaian semula dalam tempoh lama.
3. Mengemas kini semula data dan maklumat terkini bagi harta-harta di kawasan PBT dengan nilai pasaran terkini. Tempoh kerja-kerja penilaian semula adalah pada tahun 2019 dan 2020.
4. Dijangka senarai nilai dan kadar cukai baharu dikuatkuasakan pada tahun 2021.

Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Skudai soalan tambahan.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas jawapan yang diberikan tadi. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi, kita perhatikan bahawa kebergantungan hasil ataupun pendapatan Kerajaan Negeri masih bergantung kebanyakan besarnya kepada cukai tanah.

Sebenarnya kita perlu mengkaji di mana adakah sesuai cukai-cukai selain daripada cukai tanah dikenakan seperti sekarang ini yang menjadi semakin lazim iaitu cukai karbon ataupun *carbon tax* ataupun caj pencemaran, yang mana perkara-perkara ini sebenarnya terjatuh di bawah senarai bersama jadual kesembilan. Di mana kerajaan negeri sebenarnya berkuasa, mempunyai kuasa untuk mengenakan cukai-cukai tersebut.

Maka soalan saya, adakah Kerajaan Negeri bersedia ataupun mempunyai perancangan dan pelan jangka panjang untuk menerokai jenis-jenis cukai baru ini di dalam memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa mampan?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih. Kerajaan Negeri mempunyai beberapa strategi untuk memastikan kedudukan kewangan Negeri Johor lebih mampan:

1. Kerajaan Negeri akan memberi lebih penekanan kepada pemerkasaan untuk mengoptimumkan kutipan hasil yang sedia ada.
2. Kerajaan Negeri akan menguatkuasakan gerak kerja baru di dalam mengurangkan tunggakan hasil.
3. Kerajaan Negeri akan memfokuskan strategi yang lebih efektif untuk meminimumkan ketirisan hasil.

Kerajaan Negeri juga dalam proses penstrukturan semula hasil negeri ke arah belanjawan berimbang secara berstruktur. Sehubungan itu, penumpuan akan diberikan kepada hasil yang berulang dan kepelbagaian hasil yang dijangkakan akan lebih meningkatkan kemapanan kedudukan kewangan Negeri. Sebagai contoh Kerajaan Negeri dalam fasa terakhir menstruktur semula hasil Kerajaan bagi meningkatkan hasil berulang seperti hasil cukai tanah, cukai air mentah, *road charge*, faedah daripada simpanan tetap serta cukai hiburan. Kita juga berusaha mengurangkan kebergantungan kepada hasil tidak berulang seperti premium tanah, bayaran proses kepada pejabat tanah, lesen-lesen dan pulangan daripada agensi-agensi. Insya-Allah kerajaan baru yang saya pimpin ini akan sedia mendengar pandangan daripada mana-mana pihak bagi meningkatkan lagi ekonomi Negeri Johor. Dengan perancangan yang lebih teliti dan saya nyatakan di atas, diyakini mampu untuk mengukuhkan dan menambah baik hasil negeri. Bersama-sama kita doakan akan kemakmuran negeri Johor.

YB Speaker : Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tahniah Yang Amat Berhormat di atas penjelasan berkaitan dengan soal untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Kita semua sedia maklum bahawa Bajet 2019 telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat mantan yang lepas. Jadi ini adalah lanjutan. Saya percaya Yang Amat Berhormat akan meneruskan juga Bajet 2019.

Perkara Yang Amat Berhormat sebut ini nak semakkan cukai ni, adakah perkara ini terpapar dalam Bajet 2019 sebagai hasil tambahan? Dan Yang Amat Berhormat, saya kira semakan hasil ini ataupun semakan semula cukai sama ada ke atas ataupun ke bawah, masa tak kena Yang Amat Berhormat. Rakyat terhimpit di luar. Saya percaya Kerajaan pun sedia maklum, tak tahulah kalau Yang Amat Berhormat boleh beri contoh kerana Yang Amat Berhormat ada menyebut tadi golongan B40 akan diambil kira. Rakyat tidak akan terbeban dengan semakan semula cukai, maknanya kenaikan cukailah maksudnya tu. Jadi, tak kena Yang Amat Berhormat. Kita seolah-olah merasakan bahawa adalah tidak bertepatan masa kalau untuk menyemak cukai. Adakah Kerajaan bersedia untuk menanggungkan? Dan kedua, apakah contoh Yang Amat Berhormat kata bahawa golongan B40 tekanan ataupun

keadaan mereka itu akan diambil kira? Apa contohnya Yang Amat Berhormat? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Benut. Pada dasarnya, Kerajaan memang akan sentiasa mengkaji cukai-cukai yang dikenakanlah. OK. Begitu juga cukai-cukai tanah ataupun cukai-cukai pintu. Kita akan sentiasa mengkaji dan kita akan membuat kajian secara terperinci untuk memastikan cukai-cukai mana yang kita perlu naikan. Contohnya cukai-cukai kawasan perindustrian kita akan naikan, namun bagi kawasan-kawasan pertanian kita akan kaji, adakah perlu naik ataupun tidak? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, jemput Yang Berhormat Rengit.

YB Puan Zaiton bin Haji Ismail (Sungai Balang) bagi pihak YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Minta penjelasan status terkini perkhidmatan kesihatan di Negeri Johor. Sila nyatakan jumlah hospital kerajaan dan swasta, bilangan katil, jumlah doktor dan jururawat. Adakah kemudahan ini menepati piawaian antarabangsa. Jika tidak menepati apakah langkah yang sedang dan akan diambil pihak kerajaan.

YB Speaker : Ok, jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker.

Untuk makluman semua, Negeri Johor mempunyai 12 buah hospital kerajaan, yang mana 6 adalah hospital berpakar, 1 institusi psikiatri dan 5 hospital tanpa pakar. Jumlah keseluruhan katil bagi hospital Kerajaan Negeri Johor adalah 4,068 katil tanpa mengambil kira 1,132 katil di institusi psikiatri di Hospital Permai. Di dalam negeri Johor juga terdapat 18 hospital swasta yang beroperasi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,090 katil.

Terdapat 2,659 doktor yang bertugas di hospital dan klinik kerajaan dan 486 doktor di hospital swasta dengan jumlah keseluruhan 3,145 doktor yang memberi perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital bagi keseluruhan 3,770,300 penduduk Negeri Johor.

Bagi jururawat pula, seramai 8,390 orang bertugas di fasiliti kerajaan dan 2,035 bertugas di hospital swasta, dengan jumlah keseluruhan memberi perkhidmatan kesihatan seramai 10,425 orang jururawat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Johor tahun 2018, nisbah doktor kepada populasi adalah 1:1,199. Manakala nisbah katil kepada populasi adalah 1.44:1,000 populasi.

Merujuk rangka kerja Pelan Strategik Kepakaran dan sub-kepakaran Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tahun 2016 sehingga 2020, nisbah ini belum mencapai sasaran Kementerian secara keseluruhan yang telah ditetapkan iaitu nisbah doktor kepada populasi dengan indikator 1:400. Manakala nisbah katil kepada populasi adalah 2.3:1,000 populasi.

Sumber manusia adalah salah satu kekangan yang dihadapi dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan. Di antara langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menambah bilangan doktor dan jururawat adalah dengan mempercepatkan masa menunggu kemasukan dalam perkhidmatan kerajaan dan kemasukan dalam melalui perjawatan kontrak tidak perlu menunggu kekosongan jawatan. Kerajaan telah meluluskan pembinaan Hospital Pasir Gudang di dalam *rolling plan* pertama RMK-11 dan sekarang dalam proses

penyediaan dokumen tender. Pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020 dan akan menepatkan 304 buah katil. Sekian.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Jemput Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan kesepuluh.

Apakah usaha yang dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negeri Johor untuk memperkasakan agenda perpaduan melalui KRT?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Perling. Rukun Tetangga merupakan satu mekanisme penting di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk membantu kerajaan memupuk dan memperkukuhkan agenda perpaduan di peringkat komuniti. Justeru itu pihak jabatan khususnya Perpaduan Johor merangka pelbagai inisiatif ke arah memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai agen perpaduan dan juga mata serta telinga kerajaan dalam komuniti.

Mulai tahun 2019, perpaduan Johor telah menyediakan Program Pemerkasaan Rukun Tetangga 2019 - 2020 di bawah pelan strategik jabatan. Program Pemerkasaan Rukun Tetangga ini bertujuan untuk menyediakan Rukun Tetangga untuk berdepan dengan pelbagai cabaran untuk memastikan kesejahteraan sosial dan perpaduan kaum dapat direalisasikan melalui temanya “Rukun Tetangga: Mendepani Cabaran, Merealisasikan Harapan” maka 10 program pemerkasaan telah dirangka seperti berikut :

1. **Kepimpinan** - Memperkemas dan memantapkan kepimpinan pemimpin utama dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga agar dapat memainkan peranan secara lebih efektif.
2. **Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga** - Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus Rukun Tetangga.
3. **Penyediaan Pelan Tindakan Kejiranan atau “MyPTK2019”** - Bagi memastikan Rukun Tetangga melaksanakan aktiviti mengikut isu, cabaran dan keperluan komuniti serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berimpak tinggi.
4. **Pengurusan Isu/Mediasi/Pendamai Komuniti** - Melatih dan menyediakan Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan komuniti masing-masing dengan berkesan. Pemimpin Rukun Tetangga juga bertindak sebagai orang tengah bagi menyelesaikan sebarang pertikaian yang berlaku dalam komuniti masing-masing.
5. **Pendidikan Perpaduan** - Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman barisan kepimpinan Rukun Tetangga mengenai aspek perpaduan bagi memantapkan peranan mereka sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi dan seterusnya dapat disebar luaskan kepada masyarakat melalui kaedah “engage” dan “educate” atau “damping” dan “didik”.
6. **Pembangunan Jiran Muda** - Membangun dan memantapkan peranan generasi muda dalam membantu kerajaan meningkatkan kesepaduan sosial dan kesejahteraan masyarakat.
7. **Pengukuhan Biro-Biro** - Memastikan setiap Rukun Tetangga menubuhkan dan memperkukuhkan Biro-Biro di bawah Rukun Tetangga masing-masing iaitu Biro Jiran Wanita (SeJIWA), Biro Jiran Muda, Biro Jiran Usia Emas dan Biro Tunas Jiran.

8. Pembangunan Ekonomi Komuniti - Menggalakkan Rukun Tetangga menjalankan projek ekonomi bagi menjana pendapatan dan membantu mengurangkan kos sara hidup.
9. Penarafan Bintang (*Star Rating*) - Memberi penarafan bintang kepada Rukun Tetangga yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan sebagai penanda aras tahap yang telah dicapai oleh Rukun Tetangga.
10. Anugerah Kecemerlangan Rukun Tetangga - Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada Rukun Tetangga yang cemerlang. Pengiktirafan ini bertujuan untuk memotivasikan Rukun Tetangga agar terus memperkukuhkan peranan mereka dalam komuniti sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan.

Oleh itu, semua pihak adalah disarankan untuk sentiasa memberikan sokongan serta komitmen serta kerjasama yang erat dengan Rukun Tetangga untuk memastikan Rukun Tetangga dapat memainkan dengan lebih berkesan dan memberi impak yang tinggi kepada aspek perpaduan dan kesejahteraan sosial masyarakat. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ya, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Jadi, kita pun faham kerana setiap KRT contohnya yang berada di kawasan kita pun bukannya semuanya aktif. Jadi, adakah tindakan yang khas untuk aktifkan ataupun memberangsangkan KRT-KRT seperti ini untuk mereka lebih aktif.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih YB Perling. Untuk maklumat Dewan yang mulia, di negeri Johor sehingga Januari 2019 ada 801 unit KRT dan 620 unit Skim Ronda Sukarelawan. Dan baru-baru Perdana Menteri ada memberi satu, umum satu berita umum bahawa hingga 30% unit KRT tidak aktif tetapi di Johor angka itu kurang. Lebih kurang 15% untuk mengaktifkan ini unit-unit yang tidak aktif ini susah. Kami sangka bahawa kita menubuh KRT yang baru. Jadi, saya pun di sini beri makluman sapa-sapa ADUN yang mahu mewujudkan Rukun Tetangga baru sila kemukakan kepada saya.

YB Speaker : Jadi KRT lama jadi apa YB?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang tidak aktif. KRT mula dalam tahun 1975 satu jangka masa yang panjang 44 tahun dan juga perubahan kerajaan pun ada. Jadi, kami tidak sangka mereka yang tidak aktif tidak akan jadi aktif. Jadi kita ambil peluang ini untuk menubuhkan KRT baru. Jadi, ini satu peluang untuk menubuhkan KRT baru. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Soalan saya 11 dan 12.

Sila nyatakan berapakah destinasi pelancongan dan acara sambutan yang telah ditentukan untuk dipromosikan dalam kempen Tahun Melawat Johor 2020?

Berapakah jumlah sasaran kemasukan pelancong yang diletakkan oleh Kerajaan Johor bagi Tahun Melawat Johor 2020?

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 13.

Apakah perancangan serta Pelan Tindakan Kerajaan bagi menghasil dan mempromosikan produk-produk pelancongan yang menarik di Johor sempena Tahun Melawat Johor 2020?

YB Speaker : Yang Berhormat Pemanis, jemput.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 14.

Apakah persiapan kerajaan untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020?

YB Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 15.

Apakah rancangan pengiklanan dan kaedah yang akan diguna pakai oleh pihak kerajaan dalam mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020? Di samping itu, sila nyatakan juga usaha kerajaan negeri dalam menyempurnakan kempen Tahun Melawat Johor 2020.

YB Speaker : Kita ada 15 soalan untuk YB EXCO, 5 *sorry*, daripada 11 hingga ke 15.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan-soalan daripada Stulang, Tangkak, Pemanis dan Perling secara bersekali kerana ia menyentuh perkara yang sama. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan berhubung dengan Tahun Melawat Johor 2020.

Kerajaan negeri amat menyambut baik keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini. Dalam memperhebatkan kempen Melawat Johor 2020, kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor, Tourism Malaysia dan MOTAC kini sedang mempergiatkan lagi usaha menambah baik persediaan dari segi fizikal dan rangka.

Untuk makluman Tourism Johor merangka untuk memperkenalkan 20 festival atau 20 *destination* bertaraf domestik dan antarabangsa dan serta 20 destinasi terpilih dengan adanya produk pelancongan yang unit dan berpotensi di seluruh negeri Johor. Ianya sebagai simbolik sambutan Tahun Melawat Johor 2020. 20 acara yang terpilih merupakan acara yang akan tersenarai dalam kalendar pelancongan Johor termasuk acara sukan, festival makanan, perayaan, budaya dan pendidikan dan termasuk acara sedia ada dan acara yang baharu.

Tourism Johor amat komited untuk mempromosikan cadangan penyenaaran memperkenalkan 20 acara terpilih yang berpotensi diketengahkan dan mempunyai prospek yang memenuhi permintaan pasaran antarabangsa antaranya seperti Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang, Kembara Mahkota Johor, Festival Chingay, Johor International Rally, Karnival Jambatan Sultan Ismail, Festival Makanan Johor, Johor Arts Festival dan lain-lain. Dengan penglibatan bersama Yayasan Warisan Johor, acara sambutan meraikan kedatangan para pelancong akan dibuat di pintu-pintu masuk yang terpilih secara Senai Airport, Terminal Feri dan CIQ Johor Bahru. Sebagai tambahan, tahun hadapan tahun 2020 negeri Johor turut akan menjadi tumpuan sebagai tuan rumah SUKMA XX Johor 2020.

Bagi menyokong menjayakan Tahun Melawat Johor 2020 kerjasama erat yang berterusan daripada pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, agensi swasta serta penggiat agensi

pelancongan negeri Johor dengan menerapkan nilai-nilai tourism akan menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan terunggul di persada antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu statistik kemasukan pelancong ke negeri Johor juga memainkan peranan yang penting kerana statistik yang akan menentukan sama ada misi Tahun Melawat Johor 2020 berjaya atau tidak. Oleh yang demikian kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor telah menetapkan anggaran statistik bagi tahun 2019 dan 2020. Untuk makluman jumlah pelancongan bermalam pada tahun 2017 seramai 7.4 juta. Tourism Johor menetapkan sasaran pada tahun 2018 seramai 7.7 juta. Bagi tahun 2019 seramai 8 juta, dan pada tahun 2020 seramai 8.4 juta. Semua sasaran tersebut berdasarkan peningkatan pelancong bermalam sebanyak 5% setiap tahun. Selain daripada pelancong bermalam Tourism Johor juga memberi fokus kepada pelawat yang berkunjung ke negeri Johor. Kita berusaha untuk meningkatkan jumlah pelawat ke negeri Johor sebanyak 5%. Untuk makluman pada tahun 2018 negeri Johor menerima pelawat seramai 15.8 juta. Kita menetapkan sasaran pelawat pada tahun 2019 seramai 16.6 juta dan pada tahun 2020 yang akan datang iaitu seramai 17.4 juta. Inisiatif serta pelan tindakan yang telah dirangka untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020 dan mempromosikan Johor sebagai lokasi pilihan pelancongan adalah seperti berikut :

1. Program “Road Show”(dengan izin) yang akan dilaksanakan di setiap Daerah Negeri Johor, “Road Show”(dengan izin) di negeri Pahang, Sabah, Sarawak, Melaka dan sekitar Lembah Klang serta Negara-negara ASEAN yang terpilih.
2. Memperkasakan aspek “Software”,dengan izinnya merangkumi hebahan promosi dan publisiti melalui media-media terutamanya di medium media sosial bagi mewujudkan “Awareness” (dengan izin) terhadap Tahun Melawat Johor 2020.
3. Kempen Tahun Melawat Johor 2020 merangkumi aspek “Hardware” dengan izin, iaitu menambah baik dan memperkasakan aspek-aspek berkaitan pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan sokongan pelancongan dan pengurusan destinasi.
4. Penganjuran Festival, Acara dan Ekspo yang bertaraf nasional dan antarabangsa sebagai contoh SUKMA 2020, Kejohanan “E-Sports”, Festival Layang-Layang Sedunia Kali Ke-25, Festival Perarakan Chingay dan sebagainya.
5. Mengatur siri Lawatan Fam-trip yang merangkumi media-media antarabangsa dan nasional dan Bloggers-Bloggers dan Agensi-agensi Pelancongan.
6. Memperhebatkan pengiklanan melalui media elektronik dan media massa di lokasi-lokasi strategik seperti *Billboard*, LED skrin, televisyen, radio dan sebagainya.

Selain itu, penyediaan aplikasi telefon pintar iaitu “Destinasi Johor” bagi merencanakan kempen publisiti sempena Tahun Melawat Johor 2020. Sasaran negara-negara baru dirancang berdasarkan Pelan Strategik Pemasaran Pelancongan Negeri Johor 2016 hingga 2020, yang memfokuskan kepada negara-negara sasaran premier dan sekunder. Negara-negara sasaran pelancongan premier adalah negara-negara ASEAN, Negara China, India. Manakala negara-negara sasaran pelancongan sekunder adalah negara-negara Eropah dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Perling.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Tadi saya dengar, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Tapi,apa yang saya dengar tadi sebenarnya adalah dari segi promosi dan pembangunan infrastruktur. Tapi, saya berpendapat bahawa modal insan pun merupakan salah satu benda perkara yang penting dalam perkara ini. Di mana mereka merupakan *front liner* dengan izin, untuk berhadapan dengan pelancong. Jadi, soalan saya adalah apakah

rancangan kerajaan negeri dalam, bagi latihan ataupun tindakan dalam kemahiran modal insan ini dalam bab perkara ini?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih soalan tambahan dari YB Perling. *Front liner* pelancongan iaitu dengan izinnya, merupakan penggerak industri pelancongan yang berada di barisan hadapan yang akan menyambut serta memberi informasi kepada para pelancong. Hal ini amat penting bagi memastikan pelancong yang datang ke negeri Johor yang mereka mendapat sambutan yang baik serta dapat mencerminkan nilai budaya masyarakat tempatan kepada pelancong asing. Dalam memastikan semua *Front liner* negeri Johor sentiasa bersedia untuk menyambut pelancong yang datang, kerajaan negeri sentiasa mengadakan kursus-kursus dan juga kempen dan juga bengkel untuk memberi maklumat dan kursus kepada *front liner*.

Terdapat beberapa kursus telah pun dijalankan sejak tahun lepas dan tahun ni termasuk Bengkel Focus Group Discussion Hala Tuju Tourism Johor, Kursus Khidmat Pelanggan untuk *front liner* Hotel-Hotel di negeri Johor, Kursus Peningkatan Sistem Penyampaian *front liner* dan Pemandu Pelancongan dan juga kita telah mengadakan juga Kursus Pemandu Pelancong bersama Persatuan Pemandu Pelancongan dan juga kita telah pun mengadakan Bengkel Tahun Melawat Johor 2020 dan sebagainya termasuk juga Kursus Hospitaliti Bersama Dengan *Front liner* Industri Pelancongan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi saya sebagai untuk menyambut pelancong dari luar negeri atau luar negara, pendapat saya atau pandangan saya adalah setiap Wakil Rakyat negeri Johor merupakan *Spoke Person* bagi negeri Johor yang turut merupakan *front liner* bagi negeri Johor dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua tidak kira sama ada kakitangan kerajaan ataupun Wakil-Wakil Rakyat yang di sini kita turut menyambut pelancong dengan baik dengan *attitude* yang mesra supaya menjaga imej dan nama baik negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih atas jawapan yang diberikan dan promosi dan usaha yang cukup banyak dan saya ingin tahu berapa jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk semua program dan promosi. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih ADUN Stulang. Sememangnya Kerajaan Johor komited dan serius untuk mempromosikan Johor sebagai destinasi pilihan domestik dan antarabangsa dan ini selaras dengan *mission* Tourism Johor iaitu menjadikan Johor sebagai satu *Must Visit Destination* dan meletakkan Johor dalam peta pelancongan dunia.

Tahun Melawat Johor 2020, menjadi langkah permulaan untuk mencapai hasrat tersebut sudah pastilah aspek promosi memainkan peranan yang penting selain daripada prasarana dan produk pelancongan yang ada di negeri ini. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.679 juta bagi Bajet Tahun 2019 dan daripada bajet ini termasuklah bajet untuk promosi dan acara pembangunan produk dan lain-lain. Antara inti pati promosi yang telah dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri melalui Tourism Johor adalah seperti yang saya telah bentangkan dalam jawapan tadi. Promosi-promosi ini dijalankan secara berterusan malahan Tourism Johor turut menyertai berbagai acara promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara seperti *ASEAN Tourism Forum* di Vietnam, *ITP Berlin*, *MATTA Fair*, *MITN Travel Fair*, *Fan Street* dan sebagainya. Dalam pada masa yang sama, kerajaan

negeri juga telah menerima agihan 50% hasil cukai pelancongan daripada Kementerian Kewangan yang membawa jumlah sebanyak RM7.99 juta.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan, agihan ini merupakan hasil tambahan kepada kerajaan negeri selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan untuk membantu kerajaan negeri meningkatkan pendapatan khususnya dalam bidang pelancongan. Agihan hasil cukai pelancongan ini akan diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan penyediaan kemudahan pelancongan, promosi dan pemasaran destinasi pelancongan dan juga penambah baik terhadap pelaporan statistik pelancongan kepada MOTAC. So, dengan adanya pemberian pelancongan ini negeri Johor dapat membangunkan sektor pelancongan dan kebudayaan secara menyeluruh dan lestari dan inklusif dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan negeri Johor ke satu tahap yang unggul dan seterusnya mempromosikan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Panti, Yang Berhormat.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya berkaitan dengan Tahun Melawat Johor 2020 bagaimana tahap kesiapsiagaan industri perhotelan dan perkhidmatan khususnya dan bagaimana kerajaan mengukur keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan bagi memastikan Tahun Melawat Johor ini berjaya dan akhirnya bagaimana usaha-usaha ini yang dilakukan oleh kerajaan negeri dapat kita seimbangkan penglibatan bumiputera dalam peluang yang wujud sempena Tahun Melawat Johor 2020 akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Bagi soalan Panti berkenaan dengan macam mana kita nak pastikan usaha-usaha Tourism di negeri Johor ni dapat mencapai. So, seperti apa yang saya sebut tadi, pihak Tourism Johor kita telah mengenal pasti untuk mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020 dengan menetapkan 20 destinasi dan juga 20 festival atau acara yang memang kita akan *full force* untuk mempromosikan. So, bagi tahun 2020 yang akan datang kesemua-semua 20 destinasi dan 20 acara ini bukan sahaja ditetapkan oleh pihak Tourism Johor tetapi ini adalah satu usaha dan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat termasuk PBT, pejabat daerah dan semua agensi sektor kerajaan dan juga *private*. So, dengan ini kita perlu memastikan 20 festival dan 20 destinasi ini dalam satu keadaan yang *instructure* nya baik supaya kita dapat menyambut pelancong ke-20 tempat ni yang akan kita akan promosikan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jam telah hampir pukul 11, hampir pukul 11, 2 minit lagi, saya rasa kita selesaikan setakat ini sahaja soalan-soalan daripada Yang Berhormat. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan terhadap Rundingan...

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh (Permas) : Mohon mencilah YB Speaker. Assalamualaikum Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, Permas memohon membawa Rundingan supaya ditangguhkan Mesyuarat Dewan Negeri di bawah Peraturan Tetap 29, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor untuk membawa suatu perkara yang tertentu mustahaknya kepada am dan perlu disegerakan iaitu kajian semula tahap keselamatan rakyat Pasir Gudang. Dua peristiwa yang berprofil tinggi telah berlaku di Pasir Gudang dalam tempoh 3 bulan yang lepas.

Pertama, peristiwa pertama adalah pencemaran Sungai Kim Kim dan peristiwa kedua adalah pencemaran gas merbahaya. Permas sangat yakin bahawa perkara ini akan terus

berulang jika tiada kajian dan tindakan diambil oleh pihak kerajaan. Justeru itu, Permas membawa Rundingan supaya ditangguhkan Dewan Negeri untuk mendengar usul tersebut. Permas meminta pendirian kerajaan kepada isu tersebut. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Mohon diambil kenyataan.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Speaker...

YB Speaker : Tiram, nanti, Tiram saya ambil dulu ni, saya ambil Permas punya dokumen dulu. Beri masa untuk membaca sekejap ye.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Dewan Negeri, saya sebagai Speaker hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan melalui syarat-syarat di bawah Peraturan Tetap Bilangan 29. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu adalah tertentu, kedua adalah mustahak kepada am dan ketiga ia perlu disegerakan.

Iaitu kajian semula tahap keselamatan rakyat Pasir Gudang. Dua peristiwa berprofile tinggi telah berlaku di Pasir Gudang dalam tempoh 3 bulan yang lepas. Iaitu pertama peristiwa pencemaran Sungai Kim Kim, peristiwa kedua adalah pencemaran gas berbahaya. Permas sangat yakin perkara ini akan terus berulang jika tiada kajian dan tindakan diambil oleh pihak kerajaan. Justeru, Permas membawa rundingan supaya ditangguhkan Dewan ini untuk mendengar usul tersebut.

YB Speaker : Jadi, setelah...

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Speaker, peraturan. Ini Wakil Rakyat kerajaan Yang Berhormat Speaker. Kita hendak membuat usul tergepar, kerajaan punya segala kekuatan, punya segala keupayaan untuk melaksanakan langkah bagi mengatasi masalah pencemaran. Bagaimana pagi ini kita akan membuang masa untuk mendengar usul daripada kerajaan sendiri, untuk kerajaan bertindak. Ini betul Yang Berhormat perkara ini penting, perkara untuk kepentingan ramai, tetapi yang ketiga Yang Berhormat perlu disegerakan. Memang perlu disegerakan perkara ini telah dua kali berulang. Kerajaan dan kerajaan yang sama menghadapi masalah yang sama. Macam mana Yang Berhormat Speaker membuat *rolling*?

YB Speaker : Cadangan Benut...

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat, Yang Berhormat buat *rolling* mengatakan bahawa perkara ini perlu disegerakan. Minta disegerakan Yang Berhormat, serah pada kerajaan buat apa yang patut. Kalau kita nak *debate*, kita nak bahaskan perkara ini, kita ini kerajaan. Kalau kita yang bawa usul itu lain cerita Yang Berhormat. Saya percaya kalau kita bawa mungkin Yang Berhormat tolak, sebab Yang Berhormat kata tidak perlu hendak disegerakan kerana kerajaan dah buat. Buruk lagi keadaan kerajaan sendiri yang hendak bawa. Yang Berhormat Speaker, kita tidak perlu hendak buang masa, kerajaan dah ada kekuatan, kepakaran dan sebagainya. Laksanakan sahaja Yang Berhormat Tuan speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Saya kira bahawa isu ini adalah isu sangat penting dan kita memang ada ruang hari ini untuk membahaskan dengan lebih teliti lagi ya. So, peluang ini tidak seharusnya dibuang begitu sahaja. Tidak kiralah daripada kerajaan ataupun daripada pembangkang, kita adalah semuanya duduk dalam satu Dewan, jika ada suara-suara dari segi penegasan ini saya kira itu lebih kuat lagi untuk tindakan boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan ya. Jadi, sehubungan dengan itu saya membenarkan rundingan tersebut dibahaskan. Ada yang menyokong rundingan ini? Kalau ikut syarat ini mesti 10 oranglah, sila. Lebih daripada 10 lah ya. Terima kasih.

Oleh kerana lebih daripada 10 orang Dewan Negeri yang bangun, maka saya membenarkan rundingan ini dibahaskan pada jam 4.00 petang pada hari ini. Saya membenarkan dua orang daripada pihak kerajaan dan dua daripada pembangkang untuk berucap. Diberi masa setiap seorang 10 minit. Jadi, sepertimana yang saya sebut tadi bahawa ini ruang yang terbaik daripada kedua-dua pihak untuk mempertegaskan isu ini untuk memberikan penekanan yang lebih kepada isu ini, maka kedua-dua pihak sama ada kerajaan atau pembangkang boleh berperanan untuk memberikan penekanan terhadap isu yang besar ini. Jadi saya kira setakat ini dahulu, kita rehat 15 minit. 11.05 pagi sampai 11.20 pagi. Kita berehat sebentar.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.35 pagi.

YB Timbalan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan dijalankan selama 4 hari mulai hari ini 30 Jun 2019 hingga 3 Julai 2019. Pihak kerajaan akan menggulung perbahasan pada 4 Julai 2019 dan 7 Julai 2019. Suka saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya menjaga adab dan tatatertib ketika berada dan berbahas di dalam Dewan ini selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 45.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Timbalan Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi. Untuk pencadang rundingan, masa yang diberikan ialah selama 40 minit hingga 1 jam. Penyokong diberi masa 30 minit, Ketua Pembangkang diberi masa 30 minit. Manakala Ahli-Ahli Dewan yang lain akan diberi masa 15 minit sehingga 20 minit. Bagi membolehkan semua Ahli Yang Berhormat dapat berucap saya memohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang diberikan. Di jemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Yang Berhormat Tuan Speaker, Senggarang memohon membawa rundingan bahawa satu ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut: Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang bersidang merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terdapat isu-isu yang Senggarang bangkitkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri sebelum ini telah mendapat tindak balas pihak kerajaan dan Senggarang bagi pihak rakyat Johor mengucapkan berbanyak terima kasih. Walau bagaimanapun, sesetengah masalah yang Senggarang bangkitkan belum diselesaikan dengan secara tuntas dan masih tidak jelas jalan penyelesaiannya. Yang paling malang apabila terdapat isu-isu yang Senggarang bangkitkan tidak mendapat apa-apa respons atau tindakan daripada pihak kerajaan. Menjadikannya seolah-olah seperti hembusan angin yang berlalu yang lenyap begitu sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam ucapan kali ini Senggarang akan membangkit semula isu-isu yang telah ditimbulkan sebelum ini di mana tidak mendapat tindak balas dan reaksi sama sekali daripada pihak kerajaan.

Seterusnya isu-isu lain yang telah mendapatkan perhatian kerajaan tetapi tidak jelas jalan penyelesaiannya. Di peringkat akhir ucapan Senggarang akan menyentuh isu-isu baru yang sesetengah memerlukan komitmen dan ketenangan untuk menyelesaikannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi isu-isu yang berlalu tanpa apa-apa tindakan oleh pihak kerajaan adalah seperti berikut.

Pertama, ketirisan yang berlaku dalam kegiatan pembalakan. Senggarang sendiri telah turun ke padang, melihat sendiri kemusnahan hutan yang dilakukan oleh pembalak-pembalak yang diberi lesen. Tetapi mereka telah melakukan pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam ucapan dalam sidang DUN yang lalu. Pembalak-pembalak telah melakukan kesalahan secara terang-terangan dan tiada sebarang tindakan, Senggarang sendiri telah membuat aduan kepada pihak SPRM dan mengharapkan badan tersebut dapat membuat siasatan dan membawa mereka yang tidak bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Kedua, aktiviti perlombongan pasir haram. Senggarang mendapat maklumat kegiatan perlombongan pasir secara haram masih terus berjalan. Di daerah-daerah Kota Tinggi, Mersing dan mungkin daerah-daerah yang lain. Senggarang sekali lagi menggesa jabatan-jabatan yang bertanggungjawab seperti PTD-PTD serta jabatan yang berkaitan seperti JPJ dan polis dapat bertindak secara wajar dalam menghentikan kegiatan haram tersebut. Kegiatan tersebut boleh dibanteras dengan membuat sistem penguatkuasaan yang berkesan. Pihak kerajaan juga digesa untuk membuat tindakan yang proaktif seperti memudahkan proses permohonan lesen dan permit-permit pemindahan yang dibuat oleh pihak pengusaha.

Ketiga, sumber air bawah tanah. Sejak Senggarang bangkitkan isu sumber air bawah tanah, Senggarang tidak mendengar apa-apa dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan perkara tersebut. Ada baiknya juga sekiranya pihak kerajaan melantik syarikat perunding yang berintegriti sama ada syarikat dalam ataupun luar negara untuk membuat kajian dan memberi pandangan jelas kepada pihak kerajaan. Kita perlu mencari sumber air alternatif kerana sumber air permukaan kemungkinan akan mengalami pencemaran secara besar-besaran sehingga sumber air tersebut tidak boleh dirawat lagi.

Keempat, dasar pertanian dan pemakanan. Dasar pertanian dan pemakanan banyak ditentukan oleh kerajaan pusat. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri boleh berperanan untuk membuat dasar sendiri demi memakmurkan rakyat negeri Johor. Sebagai contoh, kerajaan Johor membuat dasar untuk menjadikan negeri sebagai pembekal bahan-bahan hasil pertanian dan penternakan utama ke seluruh negara. Kita boleh mengarahkan GLC dan rakyat untuk menjadikan pertanian dan penternakan sebagai kegiatan utama mereka. Kita boleh membawa Teknologi pertanian dan ternakan terkini dari Indonesia, Thailand, Belanda, Mongolia dan sebagainya bagi menyemarakkan usaha tersebut. Kita juga boleh mendapatkan model-model pengurusan, ladang pertanian dan penternakan bersesuaian dengan suasana negeri kita ini. Seperti di Indonesia, mereka mempunyai dasar dan matlamat untuk berdikari dalam pembekalan sumber makanan negara mereka. Dalam jangka masa tertentu mereka bercita-cita untuk menjadi salah negara pembekal makanan dunia.

Di samping itu mereka mula memikirkan untuk mengeluarkan sumber makanan lebih sihat dengan berstatus sumber makanan organik dengan kaedah dan Teknologi pengeluaran makanan organik mereka telah mendapat Teknologi ayam bertelur dua biji sehari pagi dan petang. Tempoh matang ayam daging dapat dipendekkan daripada 35 hari ke-28 hari sahaja serta berbagai-bagai Teknologi pertanian dan ternakan lain diciptakan. Daripada semua sumber yang ber*authority* mereka bersedia untuk memindahkan Teknologi tersebut ke negara kita sekiranya kita bersedia menerapkannya. Mengapa banyak kawasan-kawasan sawah padi di negeri ini terbengkalai dan terbiar. Kegagalan tersebut kerana kita tidak mahu

keluar daripada kaedah pengurusan tradisional. Kita tidak mengambil iktibar di mana sebuah syarikat telah berjaya menguruskan sebuah kawasan sawah padi di Kahang, Johor.

Kelima, ancaman haiwan perosak. Monyet dan babi hutan. Masalah monyet dan babi hutan merupakan masalah yang berlaku berzaman sejak pemerintahan rejim terdahulu. Tahap permasalahan semakin serius apabila populasi binatang ini terutama monyet semakin tinggi tindakan perlindungan Jabatan PERHILITAN semakin agresif. Beribu-ribu rakyat Johor terutamanya yang tinggal di kampung-kampung tidak dapat bercucuk tanam. Buah-buahan dan hasil cucuk tanam mereka musnah diserang oleh haiwan tersebut begitu juga dengan ternakan ayam-ayam mereka terus terancam. Pihak kerajaan boleh melindungi haiwan-haiwan tersebut dengan undang-undang yang ketat dan hukuman yang berat. Dalam masa yang sama sanggupkah Jabatan PERHILITAN membayar ganti rugi di atas kemusnahan hasil tanaman dan ternakan mereka? Apakah kewajaran membiarkan pengembangan populasi monyet dan babi hutan sehingga menidakkan rakyat bercucuk tanam, sedang itu adalah punca pendapatan tambahan mereka? Pihak kerajaan kena peduli dengan nasib mereka. Buatlah siasatan terperinci di lapangan sehingga kerajaan boleh membuat pertimbangan yang wajar sama ada kita perlu melindungi nasib rakyat atau menjaga kepentingan monyet dan babi hutan tersebut. Jangan perkara semudah ini kita perlukan satu atau dua dekad untuk menyelesaikannya.

Keenam, amalan gaya hidup sihat. Kerajaan negeri Johor seharusnya menjadi contoh dalam mengambil peduli akan keadaan kesihatan rakyatnya. Dalam kesibukan membangunkan negeri, keadaan kesihatan rakyat negeri Johor perlu diberi perhatian. Masalah rakyat Johor dan Malaysia umumnya adalah obesiti. Senggarang cadangkan pihak kerajaan Johor membuat kempen besar-besaran supaya rakyat negeri Johor perlu mempunyai gaya pemakanan yang sihat, tidak mengambil berlebihan kalori makanan dan menggalakkan mereka beriadah. Jadikan standard berat badan orang Johor kurang 80kg. Dijangkakan pihak kerajaan akan dapat menjimatkan ratusan ribu ringgit dalam penjimatan kos perubatan dan beban pembekalan makanan negara. Suatu kajian cara profesional perlu dijalankan bagi mencapai matlamat berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Senggarang mendapati ada isu-isu yang Senggarang bangkitkan telah mula ditangani tetapi penyelesaian masalah tersebut kurang jelas. Isu-isu berkenaan adalah seperti berikut :

Pertama, pencemaran sungai. Kita tidak dapat makluman tentang status pencemaran sungai-sungai utama dan penting di negeri Johor seperti Sungai Johor, Sungai Sedili, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai. Di mana sungai-sungai tersebut membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan air bersih. Apakah kualiti air sungai-sungai berkenaan bertambah baik atau memburuk, suatu maklumat yang perlu dikongsi bersama oleh ramai rakyat Johor.

Kedua, Projek Loji Pelupusan Sampah Bukit Payong, Batu Pahat. Status sebenar projek ini juga masih menjadi tanda tanya. Walaupun setelah bantahan rakyat, projek tersebut terhenti, tetapi ada tanda-tanda di tapak lapangan berlaku aktiviti-aktiviti tertentu. Senggarang dan penduduk yang terlibat dengan bantahan pembinaan projek tersebut ingin tahu status Projek Pusat Pelupusan Sampah Bukit Payong. Apakah ianya di batal atau di tangguh sementara atau ditunda untuk jangka masa tertentu?

Yang Berhormat mantan Menteri Besar, Dato' Haji Osman Sopian bersama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju untuk menangguhkan projek tersebut dan dipersetujui oleh kerajaan pusat dengan syarat mencari tapak gantian. Ia ditangguhkan dengan mengambil kira faktor:

1. Berdekatan dengan 18 buah kampung dan taman perumahan.
2. Berdekatan dengan 9 buah sekolah kerajaan, yang paling dekat 1.3 kilometer.

3. Laporan DEIA yang meragukan kerana tinjauan hanya dilakukan kepada sekitar 179 orang responden sahaja walhal terdapat 26,000 penduduk di sekeliling Bukit Payong.
4. Bukit Payong merupakan tapak warisan yang terdapat pelan fosil berusia jutaan tahun dan Batu Aceh berusia 500 tahun.

Sehingga kini tapak gantian tidak, belum lagi dikenal pasti. Senggarang mengusulkan satu tapak gantian di kawasan Hutan Simpan Lenggong yang telah digondolkan atau nama mana-mana hutan simpan yang setaraf dengannya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang keempat, ketandusan tempat rekreasi, riadah dan pelancongan di kawasan bandar daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan lain-lain banyak kawasan lapang. Padang permainan telah dibangunkan menjadi kawasan komersil dan perumahan akibatnya warga bandar tersebut mempunyai tempat-tempat yang terbatas untuk tujuan berekreasi dan beriadah. Mungkin ini juga menjadi salah satu masalah yang menjadikan ramai warga bandar tersebut mengalami stres. Oleh itu, Senggarang mencadangkan supaya pihak kerajaan memperbanyakkan pembinaan tempat-tempat rekreasi dan riadah di kawasan kosong yang masih berbaki sedikit-sedikit seperti di sepanjang rizab sungai-sungai dan parit-parit utama.

Sebagaimana yang Senggarang ucapkan di dalam Persidangan DUN yang lalu sekali lagi Senggarang menyeru supaya pihak kerajaan menaik taraf kawasan rekreasi sedia ada seperti air terjun Gunung Pulai, pantai-pantai di Kota Tinggi, Pontian, Batu Pahat, Muar dan lain-lainnya. Banyak kemudahan telah rosak perlu diperbaiki. Kerajaan juga perlu menggalakkan dan membantu pihak-pihak persatuan dan swasta untuk membangunkan tempat-tempat yang boleh menjadikan tumpuan pelancong umpamanya Persatuan Bangsa Bugis yang mendirikan Muzium Bugis suatu masa dulu ada tempat pembuatan batik, ladang herba di Muar, sepatutnya pengusaha-pengusaha tersebut patut dibantu dari semasa ke semasa mereka berupaya mengembangkan usaha mereka sehingga tempat-tempat tersebut akan menggami pelancong-pelancong untuk melawat.

Kita ada Legoland, pusat-pusat membeli belah, tetapi untuk datang ke tempat-tempat tersebut memerlukan belanja yang mahal yang tidak mampu didatangi selalu oleh rakyat biasa. Tidak banyak tempat istimewa yang menjadi tarikan pelancong untuk datang ke negeri Johor. Kita kurang berjaya membangunkan tempat-tempat tinggalan sejarah seperti Minyak Beku yang terletak di muara Sungai Batu Pahat. Kawasan ini dikenali sebagai Rioformoso dalam peta dan catitan sejarah barat. Tapak-tapak warisan seperti Rumah Api Bukit Segenting, Rumah Pasung Minyak Beku, Makam Orang Kaya Daeng Ahmad telah tidak diambil perhatian dan peduli oleh pihak kerajaan. Selain itu, tiada usaha bersungguh-sungguh untuk mengindahkan pantai Minyak Beku supaya menjadikan kawasan rekreasi dan riadah yang menjadikan tarikan pelancong kepada penduduk setempat dan dari luar Batu Pahat. Mungkin banyak lagi kesan-kesan sejarah yang sekiranya dibangunkan semula serta dipromosikan akan menjadi tempat tarikan pelancong.

Kelima, masalah penceramah agama tidak bertauliah. Senggarang menggesa Jabatan Agama Islam Johor mengambil tindakan terhadap para pengkuliah yang menjadikan medan kuliah di surau dan masjid untuk politik, kebencian sesama Islam, memfitnah pemimpin, menyemai fahaman takfiri serta memburukkan kerajaan. Perkara ini dilaporkan banyak berlaku di negeri Johor yang dikhabarkan oleh rakyat tempatan mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam itu sendiri. Senggarang memandang serius tentang salah laku tersebut.

Keenam, masalah elaun pegawai masjid dan surau, guru Al-Quran dan Takmir. Konsep mudah dan mempermudah harus di aplikasi dalam kaedah pembayaran elaun-elaun atau gaji-gaji kepada pegawai masjid dan surau, guru Al-Quran dan Takmir. Mereka perlu dibayar dengan jumlah setimpal bersesuaian dengan keadaan semasa. Kita tidak mahu mereka ini hidup di bawah garis kemiskinan. Senggarang dikhabarkan setengah guru-guru Takmir terpaksa berbagi elaun dengan pihak tertentu di mana sekiranya benar berlaku ianya

adalah contoh ketirisan dan bentuk penindasan yang tidak wajar berlaku terutama dalam institusi keagamaan. Kajian patut dibuat bagi memastikan keseluruhan penggiat-penggiat agama ini dapat menerima jumlah imbuhan yang munasabah sesuai dengan tuntutan kos dan taraf sara hidup semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Senggarang akan meneruskan ucapan dengan mengetengahkan isu-isu baru yang sesetengahnya kritikal yang perlu diambil perhatian dan tindakan segera oleh pihak kerajaan.

Pertama, penyelewengan dalam pengurusan pembalakan dan perlombongan pasir. Walaupun isu ini telah disentuh sedikit di bahagian awal ucapan Senggarang, namun Senggarang ingin mengulangi sekali lagi di mana ada usaha untuk mengalihkan pandangan rakyat selalu dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu bahawa tiada bukti orang-orang luar yang masuk ke dalam hutan menebang pokok dan mencuri kayu dengan membawa keluar tanpa membayar cukai. Apa yang berlaku ialah kecurian yang dilakukan oleh pembalak-pembalak yang diberi lesen oleh Pihak-Pihak Berkuasa. Mereka menebang kayu di kawasan zon, menebang kayu yang tidak di tanda yang tidak boleh ditebang, tidak merekodkan daftar dalam daftar kayu yang ditebang. Lari atau tidak membayar cukai, mengecilkan saiz kayu dalam borang cukai untuk mengurangkan kadar cukai, lebih teruk mengeluarkan kayu tanpa membayar cukai yakni cukai terbang, tidak menanam semula *spesies* kayu tertentu dengan dalam jumlah yang dinyatakan dalam syarat lesen. Selepas mereka menipu jumlah pengeluaran kayu, mereka memohon pula kawasan ganti kononnya jumlah isi padu kayu yang dikurangkan, yang dikeluarkan kurang daripada jumlah yang tercatat dalam mesin mereka padahal mereka mengeluarkan jumlah kayu dengan jumlah berganda sehingga hutan menjadi gondol. Mereka dengan sengaja culas dengan mengecilkan rekod isi padu yang mereka keluarkan, mereka boleh melakukannya kerana mereka dilindungi secara jemaah oleh pihak penguasa yang menguruskan urusan perhutanan.

Begitu juga dengan urusan perlombongan pasir. Setengah-setengah pelombong pasir menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan haram secara terang-terangan bertahun-tahun lamanya tanpa apa-apa tindakan, melakukan pemindahan pasir dan batuan di tengah-tengah malam tanpa apa-apa tindakan pihak berkuasa. Mereka sebenarnya membuat kerja-kerja haram dengan mengelak daripada membayar cukai. Mereka ini juga dipercayai dilindungi oleh pentadbir dan penguasa di pelbagai peringkat yang juga dilakukan secara berjemaah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Senggarang mengharapkan mereka yang membuat salah laku dapat disiasat dan dibawa ke muka pengadilan. Di samping itu juga, perlu kita menyedari bahawa dalam dunia yang serba canggih sekarang ini terdapat kaedah yang dapat mengukur jumlah isi padu pasir dan kayu yang telah dikeluarkan daripada sesuatu kawasan. Perbandingan jumlah keluaran dan jumlah cukai yang dibayar akan membuktikan jumlah kecurian. Kaedah seperti penggunaan dengan izin, *Real Time Kinematic* (RTK) dan *area mapping* menggunakan dron dengan menggunakan perisian khas tertentu boleh memperkirakan jumlah pasir yang dikeluarkan oleh sesuatu kawasan perlombongan dan juga berapa banyak jumlah kayu yang ditebang berdasarkan maklumat sebelum dan semasa.

Pihak kerajaan boleh melantik pakar perunding bertauliah yang mempunyai keupayaan memberi perkhidmatan tersebut dengan data yang sangat meyakinkan. Pihak kerajaan boleh membuat tuntutan kepada pihak-pihak berkenaan yang gagal membayar cukai-cukai dan fi yang sepatutnya kepada pihak kerajaan. Pihak kerajaan tidak sewajarnya hanya bergantung kepada laporan-laporan jabatan-jabatan kerajaan kerana sebahagian daripada mereka merupakan penyebab segala permasalahan tersebut. Sebuah badan penyiasat patut dibentuk yang anggotanya terdiri daripada para profesional seperti Juruukur Tanah yang bertauliah, pakar-pakar perkayuan daripada Lembaga Industri dan Perkayuan Malaysia, pakar-pakar perhutanan daripada pusat-pusat pengajian tinggi universiti, pakar-pakar alam sekitar dan sebagainya. Bagi setiap kawasan pembalakan dan perlombongan

yang telah siap dikerjakan, pengusaha perlu melantik perunding alam sekitar yang bertauliah untuk menyediakan satu laporan yang mengesahkan pengusaha telah mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan. Perunding tersebut perlu bertanggungjawab sekiranya berlaku aduan-aduan di kemudian hari.

Yang Berhormat Speaker, masalah alam sekitar yang tidak kunjung selesai malah memburuk. Kita telah dikejutkan dengan peristiwa Sungai Kim Kim, diikuti dengan kes keracunan akibat menghidu udara tercemar yang juga berlaku di Pasir Gudang. Seakan kita boleh membuat kesimpulan bahawa penduduk sekitar Pasir Gudang dalam keadaan terancam yang perlukan tindakan tegas dan segera dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kebanyakan industri-industri akan mengeluarkan sisa-sisa toksik dan kebanyakan sisa-sisa tersebut disimpan beberapa lama sebelum dilupuskan. Sebahagian maklumat sisa-sisa toksik tersebut ada dalam maklumat Jabatan Alam Sekitar. Senggarang mencadangkan supaya industri di negeri Johor mengemukakan laporan sisa toksik setiap bulan dengan menyatakan jumlah sisa toksik yang dihasilkan pada bulan tersebut dan jumlah sisa-sisa toksik yang berada dalam simpanan mereka.

Pengusaha industri tersebut perlu juga menyatakan kaedah pelupusan sisa-sisa tersebut serta waktunya. Pengusaha industri juga menyatakan kandungan sisa toksik dan tahap keberbahayaan bahan tersebut. Kerajaan juga perlu menyediakan loji-loji pelupusan sisa-sisa toksik, juga menggalakkan juga membantu pihak swasta untuk mendirikan loji-loji pelupusan toksik. Dengan usaha tersebut, kos pembinaan loji dapat dikurangkan dan kos pelupusan sisa-sisa tersebut dapat direndahkan sehingga tidak membebankan pengusaha-pengusaha industri. Apa yang berlaku sekarang ialah, sesetengah pengusaha industri mencari peluang dalam waktu-waktu tertentu untuk melupuskan sisa-sisa tersebut secara haram. Mereka membuang sisa-sisa toksik ke dalam kawasan Jurang, menanam di dalam tanah, membuang di tempat-tempat terpencil yang mengakibatkan pencemaran berpanjangan. Segala punca permasalahan adalah disebabkan undang-undang yang longgar dan tiada sistem penguatkuasaan yang berkesan. Tidak dinafikan juga terdapat unsur rasuah, yang melindungi masalah berkenaan. Senggarang mencadangkan agar negeri Johor menubuhkan perbadanan alam sekitar yang bertindak sebagai badan di bawah Perbadanan Menteri Besar untuk mengurus serta mengawal selia buangan berbahaya. Sisa buangan efluen perindustrian, pelepasan gas tercemar ke udara dan penilaian kesan kepada alam sekitar. Senggarang yakin dengan penubuhan perbadanan alam sekitar tersebut banyak masalah alam sekitar di negeri ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan.

Ketiga, pencemaran sungai. Secara teknikal tiada kepayahan untuk mengawal sesuatu sungai daripada dicemari. Aliran sesuatu sungai adalah daripada alur-alur kecil, mengalir ke dalam alur-alur yang lebih besar atau daripada longkang sekeliling rumah mengalir ke parit-parit dan longkang yang lebih besar seterusnya masuk ke aliran sungai di lembangan sungai tersebut. Pencemaran sungai terhasil daripada efluen mentah daripada kilang-kilang yang tidak dirawat atau dirawat secara tidak sempurna, mengalir ke dalam alur-alur atau parit dan langsung ke dalam sungai. Aktiviti perlombongan pasir juga akan menjadi punca pencemaran sekiranya air basuhan dari palong pencucian pasir dilepaskan ke dalam sungai tanpa dikenakan terlebih dahulu lodak-lodak yang terampai dalam air buangan tersebut. Apabila semua efluen mentah kilang dikenal pasti kandungannya dan kawasan perlombongan juga dikenal pasti, maka sebarang pencemaran yang melibatkan bahan-bahan daripada kilang industri tertentu boleh membantu pihak penguatkuasaan. Tindakan tegas perlu diambil, sehingga penutupan operasi kilang perlu dilakukan sekiranya mereka terbukti melepaskan efluen tanpa merawatnya. Pencemaran amonia di Sungai Skudai besar kemungkinan atau hampir pasti, disebabkan kilang getah yang terletak di hulu sungai tersebut. Sekiranya kerajaan bertegas mengarahkan pemindahan kilang tersebut, sudah pasti masalah pencemaran sungai tersebut akan berkurangan. Mengambil pengajaran insiden pencemaran yang kerap berlaku, Senggarang mencadangkan bagi mewujudkan tabung amanah pemulihan sungai dan sumber air. Fokus tabung tersebut adalah sebagai dana. Dana bantuan bagi mengadakan operasi pencegahan serta pemuliharaan khususnya

kepada sungai-sungai dan lain-lain yang menjadi sumber air mentah. Adalah dikhabarkan kepada Senggarang bahawa terdapat pungutan hasil di bawah Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) sebanyak RM33 juta setahun dari Syarikat Air Johor (SAJ) namun sebarang pemeliharaan parit dan sungai masih bergerak secara perlahan. Senggarang mencadangkan tabung ini diletakkan di bawah kerajaan negeri, agar segala pembangunan untuk pemeliharaan parit dan sungai dan lain-lain sebagai sumber air berjaya dilakukan. Sekali lagi soal perundangan yang jelas, dan hukuman berat serta penguatkuasaan yang berkesan akan mengurangkan masalah alam sekitar yang semakin memburuk dan mengancam kehidupan manusia sekarang ini.

Keempat, pemindahan industri bahaya ke tapak baru. Senggarang pada 26 Mac 2019, iaitu selepas peristiwa keracunan Sungai Kim-Kim, telah mencadangkan supaya industri dan kilang-kilang yang bertaraf bahaya dapat dipindahkan ke kawasan perindustrian yang terletak berjauhan daripada kawasan penempatan awam. Cadangan tersebut di respons oleh bekas Menteri Besar yang dahulu, Yang Berbahagia Dato' Khaled Nordin pada 3 April 2019, dengan beliau menyatakan ianya tidak praktikal sama sekali. Walau bagaimanapun, Senggarang amat bersukacita apabila DYMM Tuanku Sultan yang bertitah pada 28 Jun 2019, telah memberi pandangan supaya kilang-kilang yang berbahaya dan berisiko tinggi dapat dipindahkan ke kawasan yang lebih sesuai. Kes-kes keracunan yang berlaku berpunca apabila kerajaan terdahulu meluluskan pembinaan kilang-kilang berkenaan tanpa memikirkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk sekitar, kerana ini diburukkan lagi dengan tiada tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Hakikatnya, kerajaan hari ini sedang berusaha untuk mengatasi segala masalah yang dipusakai daripada kerajaan terdahulu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Senggarang terus mengutarakan isu-isu yang memanas, dengan niat semata-mata melihat negeri Johor ini akan terus maju dan cemerlang.

Pertama, kemasukan pelaburan ke negeri Johor. Kemajuan sesuatu pentadbiran negara atau negeri, di antaranya diukur dengan sebesar mana pelaburan luar yang masuk atau seramai mana jumlah pelabur yang datang melabur ke negara atau negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, Senggarang ingin tahu sepanjang kerajaan baharu memerintah negeri Johor, berapa ramai pelabur dan jumlah pelaburan yang masuk ke negeri Johor. Senggarang juga ingin tahu sejauh mana usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menarik pelabur-pelabur dan pelaburan luar untuk datang ke negeri Johor? Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuat dasar-dasar baharu, pelaburan yang boleh memikat dan menggami pelabur-pelabur ke negeri ini? Kita mempunyai GLC-GLC yang bukan sedikit bilangannya. Sejauh manakah GLC-GLC berkenaan telah berperanan dalam menarik pelaburan luar? Dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menyatakan peri pentingnya kerajaan bekerja keras untuk menarik pelaburan luar bagi memastikan penjanaan hasil kerajaan negeri terus meningkat.

Kedua, prestasi GLC-GLC kerajaan negeri Johor. Sekarang mendapat perkhabaran bahawa banyak perbadanan dan syarikat-syarikat GLC negeri Johor tidak menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Senggarang mencadangkan supaya setiap GLC mengemukakan laporan berhubung prestasi syarikat-syarikat mereka dan dibentangkan dalam DUN yang mulia ini. Kita dimaklumkan juga bahawa pihak pengurusan GLC-GLC negeri Johor telah dibayar gaji atau imbuhan yang bukan alang-alang jumlahnya. Sebuah badan siasatan profesional perlu dibentuk bagi mengenal pasti daya maju, dan potensi GLC-GLC tersebut. Bagi GLC yang mengalami kerugian berterusan, tidak berpotensi dan tidak berdaya maju perlu segera ditutup bagi mengelakkan kerajaan menanggung kerugian yang lebih besar. GLC-GLC yang dilihat berpotensi tetapi mempunyai *team* pengurusan yang lemah, maka *team* pengurusan tersebut perlu dirombak dengan membentuk *team* pengurusan yang baru. Bagi memudahkan urusan ketua-ketua pengurusan GLC perlu menilai keupayaan mereka, sekiranya kegagalan organisasi mereka disebabkan kelemahan atau ketidakcekapan pengurusan mereka, maka kita menawarkan dua pilihan kepada ketua-ketua pengurusan ini supaya mengundurkan diri mereka secara sukarela dan terhormat, atau mereka akan berhadapan dengan siasatan oleh sebuah badan siasatan dan

pengauditan yang akan ditubuhkan. Tindakan akan dikenakan sekiranya terdapat kes-kes ketirisan dan penyelewengan. Pihak kerajaan juga perlu memberi penghargaan kepada *team* pengurusan GLC yang didapati cemerlang dan banyak menyumbangkan kepada kemajuan negeri ini.

Yang Berhormat Puan Speaker.

Ketiga, pencapaian separuh penggal Bajet 2019. Senggarang mengharapkan sangat di akhir sidang DUN yang mulia supaya pihak kerajaan dapat memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang pencapaian separuh penggal Bajet 2019. Maklumat berkenaan akan membantu Ahli-Ahli Yang Berhormat DUN untuk melipat gandakan usaha-usaha di bidang-bidang mana yang berlaku kelemahan.

Akhir sekali Senggarang ingin menyampaikan keluhan daripada syarikat-syarikat kontraktor pembinaan, kejuruteraan dan syarikat-syarikat perunding kejuruteraan, arkitek, juru ukur bahan dan juru ukur tanah dan lain-lainnya yang mengadu bahawa ruang untuk mereka mencari rezeki semakin sempit apabila kerajaan amat kurang menawarkan kerja-kerja kontrak dan pembangunan baru. Di samping itu, mereka juga mengadu tuntutan pembayaran daripada pihak Perbendaharaan, Bendahari kerajaan negeri, lambat diterima. Jadi mereka sekarang kurang membuat kerja dan dalam pada itu kerja-kerja yang mereka siapkan lewat menerima bayaran daripada pihak kerajaan. Oleh itu, kita minta aduan ini disiasat bagi mengelakkan salah anggap oleh pihak-pihak tertentu terhadap kerajaan baharu Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sekali lagi Senggarang menyeru supaya isu-isu yang Senggarang bangkitkan mendapat perhatian dan tidak balas daripada pihak kerajaan. Mana-mana isu yang terbiar tidak diurus akan tetap Senggarang bangkitkan semula di sidang-sidang DUN yang akan datang. Senggarang mencadangkan rundingan menjunjung kasih titah DYMM Sultan Johor diterima, Dewan yang mulia ini, sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Senggarang. Dijemput Yang Berhormat Pemanis.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis memohon menyokong rundingan itu. Terlebih dahulu Pemanis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas perkenan DYMM Tuanku Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor yang Ke-14. Salam Aidilfitri dan *kabare* kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang dikurniakan dengan Darjah bergelar Dato' dan barisan EXCO kerajaan yang baru dilantik dan Pemanis penuh keyakinan bahawa barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat menjalankan tugas dengan hala tuju yang cukup berobjektif, pelaksanaan yang *definitive* tanpa *flip flop* dan amanah rakyat yang dipikul dapatlah dilunaskan. Pemanis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan bekas Menteri Besar dan bekas Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang banyak berjasa kepada kerajaan sebelum ini. Sumbanganmu tetap kami ingati.

Yang Berhormat Puan Speaker, kos sara hidup merupakan satu stigma pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Kita semua terima hakikat bahawa harga barangan tidak menurun dengan penghapusan GST yang telah diganti dengan SST. Kita kena *move on*. Kerajaan baharu kita telus, kita bersedia menghadapi segala cabaran. Kita *move on*. Kaedah yang pernah dicadangkan untuk melegakan keadaan ini termasuk:

1. Naikkan gaji pekerja dan dengan secara langsung menaikkan keupayaan membeli belah ataupun keupayaan bermitigasi harga barangan.
2. Memperkuatkan nilai Ringgit untuk menurunkan harga barangan import.
3. Penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam usaha pengawalan harga barangan.
4. Menambah persaingan dalam pasaran dengan mengimbangkan supaya *supply and demand*, dengan izin ataupun pengeluaran dan permintaan terutamanya barangan makanan.

Yang Berhormat Puan Speaker, kenaikan gaji bukanlah pilihan yang baik kerana harga barangan akan turun naik, selepas itu. Iaitu dia akan menyebabkan inflasi. Memperkuatkan nilai mata wang pula akan menyebabkan sektor pembuatan yang berorientasi eksport hilang daya saing dalam pasaran antarabangsa. Pengawalan harga barangan pula bukan dalam bidang kuasa kerajaan negeri secara langsung.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis berpendapat kerajaan negeri memainkan peranan yang amat penting ataupun *pivotal role* dengan izin, dalam perkara ini meskipun kerajaan negeri banyak berusaha memperluaskan kawasan untuk tanaman, makanan dan ternakan, namun Yang Berhormat Puan Speaker, dari maklum balas yang diterima masih terdapat ramai yang ingin menceburi dalam bidang pertanian tetapi tiada tanah. Walaupun negeri Johor terutamanya Johor utara mempunyai syarat yang cukup baik untuk membangunkan bidang pertanian. Kebanyakan tanah nampak bersemak-samun. Jabatan Pertanian telah mencuba mendaftarkan tanah yang kosong untuk disewa tetapi sambutannya kalau ikut semakan *online* sangat-sangat tidak memuaskan.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Pemanis bercadang kepada kerajaan negeri supaya satu mekanisme diwujudkan untuk menambah baik penggunaan tanah negeri Johor.

Langkah pertama, semua tanah yang sesuai untuk penanaman tetapi dibiarkan dikenakan cukai yang mungkin lipat ganda, itu cadangan sahaja. Ini termasuk tanah pemilik agensi kerajaan. Tanah yang sesuai dan telah diusahakan dikenakan cukai tanah yang sama dan tanah yang sesuai untuk penanaman dan telah diusahakan dengan tanaman yang disyorkan oleh kerajaan misalnya nenas ke dikenakan dengan cukai yang lebih rendah. Dan syor Pemanis ialah penyewaan tanah kategori ini adalah untuk tanaman kontan sahaja.

Yang Berhormat Puan Speaker, cadangan ini merupakan cadangan dalam prinsip dan harus diperhalusi lagi dengan pelaksanaan dasar kegunaan tanah ini, kerajaan negeri akan dapat memungut lebih banyak cukai tanah. Pemilik tanah akan menambah pendapatan daripada sewa tanah, pemilik yang tidak mengusahakan tanah mereka dan individu yang berminat dalam bidang pertanian tetapi tiada tanah dapat menyewa tanah bawah skim ini. Pengeluaran makanan akan meningkat dan harga makanan akan terkawal dengan keseimbangan *demand vs supply* dengan izin, itu permintaan dengan pengeluaran makanan.

Yang Berhormat Puan Speaker, dengan syarat yang sedia ada, kita mempunyai raja yang bervisi, kita mempunyai kerajaan yang dinamik dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak pembangkang yang berpengalaman dan konstruktif, harap. Rakyat bangsa Johor yang bersatu padu, negeri Johor mempunyai ekosistem, sosiopolitik yang amat berpotensi untuk menjadi satu negeri yang paling maju. Kerajaan kini memang berfungsi atas landasan yang betul. Tapi Yang Berhormat Puan Speaker, untuk mencapai matlamat menjadi satu negeri yang lebih maju dalam masa yang singkat, kita harus tukar gear jentera kerajaan dari baik ke terbaik. Kerajaan perlu bergerak keluar dari zon keselesaan yang konservatif, *comfort zone* dengan izin, dan menjadi lebih inovatif dan *combative* iaitu agresif.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Pemanis memetik satu contoh. Dalam tahun 2012 kerajaan British bercadang menaik taraf satu jambatan di hadapan University Cambridge, Sungai Charles. Tahun 2014 kerja-kerja menaik taraf masih dalam proses kajian. Tahun 2015 warga Cambridge dimaklumkan bahawa kerja menaik taraf di jadualkan siap dalam satu tahun lagi. Dan jambatan, jambatan atas Sungai Charles akhirnya disiapkan dalam tahun 2018 iaitu ambil masa 6 tahun dengan kos tiga kali ganda daripada kos anggaran.

Yang Berhormat Puan Speaker, jambatan yang sama dengan dua kali ganda panjang di Beijing, jambatan San Yuan terpaksa di naik taraf kerana pengaliran trafik yang lipat ganda. Berbanding dengan jambatan di UK yang mengambil masa 6 tahun dengan kos tiga kali ganda kerja-kerja menaik taraf jambatan San Yuan disempurnakan dalam masa 48 jam.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis yakin kerajaan bukan sahaja ingin mencapai tahap medium ataupun dengan izin, ataupun tahap sederhana dalam penggal pentadbiran ini. Bahkan ingin mencapai tahap kerajaan cemerlang dan Pemanis pernah menukar fikiran dengan pegawai kerajaan dari negeri China baru-baru ini dalam satu lawatan kerja bersama Yang Berhormat Menteri di negeri China. Dan Pemanis ingin tahu, apakah rahsia di belakang pembangunan pesat dalam negeri China yang berjaya memacu ekonomi rakyatnya sehingga boleh membawa impak pada satu dunia.

Untuk maklumat Yang Berhormat Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, 40 tahun yang lalu 90% antara 1 bilion rakyat negeri China menerima pendapatan kurang daripada USD2.00 ya. Hari ini 99% rakyat negeri China sudah melepasi *benchmark* USD2.00 dan mengikut pegawai-pegawai negeri China, bila ada satu projek yang akan membawa manfaat kepada rakyat dan kerajaan, mereka akan teruskan. Kalau ada gunung yang menghalang, tebuklah terowong ataupun meratakan ataupun mengalih gunung. Kalau ada sungai yang menghalang, buatlah jambatan. Kalau ada jambatan yang harus dibina tapi tiada sungai, koreklah sungai. Ini macam cara bekas Menteri Sammy Vellu ya. Kalau ada masalah udara gunalah penapis udara yang berteknologi canggih. Kalau ada masalah air gunalah sistem rawatan air yang canggih atau sistem tertutup berteknologi tinggi. Gunalah *incinerator* untuk sisa industri yang toksik, membujur lalu melintang patah, itulah cara mereka.

Sebagai seorang Wakil Rakyat dalam kerajaan PH setahun jagung ini, Pemanis berasa kerajaan banyak menggunakan sumber tenaga kerja dan kewangan dalam menjaga kesinambungan peralihan kuasa. Ini mustahak dalam konteks memastikan kestabilan kerajaan negeri, keselesaan kakitangan kerajaan dan banyak projek lama diteruskan. *Business as usual* dengan izin. Pemanis berasa itu bagus tapi bukan yang terbaik kerajaan sekarang memang kekangan dana sehingga Yang Amat Berhormat Menteri Besar terpaksa kerap *travel* ke Putrajaya mencari dana dari kerajaan pusat yang juga mengalami kekangan dana sebenarnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan perlukan dana. Ahli-Ahli Yang Berhormat perlukan peruntukan yang lebih. Kali ini Hari Raya Aidilfitri tiada peruntukan yang lebih dan Ahli ada setengah Ahli Yang Berhormat terpaksa membatalkan majlis rumah terbuka Aidilfitri termasuk Pemanis. Kontraktor-kontraktor ramai yang tiada projek, kita semua perlukan dana. Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan perlu cari dana sendiri. Menyentuh bab pinjaman wang merupakan satu isu yang sensitif, Tuanku telah bertitah bahawa prinsip pengurusan kewangan yang mesti dipatuhi adalah jangan belanja lebih daripada hasil yang diterima. Satu peringatan yang sangat baik.

Yang Berhormat Puan Speaker, anak-anak muda yang mendapat gaji RM3,500.00 buat pinjaman bank untuk membeli kereta yang berharga RM60,000.00. Bukan mereka mampu membeli kereta tu sebenarnya. Kerana ada keperluan, itu ada satu keperluan sebagai kenderaan ulang alik pergi bekerja. Tentulah peminjam perlu pastikan bahawa dia mampu menjelaskan bayaran ansuran. Itu adalah satu analogi. Kerajaan negeri perlu mempertimbangkan mendapat dana melalui pinjaman bon, loan, sukuk untuk memacu ekonomi negeri yang makin lembap. Kita perlukan suntikan vitamin dana untuk banyak

projek-projek bakal menjana hasil untuk kerajaan. Menambah peluang pekerjaan, menambah pengaliran tunai, *cash flow* itu bukan masalah kerajaan itu masalah sedunia sebenarnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis ingin bercadang kerajaan mengkaji semula peranan dan bidang kuasa J-Corp, buat masa ini bidang kuasa J-Corp nampak agak terhad jika dibandingkan dengan MBI, Menteri Besar Incorporated di negeri-negeri lain. Ini termasuk kuasa mengeluarkan bon dan pinjaman. Jika mempunyai keperluan, Pemanis ingin bercadang supaya kerajaan menubuhkan MBI untuk negeri Johor. Pada waktu yang sama kerajaan Pakatan Harapan harus belajar daripada pengalaman kerajaan Barisan Nasional yang lepas iaitu pinjaman wang yang dimasukkan dalam akaun peribadi itu sangat berbahaya sehingga boleh menewaskan satu kerajaan yang pernah memerintah selama 60 tahun. Itu satu pengalaman yang pahit dan ngeri untuk kita semua.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis terpanggil untuk menyentuh peristiwa pencemaran udara Pasir Gudang. Satu insiden yang nampak terpencil tapi telah melibatkan kerajaan secara menyeluruh. Izinkan Pemanis membuat satu rumusan, tapi jangan salah faham Ahli-Ahli Dewan, bukan Pemanis tidak menyokong kerajaan walaupun kami berkuasa tetapi ini adalah suatu amalan reformasi corak demokrasi Pakatan Harapan. *We agreed to disagree*, kami bersetuju untuk tidak bersetuju, yang penting memanfaatkan rakyat. Dan kami kerajaan Pakatan Harapan memang berbeza dengan kerajaan Barisan Nasional. Kalau banding *one to one* memanglah beza.

Mengenai pencemaran Pasir Gudang, perkara nombor satu, inilah adalah kali yang kedua perkara ini berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Di kawasan yang sama yang telah wujud hampir 20 tahun dan antara 2,005 buah kilang yang beroperasi 250 berkaitan dengan bahan kimia dan kebanyakan bukan kilang baru. Yang kedua, dalam peristiwa pencemaran pertama pihak kerajaan sudah 100% pasti *ground zero* iaitu punca pencemaran adalah dari pembuangan sisa bahan toksik ke dalam Sungai Kim Kim. Yang ketiga, kerajaan masih tidak pasti dengan punca pencemaran kali yang kedua. Yang keempat, bahan kimia yang luar biasa yang dapat dikesan dalam udara, dia ada tiga. Satu tu *methyl mercaptan* itu adalah satu *chemical* yang berbau macam telur busuk yang mempunyai *half-life*, *t-half* dalam kalau kita dari bidang perubatan, kalau barang tu dalam badan pada taraf yang paling tinggi dia jatuh yang paras *half*, separuh tu ambil masa yang berapa, ha itu *t-half*. Ia untuk *methyl mercaptan* ni pendek dari 4 jam ke 8 jam. Dan ini membawa masalahlah, dia satu masalah bila kita nak cuba berkesan dari darah mangsa. Bahan kimia yang kedua, yang dalam ada dikesan adalah *acrylonitrile* yang berbau serupa bawang tapi bukan makcik bawang, yang selalu dulu wangi kena suka pakai minyak wangi, *microlene* yang berbau macam lemak yang terbakar. Semua bahan kimia ini tidak dapat dikesan dalam darah mangsa yang diuji biasanya selepas 4 jam ke atas dan *t-half* sudah tak ada. Dan, memang susahlah dari segi, dari perspektif perubatan kita nak berkaitan bahan ini dengan apa yang kita jumpa.

Kes-kes pencemaran satu dan dua adalah satu, ada satu persamaan walaupun ini kes beza, dia tak berkaitan sebenarnya ni dua kes. Iaitu dia melalui udara, iaitu *airborne*. Dan, dengan kes yang melibatkan *airborne*, zon penampakan ataupun *buffer zone* yang memisahkan kawasan perindustrian dan perumahan dia jadi kurang relevan. Dia boleh *travel* sampai lebih daripada 10 km. Soalan pokoknya, bukan *buffer zone*. Soalannya adakah pengusaha kilang-kilang kimia mengguna pakai kaedah yang cukup efisien untuk mengawal kualiti udara, air dan pembuangan sisa toksik? Dan soalan ke-8 adalah, adakah pasukan pemantau dan penguat kuasa dengan alat yang sedia ada cukup cekap dan berkesan? Nombor 9, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang bukan kawasan baru, kenapa perkara ini tidak pernah berlaku sebelum ini? Dan, adakah pengusaha kilang jadi lebih berani dan tidak patuh malahan melanggar syarat operasi dengan pengalihan kuasa dari BN ke Pakatan Harapan ataupun adakah ianya satu kerja sabotaj? Ataupun kenapa pekerja kilang tiada yang terlibat andainya punca dari kilang-kilang?

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis boleh sambung lagi banyak pertanyaan berkaitan dengan pencemaran udara Pasir Gudang. Ada banyak *why? why? why?* ya. Tapi, Yang Berhormat Puan Speaker, Wakil Rakyat tidak kira dari pihak kerajaan ataupun Pembangkang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam mendidik masyarakat memartabatkan nilai-nilai murni dan menelusuri kebenaran. Semasa kita bersidang dengan selesa dalam Dewan yang berhawa dingin ini, ada ratus-ratus orang di luar sana, tengah padang sedang berusaha bertungkus lumus dari hospital ke bomba, dari makmal ke Jabatan Alam Sekitar, dari Johor Bahru ke Putrajaya, dari pagi hingga malam untuk mencari jawapan yang berkaitan dengan kes pencemaran Pasir Gudang. Kes ini satu tragedi dan tiada mana pihak yang hendak dia berlaku dan Pemanis ingin mengambil kesempatan ini untuk berucap ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO-EXCO, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Bomba, hospital, Jawatankuasa Pengurusan Bencana, PBT, JAS, agensi-agensi pekerjaan dan pasukan sukarelawan yang terlibat dalam operasi ini.

Yang Berhormat Puan Speaker...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Dr. Chong Fat Full (Pemanis) : Ya, sikit lagi. Kita tidak berasa kecewa sekiranya netizen yang mengkritik kerajaan walaupun tanpa *basis* kerana itu hak mereka. Pemanis berharap agar rakan-rakan kita dari sebelah kiri Dewan yang mulia ini tidak salah guna insiden ini sebagai satu senjata untuk mendapatkan *tit-for-tat political mileage*. *Que Bono* dengan izin, dalam bahasa latin bermakna siapa yang untung.

Yang Berhormat Puan Speaker, berkaitan dengan kes Pasir Gudang khasnya dan keselamatan Johor amnya, izinkan Pemanis mencadang supaya kerajaan memasang satu sistem pemantauan integrasi (*Integrated Surveillance System*) yang dapat memantau kualiti air, udara, paras air sungai, pengaliran trafik, pembuangan sampah secara haram, kes pecah rumah, warga asing haram yang berintegrasi dengan sistem pengenalan wajah, pengenalan plat kereta, motor dan berpaut dengan PDRM, PBT, Bomba, Imigresen dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Untuk mengakhiri perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Amat Mulia Tuanku Johor, Pemanis ingin berkongsi sekerat pantun; sorong papan, tarik papan; buah keranji di dalam perahu; mari bersama-sama kawan Barisan; menghadapi tragedi kita berganding bahu. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih YB Pemanis. Dijemput YB Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pada pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf zahir batin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan yang ada pada hari ini.

Saya juga turut merafak sembah mengucapkan tahniah sempena Hari Keputeraan Duli Yang Amat Mulia, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor sempena Hari Keputeraan beliau pada 30 Jun ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin memulakan ucapan pada perbahasan pada kali ini dengan doa semoga kerajaan Pakatan Harapan insaf dan terus bermuhasabah diri serta menyedari bukan mudah sebenarnya untuk nak mentadbir dan memimpin negeri Johor ini. Kepimpinan yang lalu telah meletakkan asas yang kukuh sehingga negeri Johor mampu

dijadikan atau disebut sebagai *The New Economic Power House*. Mendahului Selangor dan Pulau Pinang dalam pelbagai sektor. Menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahu supaya pihak pembangkang juga harus memainkan peranannya untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi faedah kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur, jelas memberikan gambaran bahawa peranan pembangkang ini perlu diiktiraf sepertimana manifesto Pakatan Harapan, Yang Berhormat Puan Speaker. Jadi, agaknya saya nak tanya dengan kerajaan adakah kerajaan pada hari ini bersedia untuk menambah baik usaha untuk menjayakan manifesto Pakatan Harapan? Sebagai contoh Pengerusi PAC, Pengerusi Kira-Kira Raya Negeri yang mana dalam manifesto kerajaan Pakatan jelas untuk memperuntukkan Pengerusi PAC ni kepada pembangkang. Jadi, bersediakah, berupayakah, terbukakah kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini untuk melantik, mengisi jawatan Pengerusi Kira-Kira Raya itu kepada pembangkang? Mungkin kerajaan fikirkan dengan serius kalau betul-betul ingin mempunyai sebuah kerajaan yang ada semak dan imbangnya.

Puan Pengerusi, baginda juga turut menyentuh dan menegaskan bahawa baginda sebagai pemerintah utama negeri akan sentiasa memerhati dan memberi teguran bagi memastikan pentadbiran kerajaan negeri berjalan dengan baik, lancar dan teratur. Maka itu, mari kita lihat dalam tempoh setahun, saya ada satu laporan tentang pencapaian setahun kerajaan Pakatan Harapan. Kita bicara perkara ini, Yang Berhormat Puan Speaker.

Ternyata dalam tempoh setahun ini, walaupun kerajaan Pakatan Harapan mengatakan bahawa yang pertama sekali hendak untuk supaya jawatan Menteri Besar ini dihadkan kepada dua penggal tapi tak sampai dua penggal Yang Berhormat dah tukar. Yang Berhormat Puan Speaker, tak patut. Sejarah Menteri Besar tak sampai setahun ini adalah satu sejarah Yang Berhormat. Berpolitik menukar Menteri Besar sehingga isu-isu negeri yang lain gagal Yang Berhormat untuk nak diuruskan. Jadi, saya sambutlah tadi saranan daripada Yang Berhormat Pemanis yang mengatakan bahawa pegawai kerajaan janganlah berada dalam zon selesa. Yang Berhormat, untuk kita melihat sama ada pegawai kerajaan selesa atau tidak, pertama, apa perancangan kerajaan Pakatan sekarang? Apa hala tujunya Yang Berhormat? (Dewan bertepuk). Itu yang kita nak tahu, supaya bila ada perancangan, bila ada hala tuju barulah kita boleh buat ukuran, barulah kita boleh ada *Key Performance Indicator*nya. Barulah kita tahu sejauh mana usaha-usaha yang dibuat oleh pegawai kerajaan, mencapai atau tidak?

Cuba Yang Berhormat jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apa, apa rancangan kerajaan hari ini? Perancangannya apa? Adakah kita hanya bersandarkan kepada menerajui perubahan, menggalas harapan bangsa Johor Bestari? Adakah itu perancangan Yang Berhormat? Adakah itu hala tuju kerajaan negeri yang ada pada hari ini sebelum kita nak mengatakan pegawai kerajaan berada pada zon selesa. Kita di pihak sini pun nak lihat juga supaya banyak program dilaksanakan macam Yang Berhormat kata. Bagaimana kerajaan yang ada pada hari ini tak ada duit. Kita tinggalkan RM4 bilion dalam akaun. Sama ada wang yang disatukan mahupun tabung warisan. Satu jumlah kewangan yang besar. Sepatutnya Yang Berhormat menerima peruntukan untuk sambut hari raya tak payah *cancel*, tak payah tangguh. Kalau ada lebih bagilah kita ni kita kat sebelah sini, kita pun tak ada duit juga. Tak patut timbul soal tersebut. (Dewan bertepuk).

Jadi, Yang Berhormat, cuba Yang Berhormat fikir, buat perancangan yang jelas. Ada hala tuju yang jelas. Saya yakin dan percaya pegawai kerajaan kita berpengalaman, cukup. Wawasannya ada, kebolehannya ada untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, dokumen pencapaian setahun kerajaan negeri di bawah pentadbiran Pakatan Harapan ini, kerajaan negeri berbangga dengan pencapaian. Jawatan Menteri Besar dihadkan kepada dua penggal, bercerita tentang soal tender terbuka, mungkin tak ada agaknya saya nak tanya dengan EXCO Kerja Raya yang baru, dalam maksud tender terbuka ini agaknya di mana perancangan Yang Berhormat untuk menjaga

kepentingan kontraktor-kontraktor Bumiputera? Bagaimana agaknya perancangan perbincangan Yang Berhormat dengan Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu negeri Johor, Persatuan Kontraktor-Kontraktor Kelas F di Johor? Saya ingat kita ada sebuah agensi yang di tubuh oleh kerajaan negeri, JCCD, *Johor Centre Construction Development* dibangun bertujuan supaya satu kerangka pelan hala tuju masa depan kontraktor Bumiputera itu dapat dibangunkan. Baiklah kita terimalah dengan adanya hasrat untuk membangunkan tender terbuka. Tetapi di mana agaknya Yang Berhormat, rancangan untuk menjaga kepentingan kontraktor Bumiputera ini? Apakah ianya sesuatu yang tidak lagi penting kepada kerajaan Pakatan yang ada pada hari ini? Ataupun adakah kerajaan pada hari ini merasakan bahawa ialah, Perdana Menteri yang Ke-4 dulu pun pernah dalam 22 tahun Puan Speaker, 22 tahun menerajui negara pun pada penghujungnya, juga mengatakan bahawa saya gagal untuk memajukan orang Melayu, Perdana Menteri ke-4, mengakui, jadi kalaulah kerajaan Pakatan Harapan pun tak capai apa yang disasarkan, janganlah rasa bimbang. Mantan Menteri Besar, pada saya, janganlah risau, *its' ok*. Kalau tidak dapat pun menerajui perubahan, Perdana Menteri yang ke-4 pun setelah 22 tahun pun tak dapat nak mengubah. Jadi kegagalan itu sebenarnya tidaklah patut atau wajar nak kita letakkan kepada mantan Menteri Besar.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya mulakan juga perbahasan pada tengah hari ini dengan pertama sekali menyentuh tentang soal kenyataan pemimpin kita. Bahawa Undang-Undang Tubuh Negeri Johor ini terbatal. Sejak pengumuman itu dibuat, kita mencari-cari, tercari-cari di mana agaknya pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan, khususnya ketua kerajaan negeri Johor. Pendirian negeri Johor terhadap kenyataan yang begitu saya kira tidak berasas. Kalau Undang-Undang Tubuh Negeri Johor yang digubal pada tahun 1895 itu terbatal, di mana asas kita bersidang pada hari ini? Yang Berhormat Menteri Besar pun mengangkat sumpah ke atas keagungan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Kalau kerajaan pusat, pemimpin pusat mengatakan bahawa Undang-Undang Tubuh Negeri Johor ini terbatal, Yang Berhormat Puan Speaker *what are we doing here?* Jadi Yang Berhormat apa benda yang kerajaan negeri? Bersuaralah. Ini penting untuk kita di Johor, untuk rakyat Johor. (Dewan bertepuk) Bersuara. Tidak boleh hanya berdiam diri berselindung di bilik-bilik mesyuarat. Keluar, katakan apa pendirian negeri Johor, pimpinan negeri Johor terhadap dakwaan yang saya kira tidak berasas sama sekali Yang Berhormat Puan Speaker. Baiklah, hari ini kita bersidang, peluang ada, untuk kita membuat pendirian bahawa kita semua berpegang dan berdiri teguh di bawah Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Saya syorkan kerajaan negeri supaya buat pendirian yang tegas dalam Dewan ini dan jangan lupa untuk menyatakan juga bahawa kenyataan Perdana Menteri itu tidak tepat sama sekali. (Dewan Bertepuk) Kena Yang Berhormat Puan Speaker, kena cakap. Sebab ianya berpunca dari situ. Kita kena pergi ke punca dia dulu supaya kita dapat memperbahaskan perkara-perkara yang lain.

Kedua Yang Berhormat Puan Speaker, Johor mesti jadi Johor. Itu penting. Pulau Kukup di satu ketika dibawa usul oleh Dewan yang mulia ini. Kerana kita berbahas tentang status tanah bahawa daripada tanah kerajaan beralih kepada tanah Kesultanan atau *Sultanate land*. *Sultanate land* ini bukan tanah individu Yang Berhormat Puan Speaker. Kalau sekali pun kerajaan pusat tidak mahu menyediakan peruntukan untuk membangunkan Taman Negara. Daif sangatkah kerajaan negeri ini untuk membangunkan Taman Negeri? Kita tidak pernah ubah, kita telah bersetuju bahawa Taman Negara Pulau Kukup kekal sebagai tapak Taman Negara. Kalau tak nak jadikan Taman Negara, jadikan Taman Negeri. Kita ada enakmen, kita ada duit. Bangunkan. Jadi, apakah perancangan kerajaan negeri terhadap usaha untuk nak menjayakan Taman Negara Pulau Kukup. Kuala Lumpur hanya nak berkisar tentang soal nak mempolitikkan tentang kedudukan status tanah, tak perlu Yang Berhormat. Tak perlu kita nak bimbang tentang soal kedudukan tanah ini, laksanakan. Turunkan peruntukan, betulkan tambah lagi aktiviti yang ada supaya Taman Negeri itu jauh lebih hebat daripada Taman Negara yang dibangunkan oleh kerajaan persekutuan, lawan. Kita Johor Yang Berhormat Puan Speaker.

Kedua, dalam hal yang sama, RTS ni. RTS. Saya bercakap dengan orang kuat Parti PPBM sewaktu pembukaan Dewan, supaya bantulah kita Johor ni, jangan tangguh projek RTS ini, jangan lewat-lewatkan. Jangan kita sengaja melengah-melengahkan pembangunan RTS ini. Kerana yang menjadi isunya ialah tentang soal tanah, berbalik kepada soal tanah balik semula. Kita tidak menghadapi masalah dari segi nak menyerahkan tanah, kenapa harus kerajaan pusat cuba memutarbelitkan fakta, cuba membesarkan isu-isu yang kecil sehingga dapat melengahkan pembangunan RTS ini? Kawan saya daripada Stulang telah membuat satu kertas kerja yang begitu meluas, buat rujukan, buat siasatan, Tambak Johor yang sesak itu. Salah satu daripada penyelesaian kesesakan, kesesakan Tambak Johor ialah dengan pembangunan projek RTS. Tak begitu Yang Berhormat Puan Speaker? Jadi kenapa kita harus benarkan kerajaan pusat melengah-melengahkan projek ini atas dasar tanah, katanya milik orang tertentu, telah diambil oleh pihak tertentu menjadikan projek ini harganya melambung begitu tinggi.

Yang Berhormat Puan Speaker, sewaktu zaman Barisan Nasional kita dimaklumkan bahawa pembangunan RTS ini adalah usaha sama. 70% ditanggung oleh kerajaan Singapura, dan kita 30%. 30% sahaja Yang Berhormat. Singapura dah siap dah, infrastruktur untuk menerima projek RTS ini, kita tak mula pun. Nak berlengah-lengah, kita nak bertelagah kerana isu tanah. Perancangan dah dibuat, kedudukan stesen dah ditentukan, laksana sahaja Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat nak masuk sebagai pengusaha projek agaknya pun boleh, Yang Berhormat Puan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Ya ke? Tapi tanah bukan sendiri punya boleh buat?

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Boleh, kalau Yang Berhormat ada duit 3% ataupun RM3.0 bilion apa salahnya Yang Berhormat. Katanya projek itu menelan belanja RM10 bilion. RM7 bilion dibelanja oleh Singapura dan kita hanya RM3 bilion. Kerajaan Pakatan Harapan mampu, banyak duit, jangan nanti nak pilihan raya baru bagi duit Yang Berhormat, jangan simpan. Bagilah sekarang. Buat projek, bukan kita bagi kepada BRIM ke nak bagi kepada program-program lain. RTS perlu Yang Berhormat, 10,000 pekerja dapat dibawa setiap satu jam. Bayangkan, 70,000 motosikal setiap pagi, 100 kenderaan yang hari-hari terpaksa masuk ke Singapura. Nak buat pejalan kaki tu bukan penyelesaian Yang Berhormat Stulang, Singapura bantah. Dah banyak kali pun kita nak cadangkan. Kita buat laluan pejalan kaki ini kerana ianya menyentuh tentang soal keselamatan. Kita tak upaya, apatah lagi Perdana Menteri kita sekarang ini dengan Perdana Menteri Singapura saya tak tahulah bagaimana hubungan mereka? Dulu pun hubungan yang baik antara dua Perdana Menteri pun tak dapat nak selesaikan. Tak boleh nak buat. Kita nak buat *water taxi* pun tak boleh, kerana negara sebelah negara berdaulat, mereka meletakkan kepentingan sekuriti negara mereka sebagai perkara keutamaan. Apa yang boleh kita buat? Dua negara harus bersetuju, apa yang nak dibuat di Tambak Johor, tak boleh kita sahaja bersetuju atau mereka jua bersetuju, *it is bilateral understanding*, dua-dua kena bersetuju. Bukan *unilateral*. Jadi dengan itu, segera Yang Berhormat, Pulau Kukup menunggu tidak ada sebab ianya tidak boleh dibangunkan sebagai Taman Negeri dan RTS juga adalah merupakan projek yang begitu tinggi nilainya kepada rakyat harus dilaksanakan. Kalau tak bantu kami di sini pun, bantulah YB Stulang itu kerana ingin melihat supaya Tambak Johor ni selesai masalah kesesakannya.

Yang Berhormat Puan Speaker, satu lagi saya kira yang kerajaan negeri kena bersuaralah. Jangan tak bersuara. Kalau pusat nak tubuh satu jawatankuasa Yang Berhormat EXCO Agama, kalau kerajaan pusat nak buat satu jawatankuasa yang berbagai kaum, pelbagai agama ini untuk nak menilai atau nak mengkaji semula *syllabus* pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan, hati-hatilah Yang Berhormat, jangan berlakulah *nauzubillah* di Johor ini. Itu tanggungjawab yang pertama Yang Berhormat EXCO Agama. Pertahankan jangan sampai perkara itu berlaku di negeri Johor Yang Berhormat. (Dewan Bertepuk) Kita bangga Johor dengan ada sistem sekolah agamanya yang begitu lama, begitu menyeluruh, begitu menjadi contoh tauladan kepada negeri-negeri lain. Sistem pendidikan agama Johor begitu cemerlang dalam negara kita. Kalau ini berlaku di Johor, di sekolah-sekolah

kebangsaan di Johor, aduh Yang Berhormat kita terpaksa tanggal songkok Yang Berhormat. Nampak gayanya songkok Yang Berhormat dengan saya ni, songkok Yang Berhormat, lagi tinggi, tentu penuh dengan idea. Buat Yang Berhormat, jangan tak buat. Jangan kita biarkan Yang Berhormat, jangan kita biarkan perkara ini sampai ke negeri Johor. Apa nama, malah Yang Berhormat terlanjur saya merujuk kepada Yang Berhormat EXCO Agama kalau kita tak boleh pergi ke sekolah kebangsaan, kalau kita tak boleh nak pergi sekolah kebangsaan, tak apa kita pergi sekolah agama. Masukkan mata pelajaran Sejarah Kesultanan Johor ini dalam sistem pendidikan sekolah agama di Johor Yang Berhormat (Dewan Bertepuk) Kerana apa? Kerana kita lihat bahawa pada hari ini apa yang berlaku dalam media sosial pada hari ini nampaknya gayanya macam tak ada langsung hormat kepada institusi raja ni. Pelbagai perkara berbangkit, pelbagai perkara dinyatakan, jadi untuk memperkukuhkan kedudukan Sejarah Kesultanan Johor ini kita harus sokong supaya ianya menjadi sebahagian daripada *syllabus* pengajaran sekolah ataupun mata pelajaran di sekolah-sekolah agama.

Yang Berhormat tubuhkan satu jawatankuasa, *Royal Historian*, sejarawan, apabila Profesor Khoo Kay Kim, mendiang Profesor Khoo Kay Kim itu, kita rasa satu kehilangan besar, seorang tokoh usahawan, sejarawan yang tahu tentang soal sejarah. Jadi di Johor ni kita juga perlu ada seorang sejarawan yang benar-benar dapat mengetengahkan tentang soal sejarah Kesultanan Johor ini. Jadi untuk ianya berterusan kita masukkan, kita selitkan sebagai salah satu mata pelajaran dalam pendidikan agama di sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Johor. Ini penting Yang Berhormat, terpenting-pentingnya perkara ini.

Keempat, Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menekankan sekali lagi tentang soal kerajaan Pakatan Harapan begitu berpuas hati apabila RM189.38 juta ini dimansuhkan daripada hutang kerajaan persekutuan iaitu hutang air.

Yang Berhormat, kita ni dah beralih ni daripada dulunya tahun 1989 kita dulu Bahagian Air JKR bermula tahun 1989. Kemudian selepas itu kita ada Jabatan Bekalan Air. Pada tahun 1994 kita korporatkan. Yang Berhormat kita korporatkan Jabatan Bekalan Air sebelum pada tahun 1999 kita swastakan pulak. Yang Berhormat apa berlaku bila kita swastakan? Kerajaan persekutuan macam seolah-olah merajuk dengan kita, sebab kita swastakan. Bila kita swastakan, kita berbelanja untuk nak bangunan sistem bekalan air yang lebih canggih di negeri Johor ni. Kita meminjam dengan kerajaan persekutuan RM689 juta, kita meminjam dengan Bank Dunia RM186 juta, kita meminjam dengan bank pembangunan RM107 juta, kita meminjam dengan KWSP RM300 juta. Kesemuanya Yang Berhormat Puan Speaker, RM1.283 bilion. Sebenarnya Yang Berhormat Puan Speaker, RM1.283 bilion ini adalah untuk membangunkan sumber air yang mana itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan yang termaktub dalam Perlembagaan. Kita dah bincang dengan kementerian dah secara terperinci. Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, eh Yang Berhormat EXCO Utiliti. Tak ada pula dia. Kita dah bincang secara terperinci dengan kementerian, bukan hanya nak memotong RM189 juta tetapi kita layak mendapat potongan hampir lebih RM1 bilion. Bukan RM189 juta Yang Berhormat Puan Speaker. Banyak perbezaan.

YB Timbalan Speaker : Tapi yang pelik kenapa dulu tak mohon?

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Yalah, Yang Berhormat ambil tempat tu dulu kalau tak kita nak teruskan dah. Kita dah bincang, pegawai kerajaan dah bertungkus lumus siang malam menyemak daftar daripada tahun 89. Berapa lama Yang Berhormat? Dah dikumpul segala maklumat. Dah...

YB Timbalan Speaker : Tapi, tapi jangan bimbanglah kalau kita dapat angka itu, kita akan usahakan.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Sila Yang Berhormat. Ini saya bawak, sekejap lagi saya serah kepada Yang Berhormat. Tapi Yang Berhormat tolong anu, beritahu

dengan EXCO Utiliti jangan tak ada bila saya berucap. Dia tahu saya selalu nak kacau dia pasal air ni.

Kedua Yang Berhormat, selain daripada selesainya hutang RM189 juta ini, mantan Menteri Besar dulu kata nak tubuh syarikat air baru. Yang Berhormat, dahlah, janganlah kita korek lagi satu lubang ya. Menubuhkan satu syarikat air baru ini bukan penyelesaiannya Yang Berhormat. Tingkatkan pegangan ekuiti kita dalam syarikat air yang sedia ada. Kita hanya ada 20% sahaja. Tingkatkan. Syarikat Air Johor adalah merupakan salah satunya, hanya satu sahaja dalam seluruh negara yang dimiliki oleh swasta. Semua negeri-negeri lain syarikat air mereka dimiliki oleh kerajaan. Dalam perancangan pelan kita, ha ini, pelan kita, Dekad Baru Johor, jelas menyatakan hasrat kita untuk meningkatkan ekuiti pegangan kita dalam Syarikat Air Johor supaya kita ada lebih suara, kita ada lebih kuasa dan yang lebih pentingnya kita mendapat keuntungan dari segi ekuiti lebih daripada apa yang kita terima selama ini. Apa yang kita terima, memang tidak setimpal dengan apa yang sewajarnya. Usahakan, saya kira adalah ada kekuatan pada kerajaan Pakatan yang ada pada hari ini untuk mengusahakan ini. Tetapi kena gerakkanlah.

Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat kenalah pergi luar negara untuk cari pelaburan ataupun nak cari mana pinjaman dan sebagainya supaya kita dapat meningkatkan ekuiti kita. Jangan suruh EXCO Pelaburan sahaja ke luar negara. Nak cari pelabur ni, Menteri Besarlah kena ikut. Takkanlah dia sahaja. Balik kita baca, saya nak tahu juga sehingga hari ini EXCO yang banyak pergi keluar negara mencari pelaburan, berapa yang dah masuk sebenarnya? Katanya, dijanjikan itu, ada kemungkinan sebanyak itu, sebanyak ini, pelaburan apa, pelabur jenis itu, jenis ini, tapi apa yang *substantial*. Dengan izin, Yang Berhormat Puan Speaker. Kena...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Kena...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung 4 minit lagi.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Alamak, nantilah kejap Yang Berhormat. Saya tadi baru nak menyahut cabaran YB Pemanis tadi tu ha, tentang seolah-olah menegur janganlah kita politikkan tentang soal Sungai Kim Kim ini, di Pasir Gudang. Jangan bimbang Yang Berhormat. Kita tidak akan politikkan. Sebab itu kita hantar memorandum mewakili 23 NGO. Kita pun tak kecil hati, sebab kita tak ada berpolitik. Yang Berhormat saya tahu kita ada sebab itu kita pilih hari rabu nak hantar memorandum sebab hari tu adalah hari mesyuarat EXCO, Yang Amat Berhormat ada kat pejabat dia. Kita kat bawah menunggu dia, dia hantar peonnya sahaja menerima. Oleh kerana kita tak berpolitik, kita tak kisah pun. Yang pentingnya, mesej itu sampai.

Yang Berhormat, saya setujuah Yang Berhormat pun dah banyak cakap. Saya nak cakap pun, pembentang pun cakap, penyokong pun cakap, jadi saya hanya tambah. Memorandum kita Yang Berhormat, ianya berbunyi, 'Bahawa kerajaan negeri mestilah ambil pertanggungjawaban atas kegagalan menjalankan mandatnya selepas insiden bacaan bencana toksik yang berlaku kali pertama. Jadi kerajaan mesti ambil pertanggungjawaban atas kegagalan. *First, admit that you make the mistake*. Kerajaan negeri mesti membentangkan dengan segera pelan dan strategi pengurusan bencana termasuk kita dedahkan senarai *culprit*, siapa sebenarnya pihak-pihak yang terlibat. Perlu dah dikenal pasti. Tak boleh kita hanya menjawab kepada rakyat, adanya gas pelik, gas misteri, gas ganjil ke, apa ke apa. Menteri apa nama, Alam Sekitar beritahu. Yang Berhormat doktor juga, dah cakap tadi, saya amat teruja dengan pengetahuan Yang Berhormat, tetapi kenakan tindakan kepada pihak yang telah dikenal pasti. Takkan boleh tak kenal pasti, Yang Berhormat pun tahu apa gasnya, apa kesannya, apa tindakan balas kepada manusia.

Ketiga, tubuh satu jawatankuasa pasukan khas, segera untuk mengurus, mengendalikan dan memantau keseluruhan kes ini. Tubuh satu jawatankuasa khas.

Yang keempat tu kalau kerajaan benar-benar bertanggungjawab, sesiapa yang pikul tugas tu, janganlah buat kenyataan media Yang Berhormat malulah saya, saya pun orang Johor jugak, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah buat kenyataan *press media*, dah buat, dah ada dua orang pun cukuplah, keluar *viral* orang-orang sekarang ni tahu ajelah. Semua nak ada nama, EXCO-EXCO pun nak ada nama juga, nak tumpang *glamour* juga sama, alamak. Janganlah macam gitu Yang Berhormat. Hari ini pun kita pelik jugak Yang Berhormat Perlis bawa, eh Perlis pulak dah, Yang Berhormat Permas bawa usul, kawan saya minta saya kata, dia kata, wakil kerajaan mendapati bahawa kerajaan gagal menangani isu pencemaran sehingga wakil kerajaan mendesak kerajaan, agar kerajaan mengambil tindakan kepada kerajaan untuk menyelesaikan isu yang dihadapi oleh kerajaan. Hah, kerajaan, kerajaan, kerajaan. Buat ajelah Yang Berhormat, selesaikan masalah di Kim Kim ini. Kita tak ada masa untuk menyalahkan sesiapa.

Sahabat saya juga akhirnya, Yang Berhormat Pembangunan Luar Bandar, ketua-ketua kampung ini kenapa dipolitikkan pelantikannya. 90% ketua kampung baru semata-mata kerana ketua kampung lama itu penyokong kuat UMNO. Yang Berhormat, tak patut. Menurut Dr. Sherina Abdul Rahman, *Fellow* Pelawat dari ISES Yusof Ishak Institut yang berpangkalan, sebuah badan penyelidikan yang berpangkalan di Singapura, Yang Berhormat. Penyelidikan itu mendapati bahawa rombakan ketua-ketua kampung di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan telah menyukarkan masyarakat nelayan dan penduduk kampung di Johor umumnya. Hah, itu satu kajian yang dibuat. Yang Berhormat bolehlah mula buat kajian, 90% ketua-ketua kampung baru ni, apakah pencapaian mereka...

YB Timbalan Speaker : YB Benut...

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Apakah kedudukan mereka pada hari ini?

YB Timbalan Speaker : Satu minit lagi.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Puan Speaker. Puan Speaker, ye, betul tak ye? Apa agaknya, macam mana prestasi ketua-ketua kampung kita pada hari ini Yang Berhormat? Boleh Yang Berhormat, ketua kampung yang bagus, tak apalah jugak.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, tadi saya dah minta sangat Yang Amat Berhormat Menteri Besar timbang semulalah hasrat untuk semakan cukai. Tahun depan ekonomi tidak akan bertambah baik, ekonomi dunia akan tambah lembap lagi tahun hadapan. Jadi dengan itu, kalau kita nak semak semula cukai, apatah lagi nak naikan cukai-cukai industri, ianya bukan satu langkah yang bijak. Saya menyeru supaya kerajaan bolehlah fikirkan baik-baik, cari langkah-langkah lain untuk menambah hasil kerajaan negeri kerana sesungguhnya bila Kebawah Duli Tuanku kata jangan belanja lebih hasil daripada yang diterima, Yang Berhormat Pemanis, mungkin Yang Berhormat, Ke Bawah Duli Tuanku juga tak terfikir kita ke Yang Berhormat. Kenapa Ke Bawah Duli Tuanku tidak yakin bahawa kita ada perancangan bahawa kita mampu untuk membangunkan ekonomi negeri, mungkin Ke Bawah Duli Tuanku tak yakin. Sebab itu dia kata jangan belanja lebih. Bukan kerana itu satu Titah yang kita rasa kita harus pegang. Saya yakin Ke Bawah Duli Tuanku kalau kita buktikan bahawa kita ada perancangan, kita ada program ekonomi yang mantap, belanja lebih pun daripada hasil, saya kira akhirnya akan dapat memberi pulangan yang besar, yang banyak kepada kerajaan negeri. Jadi, harus kita lihat dari sudut itu Yang Berhormat Puan Speaker.

Akhirnya, minta maaf ye Puan Speaker ye, oklah saya buang semua ni semua, buang, buang, buang...

YB Timbalan Speaker : Banyak akhirnya...

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Kami di barisan pembangkang ini sentiasa memberi pandangan dan teguran selagi mana pihak kerajaan mendengar dan menghormati pandangan tersebut. Kita tidak mahu mencurahkan air ke daun keladi Yang Berhormat. Keladi banyak Yang Berhormat kat kawasan. Jangan, kita tak nak curahkan air ke daun keladi. Hakikatnya kerajaan perlu merawat dan mengubati permasalahan yang datang. Saya guna perkataan rawat, ubat ni sebab Menteri Besar kita doktor Yang Berhormat Puan Speaker. Perlu dirawat kesakitan menghadapi kos sara hidup, perlu dirawat kesakitan rakyat yang sesak di Tambak Johor, kesakitan hati bila tol, PTPTN tak dihapuskan, perlu dirawat, kesakitan rakyat tiadanya perancangan jelas oleh kerajaan negeri dan lagi lain-lainlah Yang Berhormat. Kerajaan ni tugasnya merawat. Kemudian ada satu doktor, kawan saya, akhirnya dia kata kat saya, Yang Berhormat apa nama, dia kata, Yang Berhormat, kadang kala, kadang kala yang merawat juga perlu dirawat. Ha Yang Berhormat, dan sering kali, selalu maknanya Yang Berhormat, selalunya yang merawat ini adalah yang paling sukar untuk dirawat. Paling sukar, susah, yang merawat ni doktor, kita nak cakap ni dia sakit, dia tak, susah Yang Berhormat, ha sebab dia tahu segala-galanya.

YB Timbalan Speaker: Tak apalah, jumpa pakar.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : (Ketawa). Terima kasih Yang Berhormat ya. Saya harap kita semua akan menghadapi tahun 2019 ini dengan satu keyakinan yang lebih, kita sebagai peranan, sebagai pembangkang kita akan terus berperanan dan terus berdoa mudah-mudahan kita akan terus juga dapat sama menyumbang kepada kemajuan negeri Johor ini, insya-Allah. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Benut. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

Persidangan disambung pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan yang lain akan diberi masa 15 minit ke 20 minit. Dijemput Yang Berhormat Kahang.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam sejahtera, salam perpaduan, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan, membenarkan saya mengambil peluang usul menjunjung kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Kali Ke-14.

Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bukit Kepong di atas lantikan sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang ke-17 baru-baru ini. Harapan kita adalah di atas lantikan tersebut, Yang Amat Berhormat serta barisan EXCO negeri Johor yang baru ini dapat mengutamakan kepentingan negeri, kemakmuran ekonomi serta kesejahteraan rakyat Johor sebagai agenda utama mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, baru-baru ini saya terbaca sebuah laporan iaitu pencapaian setahun kerajaan negeri Johor di bawah pentadbiran Pakatan Harapan. Di mana kerajaan telah menyenaraikan semua janji yang telah dilaksanakan dalam tempoh masa setahun. Terima kasih di atas laporan tersebut namun saya tertanya-tanya apakah kayu ukur

pencapaian setiap janji yang dinyatakan? Adakah ia hanya tertumpu kepada jumlah penerimaan manfaat yang ramai maka ia dikira sebagai satu pencapaian dan adakah ia juga bersifat *one off*, dengan izin. Dan, laporan tersebut turut dinyatakan bahawa kerajaan negeri akan meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam serta menambah baik tadbir urus di semua peringkat. Namun tidak dinyatakan, bagaimana dan apakah sistem yang ingin diguna pakai oleh kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem penyampaian di bawah kepimpinan yang baru ini. Apakah kayu ukur pencapaian setiap EXCO di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Ataupun pencapaian yang dibanggakan hanya di tahap kadar, sekadar menunaikan 10 janji dalam tempoh seratus hari.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, kerajaan Barisan Nasional yang lalu pernah menubuhkan sebuah unit yang dipanggil *Impress* yang dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi setiap EXCO serta *portfolionya*. Tambahan lagi barisan EXCO yang lalu akan dinilai pencapaiannya melalui pembentangan laporan portfolio masing-masing melalui EXCO *Away day* atau permukiman EXCO yang turut melibatkan jabatan-jabatan, agensi-agensi negeri serta GLC-GLC kerajaan negeri Johor.

Justeru ia secara tidak langsung akan memastikan setiap EXCO dan penjawat awam membudayakan sistem pentadbiran dan penyampaian yang telus dalam menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Maka saranan saya, adakah sistem kad laporan bagi setiap jabatan, adakan sistem kad laporan bagi setiap jabatan serta agensi yang dibentangkan oleh EXCO agar rakyat juga sedia maklum tentang pencapaian barisan EXCO dan penjawat awam di setiap jabatan dan agensi kerajaan iaitu KPI Sistem.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pemanis sebentar tadi ada menyatakan bahawa Pakatan Harapan memang berbeza daripada Barisan Nasional. Memang saya setuju, memang cukup berbeza kerana pada hari ini Pakatan Harapan akan membawa rundingan terhadap kerajaan mereka sendiri berkaitan dengan masalah yang berlaku di Pasir Gudang. Dan saya percaya pasal ini cukup kritikal kerana pada pagi tadi pun insiden sekali lagi telah berlaku di mana lebih kurang 130 orang pelajar dan guru sekali lagi terlibat dalam terjejas akibat pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang pada hari ini. Jadi, rundingan ini jelas menunjukkan dua perkara pada pendapat saya. Pertama sekali ialah sama ada kecekapan kerajaan negeri dalam menguruskan krisis ini dipersoalkan oleh Wakil Rakyat mereka sendiri kerana kita sedar bahawa ini adalah isu yang kritikal, isu yang perlu diberi perhatian dengan segera tetapi masih lagi diperlengah-lengahkan ataupun tidak ada tindakan konkrit sehingga Wakil Rakyat mereka sendiri rasa tidak ada tindakan yang agresif diambil untuk menyelesaikan isu ini. Di mana mereka menyoal kecekapan Menteri Besar baru mereka, jangan ditukar lagi sekali. Dan atau adakah Pakatan Harapan ini ada dua *team* sehingga terpaksa untuk memburukkan antara satu sama lain. Dan terpaksa membawa rundingan. Jadi jawapannya mungkin ada pada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga pada penggal lepas, pada sidang yang lepas pernah membawa isu-isu FELDA di negeri Johor. Iaitu setelah hampir setahun kerajaan Pakatan Harapan memerintah peneroka FELDA masih lagi dibelenggu isu yang sama, walaupun ada kertas putih FELDA yang telah pun dibentangkan. Apakah nasib warga FELDA sebenarnya? Dan, sudahlah menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga ada masalahnya sendiri sekarang dan baru-baru ini Pengerusi FELDA juga mengumumkan beliau akan meletakkan jawatan, tidak salah saya berkuat kuasa semalam, dia telah letak jawatan. Jadi apakah nasib peneroka-peneroka di kawasan FELDA ini. Di dalam kertas putih FELDA yang telah pun dibentangkan oleh kerajaan Pakatan Harapan antara cadangan yang dibentangkan bagi memperkasakan generasi baru adalah melalui peningkatan kualiti pendidikan dan jati diri generasi FELDA iaitu menerusi skim-skim, program-program kemahiran TVET dan sebagainya.

Jadi sehubungan dengan itu, ingin saya bertanya apakah perancangan dan inisiatif kerajaan negeri dalam membantu meningkatkan kesejahteraan anak-anak FELDA. Kerana kita sedar bahawa anak-anak FELDA yang berada di kawasan FELDA juga harus diberi perhatian

sewajarnya dan ini juga merupakan komitmen yang telah pun diberi oleh Pakatan Harapan menerusi kertas putih yang telah pun dibentangkan. Jadi kita nak tahu apakah inisiatif apakah yang telah pun dilaksanakan sehingga ke hari ini dan di peringkat kerajaan negeri, jangan hanya semata-mata bergantung kepada kerajaan pusat. Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk memastikan bahawa program-program kemahiran dapat dibawa kepada anak-anak di kawasan FELDA dan seperti mana untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Bajet 2018 ketika kerajaan Barisan Nasional, kita ada tabung khas, tabung kemahiran khas untuk anak-anak FELDA untuk melanjutkan pelajaran sebanyak RM1.5 juta telah pun diketepikan untuk mereka. Jadi sama ada inisiatif-inisiatif seperti itu, sekali lagi akan dibuat oleh kerajaan negeri atau hanya sekadar menunggu kepada kerajaan pusat untuk membawa inisiatif-inisiatif untuk memastikan anak-anak di kawasan FELDA mendapat kemahiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menerusi klasifikasi piawaian pengelasan pekerjaan pada tahun 2018, hanya 60,000 orang pekerja mahir dalam bidang pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan di negeri Johor. Hanya 60,000 orang sahaja. Jadi saya percaya, kerajaan negeri mampu membiayai latihan kemahiran untuk anak-anak FELDA dan pelaburan seperti ini akan memberi kerajaan *the return of investment* kerana ini adalah sesuatu yang berbaloi. Kita kena pastikan bahawa kita melatih generasi di Johor supaya mereka dapat menjalankan perniagaan atau mendapat pekerjaan dengan gaji yang setimpalnya nanti. Jadi antara cadangan yang boleh saya kemukakan adalah jadikan FELDA di negeri Johor sebagai pusat agro-pelancongan di mana ia secara tidak langsung boleh membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak FELDA.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita kena pastikan bahawa kemahiran untuk menguruskan ladang juga perlu diasah sebagai potensi mereka untuk berdaya saing. Ini semua adalah cukup penting Yang Berhormat Tuan Speaker. Seterusnya saya meneliti laporan pencapaian setahun kerajaan Pakatan Harapan berkenaan dengan isu Rumah Generasi Kedua FELDA. Di sidang yang lepas saya juga telah membawa isu ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, di kawasan saya ada, sebenarnya ada enam Rancangan FELDA tetapi selepas, sebelum *election* yang lepas, bila ada persempadanan semula satu FELDA telah pun masuk ke kawasan PALOH. Jadi, ada lima tetapi kita menganggapnya sebagai enam juga. Sebanyak 550 unit rumah. Ok. Sepatutnya harus dibina. Tetapi setakat hari ini, ianya masih tergendala. Saya juga terbaca dalam laporan pencapaian, muka surat 16 yang menunjukkan bahawa meningkatkan kesejahteraan penduduk FELDA seramai 1,253 orang Generasi Kedua FELDA Lok Heng telah pun ditawarkan lot rumah jadi syabas dan tahniah tapi bagaimana pula FELDA di kawasan DUN Kahang. Jadi harap EXCO yang berkenaan ambillah perhatian tentang isu ini kerana sudah pun tergendala ataupun tertangguh lebih setahun. Jadi selain isu perumahan, isu infrastruktur seperti pemasangan lampu jalan di persimpangan jalan masuk FELDA Ulu Pengeli, FELDA Bukit Tongkat dan juga FELDA Ulu Belitong masih belum diselesaikan. Saya sudah dua kali bawa dalam sidang tetapi masih tidak lagi diselesaikan. Saya rasa kosnya pun bukan, bukannya terlalu tinggi tetapi saya tidak faham kenapa pihak-pihak yang berkenaan masih lagi tidak mengambil tindakan kerana ianya melibatkan keselamatan penduduk. Kita tidak mahu satu keadaan di mana terdapat kemalangan kehilangan nyawa dan sebagainya barulah tindakan diambil untuk memasang lampu di *junction* yang cukup berbahaya di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan isu berkaitan dengan masyarakat India. Saya agak terkeliru kerana memang kerajaan Pakatan Harapan telah memberi banyak harapan kepada masyarakat India bahawa mereka akan diberi pembelaan yang sewajarnya tetapi saya tengok di negeri Johor, saya terkeliru kerana seolah-olah tidak ada fokus untuk isu-isu yang berkaitan kepada masyarakat India. Siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal masyarakat India di negeri Johor. Memang tidak ada agensi, pada masa yang sama isu-isu lama masih lagi tertangguh antaranya ialah tanah khairat masyarakat India, saya rasa Yang Berhormat Tuan Speaker pun cukup sinonim dengan isu ini kerana pernah menyampaikan memorandum kepada saya ketika berada dalam pembangkang supaya isu ini diselesaikan segera tetapi pada hari ini,

setakat hari ini masih lagi tidak selesai. Tanah yang telah pun kita kenal pasti dulu dengan peruntukan yang dah ada dengan pemilihan kontraktor semuanya dah ada lepas itu sampainya pilihan raya tidak dapat diselesaikan, sepatutnya kerajaan Pakatan Harapan kena diselesaikan tetapi kerajaan Pakatan Harapan mengambil masa lebih kurang 9 bulan akhirnya membuat keputusan untuk menolak tanah yang telah dikenal pasti. Agensi-agensi kerajaan yang sebelum ini bersetuju tanah itu sesuai, boleh dibuat di tempat tersebut, pada hari ini keluar kenyataan seolah-olah tidak dipersetujui oleh MMK.

Jadi, ini alasan yang diberi oleh agensi kerajaan ataupun dalang-dalang Wakil-Wakil Rakyat yang tidak bersetuju supaya kawasan itu yang dijadikan tanah khairat masyarakat India. Jadi, turunklah mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pasukan yang cukup kuat, dua tiga EXCO, pegawai-pegawai turun, nak tengok kawasan tersebut. Lepas itu menjanjikan perkara ini akan diselesaikan tetapi sehingga ke hari ini tidak selesai. Menteri Besar pun sudah bertukar, tak selesai lagi. Belum dibawa kepada MMK lagi. Jadi bila nak diselesaikan. Dan yang saya hairan tidak ada orang yang sebenarnya *push* benda ini di peringkat kerajaan. Orang kena membawa, membawa fokus sebagai KPI untuk diselesaikan. Tetapi sehingga hari ini tidak selesai.

Begitu juga dengan isu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Seri Alam. Sekolah yang telah pun dibina sepatutnya dibuka pada bulan Januari, persekolahan yang lepas tetapi sehingga ke hari ini masih lagi tidak dapat diselesaikan. Tidak dapat dibuka untuk pelajar-pelajar memulakan pengajaran di situ. Jadi apakah isunya?. Siapa yang sepatutnya membawa isu-isu ini di dalam Mesyuarat Tindakan ke, dalam Majlis ke ataupun dalam EXCO ke? Kena diselesaikan. Kalau tidak ada orang yang nak bawa isu ini, maka pembangkanglah kena bawa isu-isu ini. Jadi daripada mereka duduk dekat situ baik kita dalam kerajaan.

Begitu juga dengan Sekolah Ladang Sembrong SJKT Ladang Sembrong. Sekolah ini mempunyai sekolah kurang murid. Dan, kebanyakan pelajar yang belajar di situ iaitu dalam estet ialah pelajar-pelajar yang berada di taman-taman perumahan hanya kerana nak menyelamatkan sekolah tersebut. Jadi PIBG, LPS dan juga pihak-pihak berkenaan membuat keputusan, lesen sekolah dipindah ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Jadi kita tengok kawasan Senai memerlukan sekolah Tamil, jadi kita mencadangkan sebuah lot di *airport city* berhampiran dengan *airport city* yang merupakan rizab sekolah-sekolah supaya sekolah itu dipindahkan dekat situ tetapi ini pun telah pun ditolak oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, sehingga hari ini sekolah itu tidak dapat dipindahkan. Tanah itu tidak pun dipersetujui, kalau tapak itu tidak sesuai carilah tapak baru kerana kepadatan penduduk kawasan Senai cukup tinggi memang memerlukan Sekolah Tamil kerana pada hari ini kebanyakan pelajar di sekitar kawasan Senai terpaksa ke Sekolah Tun Aminah ataupun ke Mutiara Rini untuk mendapat pendidikan. Jadi sekiranya sebuah sekolah dibina di kawasan Senai berhampiran dengan *airport city* yang kita cadangkan tapak tersebut, akan memudahkan masyarakat. Jadi saya berharap pihak berkenaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin membangkitkan beberapa tapak kuil yang tapaknya telah pun dikenal pasti tetapi sehingga ke hari ini masih lagi tidak dibawa ke Hasil Bumi untuk kelulusan MMK. Jadi saya minta PTD-PTD khususnya di daerah Johor Bahru tengok balik fail-fail tersebut, tengok balik fail-fail yang masih lagi tertangguh bawa kepada PTG untuk dibawa ke MMK untuk kelulusan kerana ini semua tapak yang telah dipersetujui sebelum ini. Jadi mengapa kelewatan? Inilah sebabnya bila tidak ada orang mahu *push* benda-benda ini maka fail itu akan tertangguh. Jadi saya harap pihak-pihak yang berkenaan tengok balik siapa yang bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal masyarakat India di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, begitu juga dengan isu-isu berkaitan dengan, saya difahamkan dalam Bajet 2019, RM1.5 juta telah pun diketepikan untuk penambahbaikan dan juga baik pulih sekolah-sekolah Tamil di negeri Johor. Jadi saya juga nak tahu senarai apakah sekolah-sekolah yang sebenarnya mendapat manfaat di bawah program ini yang

telah pun diumumkan dalam Bajet Tahun 2019 oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk masyarakat India.

Yang Berhormat Puan Speaker, inilah berkaitan dengan cadangan seorang Menteri yang bijak pandai yang kononnya ingin membawa pekerja masuk daripada negara Afrika bekerja di Malaysia. Memang bijak pandai. Jadi mula-mula dia kasi *statement* seolah-olah sudah ada keputusan. Bila kena tekan kat media sosial orang dah mula mengamuk, dikata ini hanyalah cadangan. Inilah *u-turn* ini memang, memang *corner* lipatlah dia boleh buat, *corner* lipat. Apakah keperluan nak bawa pekerja asing daripada Afrika bekerja di Malaysia, sedangkan anak-anak tempatan masih lagi ramai yang menganggur. Peluang pekerjaan keadaan ekonomi yang tidak menentu, tidak begitu memberi impak yang positif, menyebabkan peluang pekerjaan yang semakin berkurangan. Jadi, keadaan-keadaan seperti ini kita kena membantu anak-anak tempatan. Memang betul mungkin ramai anak tempatan tak berminat dalam bekerja dalam sektor perladangan. Tetapi kita kena guna buat program memberi galakan, memberi insentif dan juga cara-cara pemodenan dalam perladangan itu harus diajar untuk mereka supaya mereka *develop* mendapat pendidikan dan juga pengalaman bekerja dalam sektor perladangan dan akhirnya akan tiba satu keadaan mereka dapat mengurus tapak-tapak kebun-kebun dan juga kawasan-kawasan perladangan dan sebagainya. Tindakan konkrit perlu diambil. Kita dahlah ada banyak masalah dengan pendatang-pendatang asing. Di negeri Johor saya tidak pasti sama ada *task force* ada ataupun tidak untuk pekerja asing. Untuk kita ada untuk memantau pergerakan pekerja-pekerja asing di negeri Johor ini. Kita nak mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing bukan menggalakkan pekerja asing lagi. Jadi tindakan nak membawa daripada Afrika dan negara-negara lain, saya pun tidak tahulah dari mana dia dapat idea nak bawa benda-benda seperti itu. Saya harap di negeri Johor janganlah kita mengambil tindakan-tindakan seperti itu kerana di Johor memang kita memberi fokus kerja di Johor adalah untuk anak-anak Johor. Kita kena pastikan bahawa apa-apa peluang limpahan ekonomi yang berlaku di negeri Johor adalah untuk anak-anak Johor.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Vidyantathan a/l Ramanadhan (Kahang) : Jadi kita kena buat, kita kena tegas dalam isu-isu seperti ini. Jangan terikut-ikut dengan Menteri bijak pandai dengan isu-isu yang dibawa oleh pusat sehingga kita akur dengan keputusan mereka, akhirnya kita nampak ramailah warga-warga Afrika di kalangan kita ini. Kita tak nak keadaan seperti itu berlaku. Jadi, kita kena pastikan kerana Pakatan Harapan sudah pasti dalam Buku Harapan halaman 98, memberi janji mengurangkan bilangan pekerja asing secara berperingkat dan mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Jadi, mana pergi? Kalau betullah itu komitmen, nak mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan menambah peluang pekerjaan apa pulak Menteri ini tengah buat. Bukankah ia bercanggah dengan apa yang dibuat janji Pakatan Harapan. Jadi, ini semualah perkara-perkara yang kita kena pastikan. Jadi, saya berharap kita memberi fokus kepada latihan kemahiran. Kita memberi fokus untuk peluang-peluang pekerjaan dan pada masa yang sama pelaburan di negeri Johor mesti dipertingkatkan. Barulah kita akan terus menjadi *The New Economic Power House of Malaysia*. Kalau tidak, kita janji lain, dalam buku cakap lain, realitinya lain, kita akan jadi orang kata apa, kaki kencing. Orang akan kata kerajaan ini kaki kencing. Janganlah kita jadi kaki kencing, nanti akhirnya apa akan berlaku? Sana kencing, sini bersih. Sana kencing, sini bersih. Itu yang akan terjadi akhirnya. Jadi, saya harap keadaan ini jangan berlaku. Saya pastikan bahawa kerajaan terus komited dengan janji yang telah pun diberikan...

YB Timbalan Speaker : 1 minit lagi.

YB Tuan Vidyantathan a/l Ramanadhan (Kahang) : Kita mestikan mengurangkan kadar pengangguran di negeri Johor ini. Jadi itu sahaja, sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Puan Speaker di atas peluang yang telah pun diberikan kepada saya. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih kepada YB Kahang. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Salam sejahtera, Salam Harapan Johor dan juga Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Muslim yang meraikan Hari Raya Aidilfitri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker atas peluang yang telah diberikan untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor Atas Titah Ucapan Tuanku Sempena Perasmian Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Speaker, lebih setahun Pakatan Harapan telah mengambil alih tampuk kuasa kerajaan negeri Johor. Alhamdulillah, bersyukur kepada Tuhan, dalam setahun yang lepas pelbagai usaha dan dasar pro rakyat telah dilaksanakan untuk meyakinkan rakyat bahawa Pakatan Harapan mampu mengurus tadbir kerajaan dengan profesional dan membawa kebahagiaan kepada seluruh rakyat. Bagaimanapun, usaha-usaha itu telah diperlekehkan oleh pihak sebelah sana. Mungkin saya nak pinjam sepatah dua kata daripada Yang Berhormat Benut tadi. Yang Berhormat Benut tadi kata, 'yang merawat itu juga perlu dirawat'. Yang merawat itu, kadangkala ataupun kebanyakan masanya sukar untuk dirawat. Maka apabila sukar sangat untuk dirawat, rakyat telah mengundi menjatuhkan hukuman kepada mereka yang sukar untuk dirawat. Itu sebab mereka duduk di pihak di belah sana. Dan banyak masalah telah ditimbulkan oleh 2 Yang Berhormat,

Yang Berhormat Benut dan Yang Berhormat Kahang yang mengambil bahagian dalam perbahasan tadi sehingga Yang Berhormat Kahang telah memberi satu istilah yang saya rasa mungkin kurang sopan, kurang sesuai digunakan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu dia kata, 'kaki kencing'. Tapi dia, dia lupa, sama ada sedar atau tidak sedar, bahawa dia telah lupa bahawa banyak masalah yang disebutkan tadi sebenarnya kencing yang ditinggalkan dia dulu, yang mana sekarang apabila bertukar tempat kami terpaksa membersihkan kencing mereka. Sebagai contoh, masalah-masalah FELDA, masalah-masalah isu tanah dan isu sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kahang, itu adakah itu masalah baru, adakah itu isu baru? Sudah tentunya tidak. Itu isu lama yang mana mereka duduk di belah sini selama 60 tahun, tidak boleh diselesaikan. Tetapi mereka mengharap Pakatan Harapan selesaikannya, bersihkan kencingnya dalam masa setahun. Adakah ini adil? Jadi, pihak kerajaan, pihak Pakatan Harapan, kami sentiasa terbuka ke atas apa-apa kritik ataupun apa-apa cadangan, tapi biarlah cadangan yang membina. Seperti apa yang telah pihak kami buat, apabila kami duduk sebagai pembangkang, kami telah mengemukakan banyak cadangan-cadangan yang membina dan ada di antaranya telah diambil untuk menambah baik urus tadbir pada zaman pemerintahan mereka. Tapi sekarang, apabila kami duduk di belah sini, insya-Allah kami akan melaksanakannya supaya mencapai kebahagiaan untuk seluruh rakyat Johor. Jangan susah-susah, kalau mereka masih belum faham atau belum menyesuaikan diri untuk menjadi pembangkang saya boleh bagi tuisyen *free* satu jam. Kalau lebih daripada satu jam, kena kiralah.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Yang Berhormat Speaker, boleh saya mencelah. Saya nak tanya.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Minta maaf sila duduk. Kalau tak faham peraturan tetap, baca dulu. Sila duduk, sila duduk.

YB Timbalan Speaker : Sila duduk.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Saya juga berpandu kepada peraturan.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Duduk.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Saya juga berpandu kepada peraturan.

YB Timbalan Speaker : Tiada fitnah, sila duduk.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Ini peraturan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang duduk belah sana masa dulu. Jangan buat *complaint*, kata peraturan ini tak betul ke apa. saya setuju memang tak betul tapi dalam proses untuk memperbetulkannya. Itu yang dikatakan tadi, kencing tadi, dibersihkan oleh kami yang duduk di sini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi sibuk sangat tentang *report card* EXCO dan sebagainya. Jangan bimbang, kami sentiasa memastikan EXCO kami akan berprestasi akan *perform*, akan *deliver*. Kalau tak *deliver*, apa akan jadi, macam saya, akan ditukar. Jelas. Jadi jangan bimbang. Jadi, di pihak sana tadi bimbang sangat kata ada ADUN, ADUN kerajaan yang membangkitkan Rundingan dan sebagainya, sebenarnya ini menunjukkan keterbukaan kerajaan Pakatan Harapan. Kita duduk di dalam Dewan yang mulia ini, kita membawa isu rakyat. Kini, kita bagi peluang untuk pihak sana untuk sama-sama kita bincangkan krisis yang kita hadapi sekarang. Tidak seperti yang terdahulu apabila kami cuba bawa Rundingan untuk membincangkan isu rakyat tetapi pihak sana akan cuba menekan, akan cuba menyekat. Tapi perkara ini tidak berlaku pada zaman sekarang. Sebab kerajaan sekarang merupakan kerajaan yang terbuka. Ianya bukan kata *team*, berapa *team*. Sibuk-sibuk buat apa? Saya diberitahu pihak sana sekarang hanya satu *team* sahaja, iaitu *team* batu api. Team yang mengacau saja. Team yang mencari isu, mencari masalah. Biarlah...

YB Timbalan Speaker : Skudai, sila jaga perkataan.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih. Yang Berhormat Puan Speaker, kita akui, kita akui bahawa tiada insan yang sempurna dalam dunia ini. Hanya Tuhan yang sempurna. Justeru itu, tiada kerajaan yang akan jadi sempurna. Tetapi kita perlu berusaha ke arah sempurna. Kita perlu berusaha ke arah *perfection*, maka itu memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Jadi, memang Skudai dengan rendah diri meminta supaya pihak sana lupakan kegemilangan mereka pada zaman dulu, ingat sekarang hakikatnya kita telah bertukar tempat, maka memainkan peranan sebagai pembangkang yang profesional. Pembangkang yang bertanggungjawab. Jangan saja memperlekehkan, saja memperlekehkan usaha kerajaan dan hanya untuk cari isu. Kita akui bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan untuk setahun yang lepas ini mungkin belum cukup untuk memantapkan lagi sokongan rakyat kepada kerajaan baru dan memastikan kemenangan kerajaan dalam Pilihan raya akan datang. Mungkin akan berlangsung dalam masa 4 tahun lagi. Kita perlu sedar bahawa perubahan atau peralihan kuasa yang berlaku pada 9 Mei yang lalu itu berlaku sebab permintaan seluruh rakyat untuk menuntut perubahan di negara kita yang mana mereka telah jemu dengan perangai dan ketirisan yang berlaku oleh pihak sana. Justeru itu, kita perlu meyakinkan rakyat bahawa Pakatan Harapan sentiasa komited untuk membawa perubahan dan pembaharuan buat tanah air tercinta bagi menjamin kebahagiaan seluruh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, kita perlu memastikan kelemahan dan ketirisan dalam sistem pentadbiran yang disebabkan oleh kerajaan terdahulu dapat diperbetulkan secepat yang mungkin. Di samping kita meneruskan pelaksanaan pelbagai dasar mesra rakyat.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan perlu menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mereformasi institusi pentadbiran khasnya dalam usaha untuk memperkasakan peranan Dewan Negeri yang memainkan peranan yang penting untuk menyemak imbang kuasa Eksekutif. Kerajaan perlu mengambil langkah untuk mengembalikan wibawa institusi Dewan Negeri sebagai cabang perundangan yang setaraf dengan cabang Eksekutif. Untuk tujuan ini, Dewan Negeri seharusnya bebas daripada pengaruh atau sekatan eksekutif. Keadaan di mana Dewan Negeri berkongsi seorang Jurutulis yang sama dengan Majlis Mesyuarat

Kerajaan (MMK) dan peruntukan kewangan dikawal oleh MMK tidak sepatutnya diteruskan kerana keadaan sebegini memberi gambaran seolah-olah Dewan Negeri terletak di bawah MMK, Majlis Mesyuarat Kerajaan. Lebih sedih lagi, ada yang menyifatkan bahawa Dewan Negeri ini hanya dinampak sebagai salah satu jabatan di bawah kerajaan. Maka, keadaan ini perlu diperbetulkan, pengurusan dan pengendalian Dewan Negeri sewajarnya dijalankan kalau bukan oleh Speaker sendiri, perlu dijalankan di bawah sebuah Jawatankuasa Pengurusan Dewan Negeri yang dipengerusikan oleh Speaker Negeri Johor.

Bagi membolehkan Jurutulis lebih fokus kepada urusan Dewan, maka Jurutulis Dewan dan Jurutulis MMK sewajarnya 2 orang yang berbeza. Kesianlah bila saya tengok, saya lihat Hajah Shu, ambil satu gaji tapi kerja dua tempat. Pentadbiran kewangan untuk Dewan Negeri juga sewajarnya dikhaskan dalam Dewan Negeri. Maka, Skudai mencadangkan supaya suatu dana diwujudkan khas untuk penggunaan Dewan Negeri. Penggunaan dana ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dewan Negeri yang dimaksudkan tadi dan perkara ini dapat meningkatkan wibawa Dewan Negeri sebagai cabang kerajaan yang sepatutnya bebas daripada kawalan Eksekutif. Pada masa sekarang, sebarang perbelanjaan oleh Dewan Negeri akan ditentukan oleh pihak Eksekutif dan perlu mendapatkan kelulusan daripada MMK terlebih dahulu. Perkara ini secara tidak langsung telah meletakkan kedudukan Dewan Negeri di bawah MMK dan keadaan ini tidak menggambarkan kedudukan Dewan Negeri adalah sebagai cabang perundangan kerajaan yang sepatutnya memperoleh kedudukan yang setaraf dengan cabang Eksekutif. Untuk memastikan Dewan Negeri dapat berfungsi dengan lancar dan bebas daripada pengaruh Eksekutif maka adalah dicadangkan sebahagian daripada Bajet Tahunan Negeri ditetapkan untuk tujuan dana ini. Sebagai contoh, sebagai contoh sajalah kalau boleh lebihkanlah peruntukan ini, iaitu sebanyak 10% daripada Bajet Negeri diperuntukkan khas untuk kegunaan Dewan Negeri dan penggunaannya akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dewan Negeri tadi.

Yang Berhormat Speaker, sementara kita mengkaji cara yang sesuai untuk melaksanakan pembaharuan yang saya cadangkan di atas, kita perlu memberi penekanan ke atas pembaharuan kecil untuk memastikan Dewan Negeri Johor yang mempunyai sejarah yang paling lama di Malaysia tidak ketinggalan, malah kita perlu terus mara ke hadapan dan menjadi contoh kepada Dewan-Dewan Perundangan yang lain di negara kita. Kita perlu merapatkan jurang di antara orang ramai dengan Dewan Negeri pada keseluruhannya. Selama ini, orang awam akan menganggap bahawa urusan Dewan jauh daripada mereka, walaupun kebanyakan perkara yang dibahaskan dalam Dewan Negeri merupakan dasar-dasar dan undang-undang yang berkait rapat dan memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan seharian mereka.

Antara sebab yang menyebabkan tanggapan seperti ini termasuklah orang ramai berasa susah untuk mempunyai akses kepada urusan Dewan Negeri kalau berbanding perjalanan Dewan Rakyat. Keadaan di dalam Dewan Negeri Johor nampaknya jauh lebih teruk dari segi akses oleh orang ramai. Kita sentiasa bangga dengan pencapaian negeri Johor yang sentiasa ke hadapan dan menjadi perintis di kalangan negeri-negeri lain di Malaysia, antaranya, termasuklah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang dimasyhurkan pada tahun 1895 merupakan Perlembagaan yang pertama di Malaysia, menandakan negeri Johor merupakan negeri pertama yang mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan moden di Malaysia. Kita perlu memastikan bahawa Johor sentiasa menjadi perintis dan menjadi contoh tauladan kepada negeri lain.

Untuk itu, pendigitalan Dewan Negeri Johor perlu dilaksanakan dengan seberapa segera yang mungkin di mana sebenarnya ramai, banyak Dewan-Dewan Undangan Negeri yang lain telah melaksanakannya jauh lebih awal. Agak tidak munasabah bahawa negeri Johor yang bersejarah ini tidak dapat, tidak memiliki laman web rasmi sendiri. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Speaker diminta untuk memandang serius perkara ini dan mewujudkan laman web rasmi Dewan Negeri Johor secepat yang mungkin. Pada masa yang sama, kerajaan dicadangkan supaya mendigitalkan dan memuat naikan dokumen-

dokumen seperti Penyata Rasmi Persidangan Dewan Negeri, Rang Undang-Undang, Warta Kerajaan dan penyata jawatankuasa-jawatankuasa dan juga dokumen-dokumen berkaitan yang lain ke laman web untuk rujukan orang ramai.

Pendigitalan dokumen ini bukan sahaja memudahkan orang ramai membuat rujukan dan penyelidikan tentang dasar kerajaan, pada masa yang sama juga dapat meningkatkan semangat kekitaan di kalangan orang awam bersama dengan kerajaan. Secara tidak langsung, perkara ini dapat merapatkan lagi jurang di antara rakyat dan kerajaan di samping meningkatkan lagi imej kerajaan. Terima kasih kepada Speaker atas pertambahan masa soal jawab sebanyak 30 minit setiap sesi soal jawab. Skudai dengan rendah diri meminta supaya kalau boleh masa soal jawab dapat dipertambahkan lagi. Supaya lebih banyak soalan yang berkait rapat dengan masalah rakyat dapat dijawab dan dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung, sila gulung.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Speaker, kalau diizinkan tadi saya pinjam masa daripada Yong Peng, kalau diizinkan. Yang Berhormat Speaker, lebih daripada 200 soalan lisan telah dibangkitkan dalam setiap sesi Persidangan Dewan. Bagaimanapun, kita dapat lihat, walaupun dipertambahkan masa 30 minit sesi jawab, maaf, sesi soal jawab, bila dah kata, nak, nak cepat ini, berlakulah macam ini. Walaupun ditambahkan masa 30 minit, masih lagi nampak tahap ataupun soalan yang dapat dijawab itu masih kurang iaitu kurang daripada 50 soalan yang dapat dijawab dalam sesuatu sesi Persidangan Dewan. Dengan kata lain, kurang daripada $\frac{1}{4}$ daripada soalan yang dibangkitkan itu dapat dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa ada keperluan untuk menambahkan masa sesi soal jawab di Dewan yang mulia.

Yang Berhormat Puan Speaker, untuk meningkatkan mutu perbahasan Dewan yang mulia ini, masa yang lebih atau kelonggaran masa wajarlah diberi untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa kami mengambil bahagian dalam perbahasan. Jangan susah-susah perlu pinjam dengan Yang Berhormat lain.

YB Timbalan Speaker : Tak, semua Ahli tadi kata sudah bagi 20 minit sahaja.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Peruntukan...

YB Timbalan Speaker : Jadi saya izinkan dua minit lagi.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Peruntukan sebanyak 20 minit ini kadang kala tidak cukup untuk Yang Berhormat yang perlu menyuarakan pandangan mereka dalam Dewan yang mulia ini apatah lagi jumlah hari Persidangan Dewan Negeri tidak melebihi 20 hari dan setiap Ahli Yang Berhormat hanya mempunyai dua kali peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Adakah masa lebih kurang 40 minit setahun ini cukup untuk membangkitkan masalah rakyat atau menyuarakan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat? Adakah keadaan sebegini adil kepada pembayar cukai atau rakyat yang memilih kita sebagai wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini? Oleh itu, Skudai mencadangkan supaya setiap Ahli Yang Berhormat diperuntukkan masa sekurang-kurangnya 30 minit semasa mengambil bahagian dalam Perbahasan dan sekiranya perlu, hari Persidangan ditambahkan lagi bagi membolehkan Perbahasan kita lebih bermutu dan lebih banyak masalah, lebih banyak isu boleh dibincangkan dalam Dewan mulia ini. Selain itu, Dewan Negeri juga perlu memanfaatkan perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-Undang dalam proses penggubalan enakmen negeri.

Perbahasan peringkat jawatankuasa akan membolehkan sesuatu Rang Undang-Undang itu diteliti dan mutu perbahasan dapat dipertingkatkan sehingga kepada fasa per fasa. Pihak pengurusan Dewan Negeri juga perlu mempercepatkan pelaksanaan siaran langsung semasa Persidangan Dewan secara *real time*. Pelaksanaan siaran langsung Persidangan

Dewan bolehlah dijalankan secara atas talian atau *online* melalui laman web rasmi kerajaan ataupun laman-laman sosial media yang ada sekarang. Sekiranya wujud pertimbangan atau faktor-faktor yang menyebabkan siaran langsung secara *real time* tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini, maka adalah dicadangkan supaya rakaman Persidangan Dewan Negeri dimuat naikkan ataupun di *upload* ke laman web selepas Persidangan Dewan supaya walaupun bukan secara *real time* sekurang-kurangnya orang awam masih dapat mengikuti Persidangan Dewan Negeri dan dapat menilai sendiri prestasi Wakil Rakyat yang dipilih oleh mereka di dalam Dewan yang mulia. Untuk mengatasi...

YB Timbalan Speaker : Jadi sudah tamat masa.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Ada sikit lagi. Yang Berhormat Speaker, kalau...

YB Timbalan Speaker : Iyelah, berapa lama lagi? Satu minit?

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Kalau boleh tiga minit lagilah.

YB Timbalan Speaker : Satu minit lagi.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Ha, ok. Yang Berhormat Puan Speaker, untuk menghadapi senario politik yang baru di negeri Johor ini, kita haruslah mengamalkan sikap terbuka dalam menyelesaikan masalah rakyat tanpa mengira latar belakang atau perbezaan fahaman politik. Kita seharusnya sentiasa mencari penyelesaian secara insklusif dan komprehensif dengan melibatkan semua pihak dalam usaha membangunkan masyarakat setempat dan memberangsangkan pertumbuhan ekonomi negeri Johor. Oleh yang demikian, Skudai mengesyorkan supaya beberapa jawatankuasa pilihan atas beberapa isu penting yang menjadi fokus rakyat ditubuhkan supaya isu-isu ini diberikan perhatian yang sewajarnya dan mencari penyelesaian yang berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Keanggotaan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan ini dicadangkan meliputi Ahli-Ahli Dewan daripada kalangan parti pemerintah, parti pembangkang dan juga wakil-wakil NGO yang sesuai. Skudai yakin dengan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan ini, kita dapat mewujudkan kerjasama antara semua pihak yang terlibat ini supaya masing-masing mengetepikan perbezaan fahaman politik dan duduk semeja untuk membincangkan isu yang timbul dan juga mencari jalan penyelesaian yang terbaik demi kepentingan rakyat.

Dengan adanya, keanggotaan daripada pihak bukan kerajaan, Skudai yakin bahawa cadangan dan dasar yang lebih komprehensif dan memenuhi kepentingan semua pihak dapat ditemui hasil daripada perbincangan dalam Jawatankuasa Pilihan ini. Antara jawatankuasa-jawatankuasa yang dicadangkan adalah Seperti Jawatankuasa Pilihan Pengurusan Air Dan Alam Sekitar, Jawatankuasa Pilihan Pengangkutan Awam, Jawatankuasa Pilihan Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Badan Berkanun, Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Pilihan Memerangi Jenayah, Jawatankuasa Pilihan Lalu Lintas Singapore - Johor, Jawatankuasa Pilihan Tanah Dan Hasil Bumi. Skudai yakin penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat menambah baik pentadbiran dan memantapkan lagi kedudukan kerajaan Pakatan Harapan.

YB Timbalan Speaker : Ok.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih atas peluang dan masa lebihan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Puan Speaker. Sekali lagi Skudai mengingatkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini terutama yang sekarang duduk di pihak pembangkang supaya kita sama-sama menggembleng tenaga, sama-sama kita duduk semeja, membincangkan isu-isu, dasar-dasar demi kepentingan semua rakyat tanpa mengira fahaman politik. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Tuan Md Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana Bukit Naning diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada 27 Jun 2019 yang lepas. Jangan risau Puan Speaker, Bukit Naning tidak akan sambung cerita tentang kencing. Insya-Allah Bukit Naning akan terus melaksanakan politik nilai bertanggungjawab bekerja untuk rakyat.

Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin kerana kita masih berada di bulan yang mulia iaitu bulan Syawal. Apa ertinya Syawal ini sebagai khalifah di bumi ini. Keberadaan kita pada bulan Syawal turut mengetuk hati untuk kita sama-sama mengambil iktibar daripada beberapa peristiwa besar yang tercatat dalam sirah Nabi Muhammad SAW antaranya Peperangan Uhud yang berlaku pada pertengahan bulan Syawal tahun ketiga hijrah, Peperangan Ahzab bererti tentang tentera bersekutu kufar juga dikenali dengan nama Peperangan Khandak yang bererti parit yang dibina oleh para tentera Islam sebagai kubu dalam menahan kemaraan musuh di mana ianya berlaku dalam bulan Syawal berlarutan hingga awal bulan Zulkaedah Tahun 5 hijrah dan Peperangan Hunail pada, peperangan yang berlaku pada bulan Syawal Tahun ke-8 Hijrah selepas pembukaan Kota Mekah. Ketika berhadapan dengan musuh Islam, maka tentera Islam menerima keputusan yang berbeza antara menang dan kalah.

Contohnya, tentera Islam diberi kemenangan dalam Peperangan Badar pada bulan Ramadan meskipun jumlah mereka terlalu kecil, tetapi oleh kerana jiwa mereka suci dan hati mereka bersih untuk tunduk mengabdikan diri kepada Allah semata-mata, maka mereka telah dianugerahkan dengan kekuatan dan kemenangan. Tidak ada kebendaan yang dicari dan tidak ada pengaruh duniawi yang menjadi matlamat dan tujuan dalam perjuangan mereka. Sebaliknya di dalam Perang Uhud apabila hanya ada segelintir sahaja daripada jemaah Islam itu yang tidak mengikut arahan Rasulullah SAW. Mereka telah diajar dengan percikan darah yang menitis keluar dari tubuh umat Islam sehingga gigi Rasulullah SAW sendiri patah dan pipinya berdarah. Justeru, kerana sedikit daripada mereka meninggalkan bukit untuk mengejar ghaimah perang dan kebendaan, mereka telah diajar oleh Allah melalui shuhada yang bergelimpangan. Dan bagaimana mereka diuji sekali lagi secara jemaah di dalam peristiwa peperangan Hunain tatkala mereka berbangga dengan jumlah yang ramai, mereka merasakan bahawa mereka tidak mungkin dapat dikalahkan sehingga duji dengan kekalahan pada peringkat awal lagi dengan serangan hendap daripada musuh.

Peristiwa ini menjadi dalil yang kuat untuk membuktikan bahawa kejayaan dan kemenangan umat Islam, kegemilangan generasi Islam bukanlah buatan manusia tetapi ia adalah kurniaan daripada Allah. Pertolongan dan kurniaan daripada Allah ini tidak akan datang secara percuma, walaupun Islam ini adalah agama yang diturunkan oleh Allah sebagaimana ungkapan seorang ulamak meskipun Allah boleh memberikan kemenangan kepada Islam sebagaimana turunnya hujan daripada langit. Tetapi oleh kerana Islam itu diturunkan kepada manusia maka kejayaan dan kegemilangan Islam ini hendaklah berjalan melalui proses kemanusiaan itu sendiri melalui sifat-sifat yang ada pada manusia yang dibentuk melalui cara kehidupan manusia serta melalui tekanan dari penindasan yang dihadapi oleh daripada mereka.

Oleh kerana itu, Allah melatih dan membentuk mereka melalui wahyu secara individu dan jemaah membentangkan di hadapan mereka ribuan tribulasi yang nyata dan praktikal. Sentuhan wahyu yang menggarap sikap dan semangat untuk memikul amanah Islam sehingga lahirnya individu-individu dalam rangkaian satu jemaah yang padu dan kuat. Lahirnya jemaah Islam yang dapat melaksanakan perintah Allah tanpa syarat, suatu jemaah yang tidak pernah menyimpang walau di saat wafatnya Rasulullah SAW mereka tidak mungkin dapat digugat sebagaimana mereka tidak dapat digugat di zaman Rasulullah SAW selaku khalifah yakni pemimpin kepada masyarakat ketelusan hati dan mentadbir

pentadbiran diperlukan bagi menjamin kesejahteraan umat tidak kira Islam ataupun tidak Islam seperti mana dalam firman Allah “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah nasibnya”.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negeri melalui pelbagai inisiatif telah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Johor, antara contohnya melalui Kad Sihat Johor. Kad Sihat ini bagi membolehkan rakyat berpendapatan rendah dapat mengurangkan kos kesihatan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato’ Dr. Sahrudin bin Jamal telah melaksanakan program ini sewaktu menjadi EXCO Kesihatan pada yang lepas. Program ini perlulah ditambah nilai dengan memberi peruntukan kepada penambahan kuota dan perbanyakkan klinik panel bagi memudahkan masyarakat khususnya di luar bandar. Bermulanya dari kesihatanlah yang menjadi kepada ketamadunan masyarakat itu sendiri. Dua perkara yang penting dalam masyarakat adalah yang pertama, pendidikan dan yang kedua, kesihatan.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam titah Kebawah Duli Tuanku Sultan Johor iaitu untuk memastikan tadbir urus kewangan negeri Johor ditadbir dengan baik supaya tidak berlaku pemborosan namun dalam masa yang sama pembangunan masih juga banyak yang tertangguh. Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran. Suka saya berkongsi dalam Dewan yang mulia ini, hendaklah kita mengambil kisah Nasi Yusuf A.S dihuraiikan dengan panjang lebar dalam surah Yusuf. Ia menceritakan bagaimana Nabi Yusuf yang dianiaya dengan pelbagai cara sejak kecil hingga dewasa tetapi berkat kesabaran dan petunjuk daripada Allah SWT, baginda akhirnya sampai dilantik menjadi wazir dalam pentadbiran kerajaan Mesir. Begitulah ketentuan Allah, tiada siapa yang boleh mengubahnya. Ia menjadi contoh klasik bagaimana seorang yang beriman menghadapi dan menangani penganiayaan serta fitnah, bacalah surah ini dan fahamilah maksudnya yang relevan untuk kita buat sepanjang zaman.

Kisah yang menjurus kepada nabi Yusuf dalam aspek pengurusan ekonomi bermula daripada peristiwa baginda diminta untuk mentafsir mimpi Raja Mesir. Ia bermula dengan Raja Mesir, pada suatu malam bermimpi di mana beliau, baginda melihat 7 ekor sapi betina yang gemuk-gemuk dimakan oleh 7 ekor sapi betina yang kurus-kurus dan 7 tangkai gandum yang hijau, dan 7 tangkai lainnya yang kering. Beliau lantas mengumpul ketua-ketua kaum di negeri Mesir untuk dimaklumkan tentang mimpinya dan amat berhajat untuk mendengar apakah maksud yang terkandung disebalik mimpinya. Dan Raja Mesir berkata sesungguhnya aku mimpi melihat 7 ekor lembu yang gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu yang kurus dan aku melihat 7 tangkai biji-bijian yang hijau dan 7 tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini kalau kamu orang yang pandai mentafsir mimpi. Dipendekkan kisah, setelah tiada siapa yang mampu mentafsirkan mimpi Raja Mesir itu, seorang pelayan istana yang pernah menjadi banduan bersama Nabi Yusuf A.S suatu ketika dahulu dan teringat kembali akan kehebatan Nabi Yusuf dalam mentafsirkan mimpi telah memaklumkan Raja Mesir akan berita kehebatan Nabi Yusuf. Setelah dirujuk akan mimpi Raja Mesir itu, Nabi Yusuf bukan sahaja mampu mentadbir mimpi tersebut dengan tepat, malahan beliau juga telah turut memberikan nasihat yang betul kepada raja dalam mendepani masalah ekonomi yang dihadapi oleh Raja Mesir ketika itu. Nabi Yusuf dalam nasihatnya, hendaklah kamu bertanam 7 tahun seperti biasa kemudian, apa yang kamu tanam biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit dari bahagiannya yang kamu jadikan untuk makan kemudian akan datang selepas itu 7 tahun yang sangat kemaraunya yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan bagi mereka kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan dan padanya mereka memerah hasil.

Pendekatan selanjutnya yang diamalkan dan diambil oleh Nabi Yusuf yang tidak pernah dipraktikkan oleh siapa pun sebelum ini, iaitu strategi membuat simpanan berjangka bagi hasil negara atas dasar beringat untuk menyimpan semasa senang sebelum dibelanjakan kemudian di masa adanya keperluan. Maka atas sebab itulah Nabi Yusuf mengingatkan bila

datang musim menuai, jangan semua hasil yang dituai untuk dijadikan makanan dihabiskan dalam masa yang singkat sebaliknya perlu ada yang dikekalkan kesegarannya untuk digunakan jangka masa panjang selain untuk dijadikan benih pada musim penanaman yang akan datang. Inilah yang dimaksudkan dalam Titah Bahas Kebawah Duli Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dalam konteks mentadbir urus kewangan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Puan Speaker, di Bukit Naning terdapat satu-satunya hutan paya gambut di Johor yang terbesar dan terpelihara. Kedudukannya di Mukim Ayer Hitam, Hutan Simpan Ayer Hitam Utara iaitu HSAHU terletak di Mukim Ayer Hitam Daerah Muar, berkeluasan 3795.84 hektar dan mempunyai 22 kompartmen iaitu kompartmen 1 hingga 22. Hutan Simpan Kekal dan telah diwartakan pada 28.2.1940 dengan nombor warta 24272 dan mengikut Rancangan Tebangan Rawatan Tahunan, RTRT dikelaskan sebagai hutan kawalan banjir merupakan satu-satunya hutan paya gambut di negeri Johor. Mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 25.6.2008 Ringkasan Mesyuarat Bilangan 1238/2008 bersetuju untuk kawasan seluas 3795.84 hektar di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara dibangunkan sebagai Hutan Taman Negara Paya Gambut. Hutan Taman Negara Paya Gambut diurus dan dikelaskan sebagai hutan perlindungan. Aktiviti penghasilan hutan iaitu pembalakan tidak dibenarkan sama sekali. Hutan Taman Negara Paya Gambut ini juga dijadikan ekopelancongan. Strategi menggunakan sumber alam yang ada untuk faedah komuniti DUN Bukit Naning dan daerah Muar melalui dua perkara iaitu pelihara dan pengguna.

Yang pertama, pelihara - memastikan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara tidak terancam khususnya kemusnahan akibat kebakaran yang kerap berlaku sewaktu musim panas dan kering seperti apa yang berlaku pada tahun 2008, 2014 dan tahun 2019 baru-baru ini. Antara perkara yang perlu diambil penekanan adalah penguatkuasaan larangan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan berhampiran Hutan Simpan Ayer Hitam Utara. Keduanya, program pembekalan kandungan air di bahagian tanah gambut hutan berkenaan bagi menghalang air daripada keluar seterusnya meningkatkan kepelbagaian bio seperti pembinaan *check dam*.

Kedua, pengguna - menyediakan kemudahan infrastruktur yang sesuai dan pergiat program lestari yang dapat menjana peluang kepada penduduk setempat untuk terbahit dengan kegiatan program eko-edu pelancongan. Membina wakaf dan kemudahan sampingan lain di jalan masuk hutan pelajaran iaitu di kompartmen 12 bagi memudahkan aktiviti dijalankan. Memberi dana khas kepada komuniti setempat untuk penjagaan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara seperti Bomba Komuniti dan NGO Pengurusan Pelancongan Komuniti di kawasan tanah gambut. Ia memerlukan satu kos yang besar untuk memastikan pemuliharaan tanah gambut kerana ini satu-satunya hutan paya gambut terbesar di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesejahteraan masyarakat penduduk luar bandar amat menjadi keutamaan Bukit Naning dalam tadbir urus. Di Bukit Naning permasalahan seperti perparitan yang tidak diurus dengan baik disebabkan kekurangan peruntukan. Ini akan menjadi lebih teruk setelah kedatangan musim tengkujuh. Perlu diadakan sistem yang lebih baik untuk menguruskan parit-parit yang ada di daerah Muar khasnya yang mana sebelum ini hanya RM4 juta diperuntukkan untuk sekali servis kawasan parit-parit di kawasan seluruh Muar. Oleh yang demikian, Bukit Naning mengharap supaya kerajaan dapat memberikan peruntukan sebanyak RM20 juta, 1 tahun untuk penyelenggaraan parit-parit seluruh daerah Muar bagi menyelesaikan masalah banjir di kebanyakan tempat di daerah Muar dapat diatasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, selaras dengan Rancangan Kawasan Khas Bandar Muar, Bandar Diraja, dan lanjutan pengiktirafan bandar Muar sebagai Bandar Pelancongan Bersih Asia, satu gagasan program Bandar Warisan Bersih dan Sejahtera (BWBS) telah dibentuk yang merupakan satu manifestasi untuk meletakkan kepentingan unsur warisan, kebersihan dan kesejahteraan dalam pembangunan Majlis Pra Pelancaran Program Bandar Warisan,

Bandar Bersih dan Sejahtera (BWBS) telah disempurnakan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada 19 September 2018 sempena program *World Cleanup Day*, teras Bandar Warisan, Bersih dan Sejahtera (BWBS) di bawah Majlis Perbandaran Muar.

- i. Peremajaan bandar dan pemeliharaan warisan.
- ii. Transformasi penjaja dalam bandar.
- iii. Kelestarian alam.
- iv. *Great forward* pengurusan sisa pepejal.

Flogging Muar mula diperkenalkan pada 31 Mac 2018. Dalam siri kempen kebersihan dengan tema *Environmental Ethic Society*. Program tersebut telah diadakan secara santai bertempat di kawasan riadah Tanjung Mas dan Tanjung Ketapang dan dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar. Aktiviti *flogging* telah diadaptasi dengan identiti tersendiri daerah Muar di mana bukan sahaja dilakukan melalui aktiviti *jogging* malah ia juga turut dipraktikkan kepada aktiviti riadah yang lain. Agenda ini merupakan salah satu usaha untuk melestarian aspek kebersihan dan membudayakan amalan menjaga kebersihan sekitar bersama komuniti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Muar juga telah dipilih bersama-sama dengan Kampung Baru Kuala Lumpur, Tawau, Sibu dan Pulau Pinang sebagai salah sebuah kajian bagi projek penyediaan Pelan Tindakan Perubahan Iklim oleh *The Global Covenant Of Mayors For Climate And Energy* (GICOM). Pelan tindakan adaptasi perubahan iklim ini akan digunakan sebagai panduan untuk menjadikan daerah Muar sebagai sebuah bandar mampan dan rendah karbon pada masa hadapan.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Md Ysahrudin bin Kusni (Bukin Naning) : Pelan ini akan disediakan oleh pasukan pakar dari UTM, *Low Carbon Asia Research Centre* dan ditanggung sepenuhnya oleh GICOM. Majlis Perbandaran Muar telah memperkasakan Program SPAS di mana semua pelan bangunan bermula 1.1.2019 mensyaratkan supaya SPAS diletakkan di hadapan rumah secara menarik. Ia merupakan penambahbaikan kepada inisiatif sebelum ini yang meletakkan tong-tong SPAS di bahagian belakang rumah tidak digunakan sepenuhnya, mengakibatkan tong tersebut dibuka selepas pemeriksaan CCC oleh PBT.

Selain itu, MPM juga mewajibkan semua pemaju untuk membuat CSR dengan membina kepok sampah secara kekal di bahagian hadapan rumah. Dan diselaraskan melalui kelulusan pelan landskap kepok sampah ini dilengkapi ruang landskap bagi tanaman *edible* di ruangan atas dan ruangan tong sampah 5R+2C, yakni *replace, retreat, reduce, reuse plus compos, close* di ruangan bawah bagi pengasingan sisa kitar semula. Ini dapat menyokong usaha program kitar semula. Sekali gus mengurangkan beban kepada tapak pelupusan sampah yang semakin terhad serta menggalakkan aktiviti, *urban farming* di kalangan penduduk. Cadangan ini diharapkan dapat disebarkan luas kepada semua PBT bagi menyokong aktiviti kejiranan hijau dan kelestarian alam.

Yang Berhormat Puan Speaker, tapak pelupusan sampah sedia ada di atas Lot PTD 4007, Jalan Kebun Sayur, Mukim Jalan Bakri dengan keluasan tapak 36 ekar. Proses penutupan selamat tapak tersebut telah bermula sejak 2008 dan sepatutnya siap pada 2010. Walau bagaimanapun, sehingga kini 20% daripadanya masih digunakan sebagai sel aktif bagi tapak pelupusan sampah memandangkan tiada tapak baru bagi tujuan tersebut. Tapak pelupusan sampah sedia ada di Bakri telah melewati tempoh penggunaannya dan perlu ditutup selamat. Kebakaran di tapak pelupusan sampah yang semakin kerap menunjukkan pelepasan gas metana dan *leachate* yang tidak diurus dengan baik, risiko keselamatan kepada pekerja, masyarakat dan kawasan sekitar serta menghasilkan pencemaran udara. Bagi mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan supaya sebahagian rizab kawasan lapang di Taman Perindustrian PerKayuan yakni Muar Furniture Park di Bakri digunakan bagi tujuan

transfer stesen dan adalah dicadangkan hasil pampasan bagi penggunaan tapak ini oleh JPSPN dapat digunakan bagi menampung cadangan pembinaan Terminal Maharani Sentral baru di Jalan Pintasan Muar bagi mengurangkan kesesakan di pusat bandar.

YB Timbalan Speaker : Bukit Naning, masa sudah tamat.

YB Tuan Md Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Untuk makluman, sekian lama Muar berdepan dengan masalah industri perabot yang dilaksanakan tanpa kelulusan Kebenaran Merancang adalah antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah kerana pengusaha hanya menyewa dan bukanlah pemilik tanah tersebut. Keperluan untuk pengurusan perabot untuk dilaksanakan sebagai menampung *demand* daripada pelabur. Proses KM dan SPKS melibatkan perubahan syarat tanah mengambil masa. Oleh itu, pengusaha dan pemilik tanah sanggup mengambil risiko melanggar undang-undang dan melaksanakan pembangunan dan operasi kilang tanpa kelulusan pelan-pelan pembangunan. Sehubungan itu, MPM telah melaksanakan Kebenaran Merancang terhad bagi tujuan pemutihan dan proses kelulusan KM dapat dipercepatkan dalam masa yang sama proses SPKS perlu disempurnakan oleh tuan tanah. Ini bagi mengelakkan PBT kehilangan hasil. Jadi, oleh kerana masa telah lewat, maka saya memohon supaya segala permasalahan yang telah diutarakan adalah satu perkara yang berkaitan dengan masyarakat umum. Masyarakat ini menjadi tunjang kepada lapisan masyarakat. Hendaklah menjadi keutamaan dalam Dewan yang mulia ini untuk memperlihat segala permasalahan ini daripada pelbagai sudut. Jadi, Bukit Naning dengan ini menyokong dan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 3.55 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.25 petang.

Persidangan disambung semula jam 3.55 petang.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Perbahasan disambung semula.

Jurutulis : Perbahasan Atas Rundingan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 29.

YB Speaker : Masa yang diberikan kepada pencadang dan 3 orang daripada pembahas sekiranya ada iaitu 10 minit bagi setiap seorang dan selepas daripada itu, pihak kerajaan akan menjawab. Yang Berhormat Permas, jemput.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Permas ingin membawa satu Rundingan mengenai isu yang berlaku di Pasir Gudang yang bertarikh 7 Mac 2019 dan 20 Jun 2019 ke dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut maklumat yang diterima sebanyak 2,500 kilang yang wujud di kawasan perindustrian Pasir Gudang dan sebanyak 250 kilang daripadanya menjalankan operasi berkaitan dengan bahan *chemical*. Justeru, Permas ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengkaji semula tahap keselamatan penduduk di kawasan Pasir Gudang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam laporan yang Permas terima sebelum ini peristiwa yang berlaku di Sungai Kim Kim, telah membawa trauma kepada penduduk di Pasir Gudang lantaran dari peristiwa yang baru berlaku 6 bulan, 3 bulan 13 hari kini berulang kembali dengan kesan yang sama terhadap penduduk Pasir Gudang. Permas mencadangkan usul ini untuk dibahas berkenaan bagaimana pemantauan tahap kualiti udara dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar sehingga kes ini berlaku berulang-ulang kali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Permas memperolehi maklumat bahawa terdapat kilang-kilang yang menjadi sasaran longgokan kimia dari kapal-kapal yang membawa sisa tersebut ke dalam negeri ini khususnya di Pasir Gudang. Justeru itu, pihak Jabatan Alam Sekitar digesa supaya menjalankan pemantauan yang kerap tanpa kompromi terhadap kilang-kilang tersebut bagi membendung perkara dari berulang lagi. Selain itu, pihak Jabatan Alam Sekitar juga perlu bertanggungjawab memberikan jadual pemantauan yang selama ini dilakukan dari tarikh peristiwa Sungai Kim Kim hingga tarikh peristiwa kedua di Pasir Gudang baru-baru ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Permas mengusulkan ini perlu dipandang berat pihak kerajaan agar keselamatan, tahap kesihatan penduduk di Pasir Gudang terjamin. Permas dikhabarkan bahawa kerajaan persekutuan khususnya, mengambil acuh tidak acuh terhadap penguatkuasaan terhadap industri-industri kilang di Pasir Gudang. Jadi, kerajaan sebelum ini selepas, jadi kerajaan sebelum ini dilihat seperti melepaskan batuk di tangga dengan menggadaikan nyawa serta keselamatan penduduk di Pasir Gudang. Permas mengusulkan sekali lagi agar perkara ini dilihat semula dengan mewujudkan *buffer zone* dengan izin, di antara penduduk dengan industri Yang Berhormat Speaker. Permas juga mencadangkan perlu adanya pemasangan alat berteknologi tinggi untuk mengesan tahap kualiti udara di setiap kilang yang kosnya akan ditanggung oleh industri melalui skim pembayaran pencemaran yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Justeru itu, dengan ini juga Permas mohon semoga Dewan yang mulia ini dapat menyokong Permas agar hasrat untuk memperbadankan Alam Sekitar Negeri Johor diwujudkan demi agar kejadian pencemaran di Pasir Gudang tidak akan berulang kali ketiga, insya-Allah. Usaha ini perlu konsisten dan penguat kuasa perlu ditambah baik bagi menyelesaikan perkara-perkara yang berbangkit.

Yang Berhormat Speaker, dengan ini Permas mencadangkan Rundingan ini disokong. Terima kasih.

YB Speaker : Saya buka pada perbahasan. Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Permas *off, off*. Ok silakan Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang *on* kat sini. Yang Berhormat Tuan Speaker, kita berhadapan dengan suatu perkara yang begitu serius. Kalau dulu suatu ketika MH17 hilang semua orang kecoh. Semua menyalahkan pihak yang berkuasa. Sekarang ini berada di hadapan kita adalah satu fenomena yang besar implikasinya. Kita harus tahu tentang implikasinya bagaimana. Imej negeri sebagai negeri yang maju tercalit dengan dakwat hitam yang cukup memalukan. Walau bagaimanapun, kita harus terima suratan takdir ini tetapi kita harus berusaha untuk menangani supaya ianya tidak berlaku dan kita harus mengenal pasti secara tuntas tentang sebab musababnya. Kebetulan pula, 3 bulan yang lalu 13 hari seperti yang dinyatakan oleh Permas tadi, ianya berlaku dan kini berlaku lagi. Dan ini adalah *the third wave*, dengan izin. Kalau dulu ia melibatkan lebih 4,000 orang, sudah cukup menggemparkan.

Statement demi *statement* dikeluarkan oleh pihak berkuasa berseorangan, berkelompok, *statement* pun dibuat secara berkelompok. Tetapi ianya berlaku lagi. Persoalannya, saya nak tahu bagaimanakah kerajaan dulu maklum untuk membuat tumpuan kepada 30 syarikat yang mengusahakan industri berunsurkan kimia di Pasir Gudang ini? Bagaimana dengan pemantauan dan juga penemuan yang telah dibuat. Kali ini, ia menimbulkan lebih banyak persoalan dan apatah lagi ianya berlaku kepada warga Pasir Gudang yang melibatkan anak-anak sekolah di lebih pada 100 buah sekolah di kawasan Pasir Gudang. Harus diingat Pasir Gudang adalah sebuah bandar perindustrian dan ianya melibatkan PBT ataupun Kerajaan Tempatan yang khusus yang bertanggungjawab tentang urusan tadbir dan juga kedudukan

industri-industri yang ada di bandar ini. Dan pada masa yang sama juga kita telah dimaklumkan, kita nak tahu bagaimana syarikat-syarikat kimia yang halal dan haram ini maksudnya yang ada kebenaran dan tidak ada kebenaran, *legal* dan *illegal* industri ini. Sebenarnya berapa banyak. Saya nak tekankan dekat sini, jangan sampai kita tidak ada data. Dimulakan dengan Kerajaan Tempatan, mesti ada. Apakah jenis industrinya, *mapping* kedudukannya di mana, jangan sampai kalau kita nak meraba-raba, jangan sampai kita terpaksa menyewa *ghost buster* nak selesaikan masalah ini. Sekarang ini dinyatakan bahawa sekarang ada gas ganjil. Pemanis tadi telah sebut gas-gasnya. Sekurang-kurangnya Pemanis hebat. Dia tahu tentang gasnya dan bagaimana ianya boleh sampai ke pihak awam.

Jadi, sekarang ini kita nak tahu sebenarnya sejauh mana pemantauan industri-industri yang didaftarkan dan tidak terdaftar di Pasir Gudang ini. Dalam erti kata yang lain, kita mesti mempunyai data yang lengkap tentang industri-industri yang berkenaan. Pada masa yang sama juga, kita juga harus memantau dan mengetahui di kalangan lebih 250 syarikat yang terlibat ini. Sejauh mana kita dapat mengetahui mereka ini melupuskan *waste* mereka, *toxic waste* dengan izin, ke pusat yang telah disediakan. Yang berada di Negeri Sembilan seperti Kualiti Awam, *Waste Management Centre*, sejauh mana dan pada masa yang sama juga kita jangan terlepas pandang kepada kontraktor-kontraktor swasta. Sama ada berdaftar ataupun tidak didaftarkan. Sama ada dipantau ataupun tidak dipantau. Sama ada mereka menghantar kepada pusat pelupusan yang ditetapkan atau mengambil jalan ringkas, jalan pendek dengan membuang lebihan ataupun *waste* ini di merata tempat dan menyebabkan risiko yang tinggi kepada masyarakat setempat.

Justeru itu, saya juga ingin menekankan bahawa kerajaan sudah tidak boleh memberi makluman bahawa tak tahu tentang perkara ini, tak boleh. Masyarakat di bawah sana baik di Pasir Gudang, di negeri Johor dan seluruh Malaysia tak boleh nak cakap tak tahu. Tak tahu tak boleh cakap. Dia kena usahakan dan kita yakin kita beri kepercayaan dan kita yakin kita juga menyarankan agar ditubuhkan *special* dengan izin, satu *task force*, *Special Inter-Department Task Force* yang melibatkan DOE, DOSH, Jabatan Bomba dan Polis dan Kerajaan Tempatan kerana realitinya dalam negara kita ini termasuk dalam negeri kita masalahnya adalah koordinasi antara jabatan-jabatan yang ada dalam negeri kita. Koordinasi, *coordination* ini harus diperbaiki agar berkongsi maklumat bukannya masing-masing, bergerak masing-masing semata-mata. Apatah lagi kita kalau kita cerita berkenaan dengan Sungai Kim Kim, kita harus libatkan juga dengan BAKAJ. Kita cerita berkenaan dengan *air*, sekarang ini kita pergi ke arah nak menentukan *indoor air quality*, tetapi kita berhadapan dengan *external air quality* yang begitu buruk sekali di dalam negeri kita ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita juga mahu pihak DOE ataupun Alam Sekitar perlu terus mengemas kini *website* lebih kerap agar rakyat di Pasir Gudang sentiasa maklum tentang kualiti udara seharian. Sama ada air dan udara dan bukannya udara saja, air, adakah macam mana keadaannya supaya mereka mengetahui keadaan. Kita sedih apabila melihat jabatan kerajaan yang bekerja dengan pakaian yang lengkap tetapi *reporter-reporter* kita hanya sekadar mengenakan *mask* yang begitu nipis, berbeza sekali. Ini adalah satu perkara yang memburukkan imej negeri Johor dan kita harap ianya harus ditangani dengan lebih baik dan saya yakin dengan *political will* ataupun iltizam politik yang kuat, dengan usaha yang gigih oleh semua pihak perkara ini boleh ditangani. Saya berharap ianya tidak akan berulang lagi, kerana sekali mungkin secara kebetulan tapi kalau masuk dua, tiga kali kita merasakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dan saya yakin perkara ini lebih mudah ditangani, kalau kita mempunyai data yang lengkap yang didapati oleh jabatan-jabatan yang berkenaan bagi pihak kerajaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Perling menyokong rundingan dibawa oleh Permas dan ingin memberi cadangan tambahan kepada Dewan yang mulia ini. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum ini kita tahu ada

sebanyak RM6.4 juta daripada kerajaan persekutuan untuk insiden Sungai Kim Kim ini. Jadi, barangkali saya rasa kita perlukan lebih untuk penjelasan orang awam terhadap apa yang kita lakukan sebab kita faham rakan-rakan kita, rakan-rakan EXCO kita, rakan-rakan ADUN kita dekat sana pun sudah bertungkus lumus untuk cari jalan untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi, apa yang kita lihat sebenarnya ada kalanya semua daripada sosial media itu telah membuat banyak spekulasi. Jadi saya rasa kita perlu satu laporan terutamanya laporan *post mortem* Sungai Kim Kim, insiden Sungai Kim Kim 3 bulan lepas dipaparkan ke awam sebab dengan ini saya rasa sekurang-kurangnya kita boleh memahamkan orang awam apa perbezaan antara insiden Sungai Kim Kim yang lepas dengan insiden yang baru-baru berlaku ini. Jadi, Perling juga ingin menyatakan bahawa terkesannya kejadian yang berlaku di Pasir Gudang lagi adalah kebanyakannya murid-murid yang kita tahu mereka budak-budak masih lagi lemah. Jadi Perling mendapati terdapat lagi sisa-sisa kimia yang wujud yang tersimpan dekat kawasan-kawasan kilang terutamanya yang berkaitan dengan kimia. Jadi Perling mohon pihak kerajaan memastikan bahan kimia tersebut dilupuskan dalam kadar segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sewajarnya memanfaatkan Teknologi terkini dalam meningkatkan keberkesanan sistem pemantauan kualiti alam. Jadi, kerajaan perlulah mewajibkan pemasangan peranti pemantau kualiti alam oleh industri-industri yang berisiko supaya pemantauan secara 24 jam dapat dijalankan secara talian dan secara *real time*. Sekarang dah ada Teknologi ini, *real time*, kita tahu macam mana kadarnya dan data pembebasan bahan pencemaran ke udara dan kumbahan ke sungai dapat dikumpulkan dan dipantau dari semasa ke semasa ke pangkalan data kerajaan untuk pemantauan yang lebih berkesan. Jadi, melalui analisis *big data* kita dapat meramal dan mengelakkan masalah yang mungkin berlaku. Ini ialah Teknologi zaman ini yang kita katakan sebagai dengan izin, *Internet of things, real time* kita tahu kalau ada sedikit masalah saja kita boleh ambil tindakan terus. Jadi, pada waktu yang sama kerajaan perlu menyediakan ruang yang secukupnya untuk membolehkan penglibatan orang ramai dalam proses pemantauan kualiti alam. Orang ramai sewajarnya dibenarkan membuat maklum balas kepada kerajaan berkenaan apa-apa isu pencemaran yang diperhatikan bila-bila masa sahaja khasnya di luar waktu pejabat yang sering menjadi masa berlakunya pencemaran yang serius.

Yang seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, *team* respons yang sentiasa bersedia 24 jam sehari perlu diwujudkan supaya sebarang aduan dan maklum balas daripada orang ramai dapat diberi respons pada kadar paling segera sebaik saja aduan tersebut diterima bagi menangani sebarang ancaman pencemaran yang mungkin berlaku dalam masa singkat. Dan juga Yang Berhormat Tuan Speaker kita juga kena fikir adakah kita, saya rasa kita perlu untuk mengetatkan lagi undang-undang berkaitan dengan pelepasan gas ataupun bahan pencemar, terutamanya kalau kita boleh tengok pada hukuman-hukuman yang lebih berat untuk kepada yang menyabit kesalahan tersebut dan kita lihat kalau untuk buat sementara waktu kemungkinan untuk memasang penyaman *air cond* dengan izin, ataupun penyaman-penyaman udara dekat bilik darjah dekat tingkat kedua ke atas dekat kawasan Pasir Gudang ini mungkin dapat dipertimbangkan untuk mengurangkan risiko kita berhadapan dengan pencemaran dekat kawasan Pasir Gudang. Dengan ini, Perling menyokong rundingan dibawa oleh Permas. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Benut.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Petang ini kita sama-sama mendengar satu usul yang dari awal saya telah pun mengatakan agak pelik, tetapi saya menghormati keputusan Tuan Speaker, satu usul yang dibuat oleh wakil kerajaan yang mendapati bahawa kerajaan gagal. Baiklah. Kita semua sedia maklum bahawa berdasarkan kepada hujah yang dikemukakan oleh pembawa usul terhadap kebimbangan dan kehendak untuk kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya, sebagai pembangkang di sebelah sini, kita menambah perkara yang telah diperkatakan bahawa tidak wajar seorang menteri mengatakan wujudnya gas ganjil ini iaitu

methyl mercaptan yang memberi kesan dan risiko yang tinggi kepada kanak-kanak dan juga pesakit asthma. Itu kedapatan yang pelbagai.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan menyokong usul ini tapi bersyarat. Syarat saya ialah Yang Amat Berhormat perlu turun ke lapangan segera untuk memberi jaminan kepada penduduk di Pasir Gudang bahawa keadaan semua terkawal. Langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan. Kerajaan mampu menyelesaikan masalah yang ada, kalau boleh Yang Amat Berhormat turun tak payah jadi macam satu ketika dulu menteri turun masa insiden pertama dengan dia punya *mask* nya, dengan pakaian kalis peluru, tak perlu. Saya kira Yang Amat Berhormat adalah pemimpin yang amat bertanggungjawab, Yang Amat Berhormat tahu apa yang perlu dibuat oleh seorang ketua kerajaan. Jadi, syarat saya menyokong usul ini ialah untuk Yang Amat Berhormat turun ke lapangan, kalau boleh besok, atau dalam masa yang segera mungkin. Kerana masalah yang besar yang dihadapi sekarang ini ialah keyakinan masyarakat di Pasir Gudang itu, bahawa sesuatu tindakan diambil oleh kerajaan. Kerana pelbagai pihak, macam yang dikatakan tadi, sehingga mempolitikkan keadaan yang berlaku di Pasir Gudang. Yang Amat Berhormat sahajalah yang akan dapat menenangkan penduduk di situ dan Yang Amat Berhormat jugalah yang akan dapat memberi amaran kepada mereka yang bertanggungjawab hingga berlakunya insiden pencemaran udara ini.

Saya yakin, dengan jaminan Yang Amat Berhormat dapat berikan kepada penduduk di Pasir Gudang ini, selesai masalah ini, akan selesai. Keyakinan rakyat sama ada kerana gas ganjil ke, kerana kita tidak ada zon penampungan ke, atau kata Yang Berhormat Permas tadi, kerana kita perlu mencari mekanisme ke, Yang Amat Berhormat bayangkan, ada 2,005 kilang berlesen di Pasir Gudang. 250 daripada kilang tersebut adalah yang berasaskan bahan kimia. Jadi intensitinya memang tak boleh kita nafikan. Kebimbangan itu akan ada di kalangan masyarakat di Pasir Gudang. Maka itu, satu *authority figure*, satu kenyataan yang dibuat oleh pihak berkuasa. Yang Amat Berhormat sebagai ketua, saya percaya dengan jaminan yang dapat diberikan oleh Yang Amat Berhormat kepada masyarakat di Pasir gudang ini, akan dapat menghakiskan, menutupkan segala kebimbangan termasuklah oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, sokongan bersyarat ini mudah-mudahan mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, terima kasih.

YB Speaker : Syarat pun tak berapa berat.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Tak berat. Yang Berhormat turun aje, Yang Amat Berhormat turun.

YB Speaker : Yang Amat Berhormat, untuk menjawab beberapa soalan. Silakan.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang amat prihatin akan situasi yang berlaku di Pasir Gudang. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah atas usul tergegar yang dibuat oleh YB Permas. Itulah menunjukkan keprihatinan kami, kerajaan, yang lebih baik dibandingkan dengan pihak sebelah sana. Pihak sebelah sana menganggap kita gagal. Itu bagi pandangan mereka. Tapi bagi kita, itulah keprihatinan kita. (Dewan bertepuk). Ternyata, untuk pihak pembangkang memberi 2 orang jeneral untuk membahaskan usul yang telah diusulkan oleh YB Permas. Mungkin di pihak sebelah sana kurang menonton ataupun mendengar berita. Hatta, sewaktu kes pertama Sungai Kim Kim, EXCO pertama yang terus turun di hari pertama setelah habis sahaja Dewan ialah EXCO Kesihatan, Pertanian dan Alam Sekitar, ya. Namun untuk pengetahuan sahabat di sebelah sana...

YB Speaker : Pembangkang turun tak masa tu Yang Amat Berhormat? Alhamdulillah...

YAB Menteri Besar : Namun EXCO portfolio itu, tiga-tiga dah tak ada. So, saya rasa pihak pembangkang kena *check* balik memo, kalau nak hantar memo pastikan memo itu tepat dan

betul. Dan setelah saya pulang daripada Umrah, saya terus menuju ke Pasir Gudang. Sebab itu saya mengatakan bahawa pihak di sebelah sana kurang menonton TV atau kurang mendengar berita, ya.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana bersetuju untuk memberi laluan kepada perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai isu pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang. Pada 13 Mac 2019 lalu, kita telah dikejutkan dengan kes pencemaran di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang telah mengakibatkan 9 orang mangsa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), serta lebih 166 telah dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail. Untuk pengetahuan semua bahawa Sungai Kim Kim telah lebih 10 tahun tercemar, namun tiada apa-apa pun tindakan daripada pihak kerajaan yang lepas. Kerajaan persekutuan dan negeri dengan kerjasama agensi teknikal telah sehabis baik menangani isu pencemaran Sungai Kim Kim tersebut. Dan saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua agensi yang telah membantu kerajaan untuk menyelesaikan isu Sungai Kim Kim.

Antara langkah-langkah yang telah kerajaan lakukan adalah seperti berikut :

Yang pertama, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan kecemasan serta-merta sebanyak RM6.4 juta sebagai bantuan segera untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim sepanjang 1.5 kilometer selama 4 hari.

Kedua, kerajaan persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Sains Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Pemantauan Teknikal dan Saintifik bagi memantau situasi di Pasir Gudang secara berkala. Jabatan Alam sekitar Johor telah melakukan siasatan dan satu syarikat sedang didakwa di bawah Seksyen 34 (b) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kerana disyaki terlibat dengan pembuangan secara langsung di Sungai Kim Kim. Tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh mahkamah Johor Bahru pada 11 Julai 2019. Sebetulnya, apa pun cadangan yang disampaikan oleh pihak di sebelah sana telah kita laksanakan. Terkini, pada 20 Jun 2019, kita sekali lagi telah dikejutkan dengan insiden gangguan kesihatan sesak nafas dan muntah-muntah di Sekolah Agama Taman Mawar, Pasir Gudang. Bertindak atas laporan, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan, Angkatan Pertahanan Awam serta pelbagai agensi bergegas ke lokasi kejadian membuat siasatan punca kejadian tersebut serta memberi bantuan awal kepada para pelajar. Bukan sahaja agensi yang turun, saya juga melihat beberapa EXCO, YB-YB juga turut ke kawasan yang terlibat dengan cepat. Langkah serta-merta dibuat oleh kerajaan negeri adalah dengan mengaktifkan Jawatankuasa Penyelaras Bantuan dan Pengurusan Bencana di peringkat daerah dan negeri serentak bagi menyelaras pengurusan pencemaran dan bantuan. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemantauan Teknikal dan Saintifik juga dibuat setiap hari untuk memastikan setiap agensi yang terlibat berusaha dengan sebaiknya mencari punca berlakunya pencemaran.

Kerajaan negeri Johor bersama-sama agensi teknikal telah melakukan tindakan seperti berikut :

Yang pertama, mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pemantauan dan Saintifik bagi memantau kualiti udara, meliputi radius 15 kilometer bagi mengenal pasti punca kepada pencemaran udara.

Kedua, mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) bagi memastikan 250 premis lagi yang dikenal pasti mengendalikan bahan-bahan merbahaya mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Ketiga, mengambil tindakan penjejakan dan penyiasatan kepada 72 premis industri bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Hasilnya adalah seperti berikut :

- i. Kesalahan berkaitan buangan terjadual, 40 kompaun;
- ii. Kesalahan berkaitan efluen perindustrian, 10 kompaun;
- iii. Bilangan notis arahan, 3 notis;
- iv. Perintah tahan operasi, 3 premis industri.

Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan dan Saintifik melaporkan bahawa punca kejadian insiden gangguan sesak nafas dan muntah-muntah adalah dari pencemaran gas *Methyl Mercaptan*, *Acrolein* dan *Acrylonitrile*. Kehadiran gas ini adalah anomali iaitu keadaan yang tidak normal di mana kehadiran gas *Methyl Mercaptan* dapat dikesan dalam udara ambien. Akibat persekitaran pembangunan di Pasir Gudang yang tepu, sebarang anomali seperti ini akan memberi kesan kepada kumpulan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan penghidap asthma.

Oleh yang demikian, pihak JAS telah mengeluarkan satu nota arahan kepada 5E Resources Sdn. Bhd untuk melupuskan semua buangan terjadual (*residue*), pada 24 Jun 2019. Kerja-kerja pelupusan telah dimulakan serta merta dan sebanyak 60 tan buangan telah dilupuskan pada 25 Jun 2019 dan bakinya sebanyak 40 tan dilupuskan pada 26 Jun 2019. Semua bahan kimia yang mengandungi *methyl mercaptan* telah dibersihkan dan disahkan tiada lagi bacaannya pada 27 Jun 2019. MESTECC telah mengambil langkah-langkah segera untuk melupuskan faktor-faktor penyumbang kepada kehadiran gas-gas tersebut serta meneruskan usaha-usaha penguatkuasaan dan pemantauan ke atas kilang-kilang berasaskan bahan kimia di sekitar Pasir Gudang.

Bagi mengelakkan risiko kejadian seperti mana yang berlaku berulang, beberapa tindakan kerajaan negeri akan lakukan seperti:

1. Mengarahkan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) dan Jabatan Alam Sekitar bersama-sama Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan dan Saintifik untuk merangka pelan jangka panjang menjadikan Pasir Gudang sebuah Bandar perindustrian yang lestari.
2. Jawatankuasa tersebut perlu memantau keadaan persekitaran di Pasir Gudang serta melaporkan kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar pada setiap bulan.
3. Aktiviti penguatkuasaan perlu diperbanyakkan dan diperketat kepada kilang-kilang bahan kimia yang berisiko tinggi.
4. Kerajaan negeri juga menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Menteri MESTECC untuk membina stesen pencerapan gas automatik yang dapat memberi amaran awal bencana kimia yang lebih cekap dan pantas. Ini dapat membantu pihak berkuasa untuk bertindak lebih proaktif.

Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelarasan, Pemantauan Teknikal Dan Saintifik yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang telah bertungkus-lumus menyumbang kepakaran mereka dalam membantu mengesan juga memantau bacaan gas yang terampai di persekitaran Pasir Gudang. Kerajaan negeri juga mengambil maklum dan terima kasih di atas memorandum yang telah dihantar oleh pembangkang pada 26 Jun 2019. Bersama-sama kita berdoa agar tragedi yang berlaku di Pasir Gudang ini tidak akan berulang. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Tahniah, Rundingan ini saya kira telah selesai dan kalau kita mengikut 29(3) kita tidak perlu membuat sebarang keputusan ke atas Rundingan ini. Ini bermakna bahawa Rundingan ini telah diterima dan saya sendiri mengambil berat isu ini kerana apabila kita telah bangkitkan dalam Dewan dan jika kita tolak maka 12 bulan pula untuk kita tunggu baru boleh kita bawa semula Rundingan ini. Maka, saya terima sahaja siapa sahaja kalau pembangkang yang bawa pun kita terima juga. Kalau

pun kerajaan bawa pun kita terima juga kerana kita nak dua-dua pihak dapat berbahas isu yang penting berkenaan dengan Pasir Gudang ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Isnin, 1 Julai 2019, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.